

**PARLIMEN KEDUABELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 4

Rabu

1 April 2009

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

USUL:

- Menjunjung Kasih Titah Ucapan
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
[YB Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik]

(Halaman 26)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 1 April 2009****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya menarik perhatian Ketua Whip dan kerajaan, bahawa kita di Dewan Negara menerima terlalu banyak permintaan untuk diturunkan giliran pertanyaan-pertanyaan. Ini akan mendedahkan Dewan Negara kepada anggapan dan prasangka Dewan ini boleh dimanipulasikan di atas sebab-sebab politik dan kepentingan-kepentingan tertentu dan boleh menjejaskan kemuliaan dan keberkesanan Dewan yang mulia ini. Maka harapan saya ialah agar Dewan Negara tidak lagi menerima terlalu banyak permintaan supaya pertanyaan-pertanyaan diturunkan gilirannya di atas sebab-sebab yang remeh. Terima kasih. Dato' Yip Kum Fook.

1. Dato' Yip Kum Fook minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah kementerian tidak ada satu pelan tindakan untuk membanteras Denggi dan Chikungunya sedangkan penyakit tersebut bukanlah sesuatu perkara yang baru dan ia kerap berlaku.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini secara bersekali dengan tiga yang lain-lain pertanyaan, kerana pertanyaan-pertanyaan ini adalah menyentuh isu yang agak sama, iaitu Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin pada 30 Mac; Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie pada 31 Mac; dan Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung bertarikh 6 April.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan, silakan.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Merujuk kepada soalan menyatakan bahawa kementerian tidak mempunyai satu pelan tindakan khusus untuk membanteras Denggi dan Chikungunya adalah tidak berapa tepat. Ingin saya nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa peningkatan kes Denggi berlaku bukan sahaja di negara kita, tetapi juga di 100 buah negara mengikut laporan WHO, malah di negara Selatan kejadian penyakit tersebut lebih teruk daripada negara kita. Walau bagaimanapun, antara sebab mengapa peningkatan Denggi dan Chikungunya ini berlaku adalah kerana:

- (i) faktor urbanisasi;

- (ii) persekitaran yang kurang bersih, yang menggalakkan kepada pembiakan nyamuk aedes; dan
- (iii) kepadatan serta pergerakan penduduk yang tinggi di antara faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada peningkatan kes-kes tersebut.

Ekoran daripada itu, kementerian membuat pendekatan Kempen Perangi Denggi Habis-habisan dengan *target* kita dapat mengurangkan 10,000 kes Denggi setiap tahun mulai 2009 sehingga 2013. Pelan Strategik Pencegahan Kawalan Denggi telah disediakan dan telah pun dibentangkan kepada Jemaah Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Yip Kum Fok, kemudian Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin, kemudian Puan Heng Seai Kie.

■1010

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertanyaan tambahan saya ialah kempen untuk membasmi denggi diadakan hanya apabila wabak denggi berlaku dan pihak kementerian tahu bila penyakit ini akan berlaku kerana dia bermusim.

Jadi, mengapa kempen ini tidak dilaksanakan sebelum ia merebak dan *fogging* sepatutnya diadakan sepanjang tahun dan bukan apabila terdapat kes denggi berlaku. Pertanyaan kedua, adakah pihak berkuasa tempatan atau PBT, dan pejabat kesihatan daerah yang mempunyai bidang kuasa yang lebih kurang sama, bagaimana kementerian kesihatan dapat membantu PBT dalam usaha membanteras penyakit ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan. Kita tidak dapat perangi nyamuk. Nyamuk ini lebih awal daripada kita. Selagi ada nyamuk, selagi ada virus denggi dan Chikungunya, selagi ada manusia, selagi itu ada penyakit tersebut. Itu secara teori. Yang kita hendak hapuskan ini adalah nyamuk yang mempunyai virus. Kita tidak boleh bunuh semua nyamuk macam cerita Nabi Musa, *Mosses*.

Namun begitu, kita boleh bunuh nyamuk yang ada membawa virus tersebut. Oleh yang demikian, cara yang paling berkesan adalah mengetahui nyamuk dan virus itu sendiri. Kita buat kempen, pemberian risalah, sebenarnya sepanjang tahun. Di dalam *National Health Mobility Survey*, dengan izin, yang ketiga kita buat pada tahun 2006, kita dapati bahawa semua rakyat tahu tentang denggi. Semua rakyat tahu tentang Aedes. Akan tetapi apabila kita buat penyelidikan selanjutnya, mereka tidak buat apa-apa. Dekat dalam rumah, ada tempat pembiakan mereka tidak buat apa-apa. Dia tahu yang berapa banyak telur keluar, berapa jauh nyamuk ini boleh mengembara 200 meter, berapa lama dia boleh hidup, tetapi bila pergi ke rumah mereka, mereka tidak buat apa-apa....

Tuan Yang di-Pertua: Jadi masalahnya bukan masalah tindakan, tetapi lebih kepada masalah *compliance*. Adakah itu maksud Yang Berhormat?

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tepat Tuan Yang di-Pertua. Oleh yang demikian, kita hendak memasyarakatkan program-program pembasmian penyakit tersebut

kepada masyarakat dan kita memerlukan kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dalam program dengan izin, COMBI iaitu *Communication for Barrier Impact*. Di mana dengan cara berkomunikasi dengan masyarakat. Masyarakat dapat memainkan peranan yang lebih proaktif dalam pembasmian wabak tersebut. Yang Berhormat tadi bercakap pasal *fogging*.

Adakah kerjasama di antara kementerian dengan Kerajaan Tempatan, memang ada. *Fogging* ini hanya untuk nyamuk dewasa. Dia gigit pada waktu subuh dan pada waktu petang. Kalau kita *fogging* yang lain pada waktu ini, dia tidak berkesan. Akan tetapi dia nyamuk dewasa sahaja. Dia ada ibu lagi, telur dan larva yang perlu kita *target*. Yang ini sepatutnya dapat kerjasama daripada masyarakat. Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah benar tentang dakwaan bahawa masalah denggi dan Chikungunya adalah lebih serius di kawasan-kawasan PKR kerana wakil rakyat mereka tidak suka memantau sistem perairan parit ataupun longkang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan itu *political reloaded*.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, nyamuk ini dia tidak kira orang PKR kah, orang PAS kah, orang UMNO kah. Dia tetap gigit dan siapa yang kena, kalau mati pun dia *colour blind*. Penyakit ini buta warna. Oleh sebab itu kita minta semua wakil rakyat tidak kira PAS, UMNO atau PKR supaya peka tentang apa yang terjadi dan kebanyakan orang merasakan kalau rumah di sebelah dia kena dengan izin, *neighbour* kena, *I am not the one*. Sedangkan risiko penyakit tersebut adalah sama.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya pun telah dijawab oleh Yang Berhormat.

2. Dato' Daljit Singh Dalliwal minta Menteri Kewangan menyatakan, dengan pembangunan ekonomi yang pesat dan penuh cabaran, apakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu IPO Khas kepada golongan minoriti bagi meningkatkan ekuiti agar setanding dengan kaum-kaum lain.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha memastikan pembangunan yang dilaksanakan memberi faedah kepada semua lapisan masyarakat dan dapat meningkatkan taraf hidup rakyat tanpa mengira kaum.

Namun begitu, ketika ini kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan satu IPO khas kepada golongan minoriti. Perlu dimaklumkan bahawa kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan daya persaingan golongan minoriti melalui pelbagai mekanisme. Di antaranya melalui akses dan peluang kepada pendidikan yang sama untuk semua rakyat. Program Skim Unit Amanah, Program Pembangunan Keusahawanan dan Program Latihan Kemahiran. Program-program tersebut akan membantu meningkatkan taraf hidup dan pendapatan semua rakyat termasuk golongan minoriti. Dalam inisiatif ini, ia akan seterusnya meluaskan peluang

golongan minoriti untuk mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi negara termasuk memiliki ekuiti dalam sektor korporat.

Tuan Yang di-Pertua, adalah merupakan hasrat kerajaan supaya dalam era globalisasi dan perdagangan tanpa sempadan ini, semua rakyat negara ini tidak hanya bersaing antara satu sama yang lain tetapi berkemampuan untuk bersaing di peringkat antarabangsa dan secara global. Justeru itu, kerajaan akan terus memberi tumpuan khusus dalam membantu golongan miskin dan golongan miskin tegar tanpa mengira keturunan dan kaum untuk keluar dari belenggu kemiskinan dan seterusnya dapat meningkatkan daya persaingan mereka. Rancangan-rancangan untuk memperluaskan Jaringan Keselamatan Sosial atau *Social Safety net* mencari dan membasmi golongan miskin tegar serta lain-lain program telah diwujudkan untuk menangani masalah ketidakseimbangan yang wujud. Sekian.

Dato' Daljit Singh Dalliwal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, baru-baru ini dengan izin, *total stimulate package amounting to 70 billion* untuk memajukan negara. Dengan izin, *planning* yang sedia ada dengan izin, *70 billion to boost the economy*, adakah duit yang berbilion ini akan sampai dengan segera ke sasaran seperti rakyat Malaysia yang menghadapi dan melanda ekonomi ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kong Cho Ha: Apa soalan?

■1020

Tuan Yang di-Pertua: Pelaksanaan di bawah pakej rangsangan.

Dato' Kong Cho Ha: Ya, sistem pelaksanaan saya semalam sudah jawab soalan nombor satu. Apakah cara pelaksanaan dan kerajaan akan mewujudkan satu laman web www.rangsanganekonomi.treasury.gov.my. Di mana semua rakyat dapat memantau melalui laman web itu bagaimana peringkat pelaksanaan, peringkat pembayaran dan sebagainya. Jadi ini semua kerajaan telah adakan satu sistem dan laman web ini akan dilancarkan pada minggu yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Haji Ahamat bin Yusop.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adakah IPO khas untuk golongan bumiputera ini masih ada lagi sekarang ini? Kedua, akhir-akhir ini kebanyakan saham yang disenaraikan harganya lebih tinggi daripada *offer* yang diberikan kepada orang ramai. Tidakkah ini satu manipulasi duit ataupun modal orang ramai? Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: [*Berjalan keluar Dewan*]

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat keluar, saya ingin ucap tahniah kerana dilantik sebagai seorang Ahli Majlis Tertinggi UMNO. Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya setiap syarikat yang menjalankan IPO pada masa sekarang masih mempunyai sebahagiannya dikhaskan untuk bumiputera dan diuruskan melalui MITI. Untuk menjawab soalan yang kedua yang dibangkit

berkenaan dengan saham IPO ini. Sebenarnya harga saham IPO ini sebelum ia diberi IPO harga itu ditetapkan oleh pihak penilai apakah harga yang berpatutan untuk menjalankan IPO itu. Akan tetapi selepas IPO itu di senarai namakan dalam bursa saham jadi harga saham itu ditentukan oleh *market forces* ataupun *supply and demand*. Risiko itu perlu dipikul oleh pelabur sendiri kerana itu adalah terpujang kepada suasana, keadaan pasaran, sentimen, keadaan ekonomi global dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Ahmad Rusli.

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada pihak kerajaan. Soalan tambahannya ialah daripada beberapa pendekatan yang dikemukakan oleh pihak kerajaan serta beberapa dasar khususnya pohon izin stimulus pakej yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Apakah kerajaan berpuas hati dengan pencapaian sekarang dan khususnya kepada masyarakat minoriti yang berada di Malaysia Timur?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat pertanyaan adalah terkeluar kerana pertanyaan pokok adalah dijuruskan kepada IPO khas untuk golongan minoriti. Bukan manfaat yang akan diperoleh oleh golongan minoriti melalui pelbagai pakej rangsangan. Saya pulangkan kepada Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

3. Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta Perdana Menteri menyatakan, apakah Kerajaan tidak bercadang untuk memberi kenaikan pencen sehingga RM720 kepada pesara-pesara yang berkhidmat dari 21 hingga 25 tahun atau bagaimana kementerian memandang masalah pesara-pesara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan elaun pencen rendah kepada RM720 sebulan mulai Januari tahun 2009 bagi pesara-pesara yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun. Kadar pencen semestinya bergantung kepada tempoh perkhidmatan. Ada yang bermula lewat dalam pekerjaan dan ada yang bersara awal mengikut pilihan mereka. Adalah tidak adil bagi anggota yang mempunyai tempoh singkat diberi pencen yang sama kadar dengan mereka yang berkhidmat lama dalam kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Hajah Samsiah kemudian Tuan Ahmad Hussin.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berapa ramai pesara-pesara kerajaan yang terlibat dalam kes yang seperti di atas dan berapa banyakkah peruntukan yang diperlukan? Kalau bukan pun seperti mana peruntukan yang didapati oleh pesara yang telah pun berkhidmat lebih daripada 25 tahun. Sekian terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya jumlah pegawai kerajaan yang pencen yang terlibat ialah seramai 775,000 ribu orang dan jumlah yang terlibat dalam pembayaran ialah RM140 juta. Jadi satu jumlah yang besarlah. Sebelum ini ada di

antara mereka yang hanya mendapat pencen menerima RM230 jadi satu jumlah yang begitu besar yang baru-baru ini diumumkan oleh kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Ahmad Hussin.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah kenaikan pencen minimum kepada RM700 sebulan masih tidak mencukupi bagi pesara disebabkan kenaikan harga barang dan perkhidmatan. Soalan saya ialah adakah kerajaan akan menimbang untuk menaikkan lagi pencen minimum kepada RM1,500 sebulan? Terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju dengan Yang Berhormat banyak mana kita bagi pun memang tidak cukuplah. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa mengkaji mengenai kebajikan pegawai kerajaan yang telah berpencen. Sebenarnya baru-baru ini pun dalam banyak tawaran baru yang telah kita bagi oleh kerajaan kepada mereka yang berpencen. Umpamanya berkenaan dengan apa dipanggil Pencen Terbitan. Dulunya balu atau duda hanya mendapat selama 12 tahun tetapi sekarang ini dia masuk maknanya dapat sepanjang masa. Maknanya tidak ada lagi 12 tahun makna mereka akan dapat sepanjang hayat.

Jadi banyak lagi umpamanya baru-baru ini berkenaan dengan itu pun melibatkan jumlah yang besar. Selain daripada itu, ex-gratia yang baru-baru ini diumumkan kepada mereka yang pencen dan mati. Maknanya yang tidak mempunyai waris kerajaan juga bayar baru-baru ini. Sebenarnya baru-baru ini dalam pengumuman yang dibuat oleh kerajaan mengenai pencen ini kita melibatkan RM1.3 bilion yang kerajaan terpaksa beri kepada pesara-pesara. Jadi, soal pencen ini saya rasa kita tidak perlu bimbang kerana kerajaan sentiasa mengambil berat tentang pesara-pesara ini. Terima kasih.

Dr. M. Malasingam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya kemukakan soalan saya. Ingin saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan junjung kasih saya terhadap pelantikan ini ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang mencadangkan nama saya Yang Berbahagia Dato' Sri S. Samy Vellu, Presiden MIC. Berjanji akan melaksanakan tanggungjawab ini dengan penuh keikhlasan.

4. **Dr. Malasingam a/l Muthukumar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah rancangan atau program yang digariskan agar bekas penagih dapat berdikari setelah keluar dari pusat serenti memandangkan mereka sukar mencari pekerjaan; dan
- (b) adakah kementerian mempunyai statistik bilangan penagih yang kembali menagih dadah atas tekanan emosi kerana gagal mencari nafkah hidup.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin turut mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat yang baru dilantik sebagai Senator. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Dr.

M. Malasingam yang telah pun mengemukakan pertanyaan pada pagi ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini,

- (a) Kerajaan telah mengambil perhatian yang serius untuk membantu penghuni-penghuni pusat serenti yang telah dibebaskan. Dengan menyediakan pelbagai latihan kemahiran dan peluang keusahawanan.

■1030

Semasa menjalani latihan program pemulihan di pusat serenti, penghuni-penghuni diberikan pelbagai latihan kemahiran dengan kerjasama GIATMARA sebagai persediaan untuk menceburi bidang keusahawanan seperti berikut:

- (i) latihan automotif;
- (ii) teknologi bangunan;
- (iii) jahitan;
- (iv) *electrical*; dan
- (v) motor mekanik dan lain-lain bidang lagi.

Di samping itu, kementerian juga melalui Agensi Dadah Kebangsaan dengan kerjasama TEKUN Nasional telah pun melaksanakan lima siri kursus latihan asas perniagaan peluang kedua kepada kes-kes pengawasan di AADK Daerah, Pembimbing Rakan Sebaya akan ahli-ahli pendamai. Seramai 160 peserta telah pun mengikuti kursus tersebut yang meliputi latihan seperti keusahawanan, perniagaan dobi, kosmetik, makanan dan minuman, pertanian, ternakan kambing dan penternakan ikan serta lintah. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat juga seramai 15 orang peserta kursus telah pun menerima pinjaman dari pihak TEKUN berjumlah RM271,000.

Kerajaan juga turut melaksanakan Program Memperkasakan Tenaga Muda ataupun PMTM yang melibatkan 100 orang peserta di mana 50 orang pelatih pusat serenti dan 50 orang kes pengawasan dalam komuniti. Peruntukan waran sebanyak 22,000 telah pun dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan kepada 11 orang peserta PMTM yang berminat dalam bidang keusahawanan dan peniagaan.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, beberapa syarikat swasta bersetuju mengambil bekas-bekas penghuni pusat serenti untuk bekerja dengan mereka. Seramai 36 orang bekas penagih bekerja dengan FELDA Plantation Sdn. Bhd., 18 orang dengan Syarikat Guthrie dan sembilan orang bekerja di bidang jahitan dengan Stylo Executive Tailoring Sdn. Bhd. dan Kassim Jamin Sdn. Bhd..

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini juga,

- (b) Berdasarkan kepada statistik Agensi Dadah Kebangsaan, pada tahun 2007 seramai 708 orang penagih dan pada tahun 2008 seramai 703 orang penagih yang dikesan yang terlibat dengan penagih dadah atas faktor tekanan jiwa. Ini menunjukkan terdapat penurunan sebanyak 0.71% pada tahun 2008 berbanding dengan tahun 2007.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. M. Malasingam. Kemudian Tuan Khoo Soo Seang.

Dr. M. Malasingam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan terperinci dan jelas. Didapati masih terdapat bilangan bekas penagih yang keluar dari pusat serenti yang terjebak ke kancah dadah semula adalah tinggi sebab tekanan emosi kerana gagal mencari nafkah hidup. Soalan tambahan saya, mengapa kita perlu mengambil pekerja asing? Kita boleh menggunakan bekas penagih dadah ini bagi menggantikan pekerja asing. Kita tidak boleh melihat bekas penagih ini sebagai masalah sosial tetapi kita harus melihat mereka sebagai masalah kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan tersebut lebih di bawah tanggungjawab Kementerian Sumber Manusia. Akan tetapi Yang Berhormat boleh jawablah kalau Yang Berhormat hendak jawab bagi mendukung prinsip *collective responsibility*.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang saya setuju dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua di mana hampir keseluruhan soalan ini harus dituju kepada Kementerian Sumber Manusia. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa di dalam siasatan yang telah pun dibuat oleh Agensi Dadah Kebangsaan, terdapat tiga faktor utama di mana bekas penagih-penagih dadah kembali ke tabiat yang dulunya iaitu menjadi penagih semula. Sebab pertama ialah sikap umum terhadap bekas penagih.

Malangnya, terdapat satu stigma yang masih didukung oleh umum iaitu, *if you are a drug addict, you are always and forever a drug addict*, walaupun seorang *drug addict* telah pun menjalani pemulihan dan dianggap bersih semula dan tidak lagi menjadi penagih. Oleh kerana sikap ini masih di dukung oleh umum, maka mereka selepas dilepaskan dari Pusat Serenti susah hendak mendapat pekerjaan. Kedua, sokongan ibu bapa dan juga keluarga juga agak penting. Buat masa ini terdapat peratusan yang agak tinggi di mana keluarga khususnya ibu bapa masih tidak memberi sokongan yang kuat kepada anak-anak ataupun saudara-mara mereka yang dilepaskan daripada Pusat Serenti.

Oleh kerana kedua-dua sebab ini, bekas penagih akan kembali bersama-sama dengan rakan sebayanya iaitu penagih-penagih yang aktif. Dalam proses ini, mereka akan menjadi seorang penagih semula. Saya setuju walaupun hari ini terdapat melebihi 7,234 penagih aktif yang menjalani latihan di Pusat-pusat Serenti, patutnya bila mereka keluar harus dapat pekerjaan sebab kita begitu banyak bergantung kepada pekerja-pekerja asing. Saya percaya Kementerian Dalam Negeri akan bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia untuk mengadakan lebih

banyak program seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat supaya bekas penagih dapat diserapkan dalam pekerjaan-pekerjaan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Khoo Soo Seang.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita sentiasa cuba mengatasi masalah penagihan dadah dari segi kita cuba ubah sikap ataupun tukar tabiat mereka tanpa menyedari bahawa punca masalah yang utama adalah disebabkan oleh kekosongan emosi, kekosongan spiritual dan kedahagaan emosi yang perlu dipenuhi, maka soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan bercadang untuk memasukkan unsur-unsur keagamaan mengikut agama asal penagih masing-masing ke dalam program-program pemulihan. Sekian, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Di seluruh negara terdapat 28 pusat-pusat serenti dan dalam kursus ataupun semasa penghuni-penghuni berada di pusat-pusat serenti selama dua tahun, berbagai-bagai jenis latihan dan juga kursus-kursus dijalankan oleh kerajaan. Salah satu jenis sukatan ialah *syllabus* keagamaan di mana ulama-ulama dijemput ataupun pastor-pastor kalau mereka beragama Kristian dijemput, termasuk juga yang lain-lain pemimpin agama dijemput masuk untuk sentiasa memberikan pemulihan dan juga ajaran dari aspek agama supaya mereka ini dapat menjadi lebih stabil, lebih berkeyakinan terhadap diri sendiri.

Selepas mereka ini keluar, mereka ini akan menjadi seorang yang lebih bertanggungjawab dan lebih stabil. Bagi makluman Dewan yang mulia ini di dapati dari aspek ini kerajaan amat berjaya supaya lebih ramai penagih semasa menjalani latihan di pusat-pusat serenti memang cukup minat untuk menghadiri kelas-kelas keagamaan. Sekian, terima kasih.

5. Tuan Osman bin Bungsu minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, Pelan Induk Pembangunan Orang Asli jangka panjang bagi memastikan Orang Asli menerima segala kemudahan prasarana dan kemantapan ekonomi menjelang 2020.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin Yang Berhormat telah sedia maklum, pada awal tahun 2005 kementerian ini menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Malaysia telah merangka satu pelan induk jangka panjang yang telah diberi nama Pelan Strategik Pembangunan Orang Asli bagi memastikan masyarakat Orang Asli terus menikmati segala kemudahan prasarana dan pemantapan ekonomi yang sewajarnya.

■1040

Pelan ini diterjemahkan menerusi pelaksanaan program pembangunan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan dengan fokus utama kepada perkara-perkara seperti berikut:

- (i) mengurangkan kadar kemiskinan;
- (ii) meningkatkan kualiti hidup, tahap pendapatan dan kesihatan;
- (iii) mengurangkan kadar buta huruf;
- (iv) melaksanakan pelan pendidikan pembangunan pendidikan;

- (v) mengubah dan memajukan daya fikiran;
- (vi) memberi latihan yang berkesan dan berterusan;
- (vii) melaksanakan sistem maklumat bersepadu atau dengan izin, *the mark online*; dan
- (viii) meningkatkan kompetensi agenda Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah istilah Orang Asli itu hanya meliputi mereka yang menduduki tanah besar Semenanjung ataupun termasuk orang-orang yang menduduki di Sabah dan Sarawak?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Orang Asli ini Tuan Yang di-Pertua, mempunyai satu akta tersendiri di mana akta ini hanya dikhaskan kepada Orang-orang Asli di Semenanjung. Manakala di Sabah dan Sarawak mereka dikenali sebagai *the natives of Sabah dan Sarawak*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM377.3 juta untuk mengisi program-program yang saya sentuh sebentar tadi. Dari jumlah tersebut sejumlah RM219.2 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan program peningkatan kualiti hidup dan pembasmian kemiskinan. Sehubungan ini sejumlah 2,759 keluarga miskin tegar Orang Asli telah mendapat rumah di bawah skim bantuan rumah. Pada tahun ini sejumlah RM65 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan untuk membina sebanyak 1,818 buah rumah.

Selain daripada itu sebanyak 48 buah kampung telah mendapat kemudahan jalan *premix* dan jalan asas juga. Dalam tahun ini sejumlah RM25 juta diluluskan oleh kerajaan untuk membina jalan pertanian dan juga jalan kampung dikhaskan untuk Orang-orang Asli. Sehubungan dengan itu sebanyak 632 buah kampung telah dilengkapi dengan bekalan elektrik. Di samping itu, 807 buah diberi kemudahan bekalan air.

Dari segi keusahawanan, Orang Asli seramai 197 telah diberi peluang untuk menjalankan perniagaan dalam pelbagai bidang. Manakala seramai 250 peserta usahawan Orang Asli telah diberi pelbagai bantuan perniagaan oleh kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini peruntukan sejumlah RM72.3 juta diluluskan oleh kerajaan untuk tujuan keusahawanan-keusahawanan Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua: Baik sekarang jika Yang Berhormat Tan Sri beri peluang untuk Ahli-ahli Yang Berhormat ketengahkan pertanyaan tambahan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Okey.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab soalan ini begitu baik sekali. Yang Berhormat, memang saya mengucapkan terima kasih di atas program pelan tindakan yang begitu strategik telah dibuat untuk pembangunan Orang Asli tetapi saya melihat kemungkinan ada

penambah suaian yang terkini untuk pembangunan Orang Asli yang kita lihat persediaan untuk melihat...

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat.

Tuan Osman bin Bungsu: ...Orang Asli berjaya apa yang dicakapkan tadi akibat daripada kenaikan harga barang, pertama.

Yang kedua, melibatkan struktur penyemakan kadar kemiskinan Orang Asli masih di tahap 80%. Daripada 50% kepada 80%. Ini termasuk kemiskinan tegar. Jadi adakah pelan yang sedia ada ini perlu diubahsuai untuk Orang Asli berjaya duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dalam masyarakat yang lain kerana masyarakat Orang Asli hanya 141,000 sahaja di Semenanjung Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan yang bernas. Adakah pelan induk tersebut akan diubahsuai?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya segala program dan projek akan diteruskan dan ditingkatkan lagi. Dalam erti kata yang lain program yang tersedia sekarang ini senantiasa akan diubahsuai untuk menemui aspirasi-aspirasi Orang Asli supaya mereka juga menerima segala kemudahan prasarana dan kemantapan ekonomi seperti mana yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua: Kadang-kadang kita hendak bela sesuatu benda itu dengan penuh perasaan tetapi kita lupa masa ini masa pertanyaan. Hendak luahkan perasaan masa perbincangan. Datuk Majjol Mahap.

Datuk Majjol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi dan mendapati bahawa Pelan Induk Pembangunan Orang Asli ini tidak merangkumi mengenai dengan masalah pemilikan tanah oleh Orang Asli walhal satu masalah utama yang dihadapi oleh Orang Asli ialah mengenai dengan pemilikan tanah adat iaitu NCR. Apakah pendekatan kementerian dan kerajaan untuk memastikan bahawa pemilikan tanah melalui hak tanah adat itu sentiasa terjamin setiap masa dan tidak boleh dinafikan oleh kerajaan dengan sewenang-wenangnya. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih. Sejauh mana yang saya tahu Tuan Yang di-Pertua, tanah Orang Asli di sini jarang sekali di mana hak milik tanah dikeluarkan kepada individu tetapi tanah itu diisytiharkan sebagai rizab Orang-Orang Asli. Jadi saya berpendapat itulah jaminan bagi kerajaan supaya Orang Asli ini mendapat tanah selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Gooi Hoe Hin.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih. Soalan saya lebih kurang sama dengan Yang Berhormat tetapi kalau tidak silap saya kerajaan telah pun mengumumkan untuk lulus menggubal satu rang undang-undang yang berkisar soal pokok hak tanah rakyat Orang Asli yang telah

diumumkan supaya Ordinan Orang Asli yang begitu lapuk 70 tahun. Soalan saya, bilakah rang undang-undang ini akan dibentangkan di Dewan yang mulia ini?

Tuan Yang di-Pertua: Nama dia pun ordinan, bukan akta.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Sebenarnya saya tahu berkaitan dengan akta ini dan ini sedang dibincangkan di peringkat kementerian. Oleh kerana ia melibatkan perbincangan bersama-sama dengan kementerian-kementerian yang lain maka setakat ini akta itu di peringkat perbincangan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee

■1050

6. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta Menteri Luar Negeri menyatakan, sehingga kini berapa banyak jumlah kutipan derma kemanusiaan Gaza yang telah dipungut melalui pelbagai tabung yang ditubuhkan dan jumlah yang telah pun disalurkan kepada penduduk Palestin yang menjadi mangsa kekejaman Israel.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap isu ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengaktifkan akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin dan setiap sumbangan orang awam ke tabung ini akan dikawal selia oleh Jawatankuasa Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri Malaysia.

Setakat 16 Mac 2009, jumlah dana orang awam yang diterima dan terkumpul di dalam akaun tersebut ialah berjumlah sekitar RM13,630,741.29 dan masih ada lagi janji sumbangan yang belum dijelaskan. Ingin saya jelaskan di sini juga bahawa bagi tabung-tabung lain yang diusulkan oleh badan-badan bukan kerajaan dan tidak menyerahkan kepada Tabung Amanah, dimaklumkan bahawa kita tidak mempunyai peruntukan undang-undang khas untuk mengawal selia tabung-tabung berkenaan. Berkaitan dengan persoalan penyaluran bantuan kepada rakyat Palestin, sukacita dinyatakan di sini bahawa pada permulaan serangan Israel ke atas Gaza, Kerajaan Malaysia telah menyalurkan bantuan segera kemanusiaan sebanyak USD1 juta atau lebih kurang RM3.5 juta yang disalurkan melalui NGO kita iaitu MERCY.

Selanjutnya, pada 19 Mac 2009 yang lalu, kerajaan juga telah menyalurkan bantuan sejumlah RM10.3 juta kepada 13 buah NGO Malaysia dan UNICEF sebanyak RM250,000 yang dipertanggungjawabkan bagi menyalurkan bantuan bagi maksud melaksana projek kemanusiaan di Gaza bagi pelbagai projek-projek kemanusiaan. Dana yang telah diagihkan kepada UNICEF pula adalah kelangsungan hidup dan pembangunan kanak-kanak Palestin.

Selain daripada itu, Malaysia juga telah menyumbang sebanyak USD100,000 di *Cairo Donor Conference* pada 3 Mac 2009 yang lalu bagi maksud pembangunan semula Palestin. Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menjawab soalan nombor enam. Soalan tambahan saya, siapakah selain daripada MERCY, NGO-NGO yang dipertanggungjawabkan melaksanakan pengagihan bantuan dan apakah projek-projek yang telah dikenal pasti untuk menolong rakyat Palestin. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Di antara projek-projek yang telah dikenal pasti untuk dilaksanakan iaitu sektor keperluan asas iaitu projek yang dikenal pasti ialah projek tiub telaga air yang telah diserahkan kepada Pelaksana Haluan Palestin, Yayasan Amal dan juga Dewan Pemuda Masjid Malaysia yang dianggarkan kosnya RM2 juta. Selain daripada itu ialah bantuan kepada pembuat roti dan makanan asas. NGO pelaksana ialah *Muslim Care* dan juga *Global Peace* iaitu ABIM sebanyak RM1 juta. Yang ketiga ialah pembekalan kuasa elektrik atau generator mini diserahkan kepada NGO Dewan Pemuda Masjid Malaysia sebanyak RM300,000 dan juga projek selanjutnya pembekalan ubat-ubat yang telah diserahkan kepada MERCY Malaysia dan juga *Peace Malaysia* dan kosnya belum lagi dikenal pasti.

Pembekalan anggota palsu diserahkan kepada NGO Persatuan Bulan Sabit Malaysia, Aman Palestin dan *Islamic Relief* berjumlah RM2.5 juta. Pembelian ambulans diserahkan kepada MERCY Malaysia, Persatuan Bulan Sabit Malaysia dan *Islamic Relief* dengan jumlah RM1.5 juta. Bantuan selanjutnya iaitu bantuan pembelajaran diserahkan kepada Yayasan Salam, Mawaddah, Yayasan Wanita Islam, *Malaysian Social Research Institute* dengan jumlah RM1 juta. Projek selanjutnya ialah kelangsungan hidup dan pembangunan kanak-kanak Palestin yang akan dilaksanakan oleh UNICEF RM250,000. Pembiayaan kredit mikro diserahkan kepada *Global Peace*, Aman Palestin dan Haluan Palestin sebanyak RM2 juta dan kempen kesedaran yang belum ditentukan jumlahnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali berpuas hati penyalurannya agak *transparent*?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Ya, puas hati Tan Sri. Terima kasih.

7. **Datuk Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Kewangan menyatakan tentang kejatuhan nilai permintaan negara, berbanding penawaran yang agak ketara. Jika ada, sila jelaskan dan bagaimana usaha pragmatik untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat juga mempelawa diri untuk menganggotai Majlis Tertinggi UMNO baru-baru ini?

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:
Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Dan Yang Berhormat dapat tempat?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya turut mengucapkan tahniah... [*Tepuk*]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, permintaan akhir negara telah merosot kepada -5.35% pada suku tahun keempat 2008 berbanding dengan +6.5% pada suku tahun ketiga 2008. Punca utamanya adalah disebabkan eksport negara telah merosot dengan begitu ketara, 7.5% pada suku tahun keempat 2008, manakala pada bulan Januari lebih teruk lagi iaitu kepada 27.8%.

Pakej Rangsangan Pertama dan Kedua berjumlah RM7 bilion dan RM60 bilion adalah bertujuan untuk meningkatkan permintaan negara bagi tujuan untuk mengurangkan kesan impak krisis ekonomi dunia ke atas negara kita di mana kita maklum di bawah pakej pertama, banyak projek-projek infrastruktur yang sedang dan akan dilaksanakan.

Ini akan melonjakkan permintaan dalam negara. Di samping itu, di bawah pakej kedua, kita tahu ada empat teras utama mengurangkan pengangguran serta menambahkan pekerjaan, meringankan beban terutama individu yang tergolong dalam mereka yang terjejas, membantu syarikat serta menstrukturkan semula ekonomi negara supaya mempunyai kapasiti yang lebih besar dan moden. Ini adalah bertujuan untuk antara lain komponennya untuk meningkatkan permintaan akhir negara.

Di samping itu kita juga melihat kepada penggunaan dan pelaburan swasta untuk ditingkatkan. Sehubungan itu, kerajaan ingin memastikan iklim pelaburan yang kondusif daripada segi kos pengendalian projek yang kurang ataupun murah. Kemudian sistem penawaran kerajaan yang lebih baik serta sistem ekonomi yang lebih liberal. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Abdul Rahman bin Bakar, tak ada pertanyaan tambahan?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tiada.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Akhbar.

Datuk Akhbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan diberikan oleh Timbalan Menteri. Saya rasa Yang Berhormat, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *we have to bite the bullet...*

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan, Yang Berhormat.

Datuk Akhbar bin Ali: ...Pakej Rangsangan Pertama dan Kedua bernilai RM67 bilion itu pada pandangan saya setelah mengambil kira pelaburan eksport dan sebagainya bukan menghasilkan pertumbuhan sekitar -1% ke +1% tetapi sebenarnya akan menghasilkan...

Tuan Yang di-Pertua: Saya masih tunggu pertanyaan.

Datuk Akhbar bin Ali: Sebenarnya akan menghasilkan kadar pertumbuhan GDP sekitar -6% ke -7% *ceteris paribus*, dengan izin. Soalan saya, apakah kerajaan bersedia menerima hakikat ini dan akan mengambil tindakan yang lebih serius untuk mengatasi masalah yang bakal kita hadapi yang lebih kritikal itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat bermaksud bahawa pakej-pakej rangsangan itu tak cukup serius?

■ 1100

Datuk Akbar bin Ali: Kalau mengambil penilaian dibuat oleh CCRIS ia umpama aspirin, mengubat penyakit yang serius. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya berpegang kepada kajian yang dibuat oleh kerajaan. Dalam kajian kerajaan, dengan adanya kedua-dua pakej ini, kita dapat memastikan bahawa ekonomi negara kita, pertumbuhannya pada kadar di antara -1% hingga +1%. Malah, kita yakin bahawa sekiranya pertumbuhan ekonomi bertambah teruk, maknanya teruk, tidak lah teruknya dengan izin, *very deeply*, bertambah teruk. Pakej ini dapat menjadi kusyen kepada mengawal atau melindungi ekonomi negara kita.

8. **Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, apakah pemberhentian kerja dan penutupan kilang-kilang industri adalah merupakan masalah besar kepada negara. Apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah supaya kilang terus beroperasi dan jumlah pekerja yang berhenti dapat memenuhi permintaan jawatan kosong yang sedia ada.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih ... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tolong pakai *mike*. Saya ingat masalah kontrol belum cekap lagi, siapa yang berdiri, di mana?...

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, tidaklah dapat dinafikan lagi bahawa negara kita ini memang menghadapi kesan kemelesetan ekonomi global. Berikutan dengan itu, berlakulah masalah pemberhentian pekerja dan penutupan kilang-kilang.

Walau bagaimanapun, kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah tersebut melalui peruntukan Belanjawan 2009 yang berjumlah RM207.9 bilion. Pakej Rangsangan Pertama berjumlah RM7 bilion dan Pakej Rangsangan Kedua berjumlah RM60 bilion. Melalui Pakej Rangsangan Kedua, kerajaan akan mengambil langkah-langkah bagi menyokong aktiviti sektor swasta agar mereka terus beroperasi.

Antara langkah-langkah yang akan diambil adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan skim jaminan modal kerja RM5 bilion bagi membiayai modal kerja syarikat yang mempunyai modal kerja dan pegangan ekuiti kurang daripada RM20 juta. Syarat-syarat pembiayaan adalah:
 - (i) pinjaman dijamin kerajaan dan institusi kewangan dengan nisbah 80:20;
 - (ii) had pinjaman RM10 juta dengan tempoh bayaran balik lima tahun;

- (iii) menyediakan dana jaminan penstrukturan semula industri untuk meningkatkan produktiviti dan nilai ditambah lebih tinggi serta penggunaan *green* teknologi RM5 bilion;
- (iv) syarat-syarat pembiayaan adalah syarikat pegangan ekuiti kurang daripada RM20 juta dijamin kerajaan dan institusi kewangan dengan nisbah 80:20;
- (v) mengurangkan kos kendalian perniagaan;
- (vi) mengurangkan kadar levi kumpulan wang pembangunan sumber manusia dari 1% kepada 0.5% bagi setiap majikan mulai 1 April, hari ini sehingga 31 Disember tahun depan;
- (vii) memudahkan akses ke pasaran modal;
- (viii) menubuhkan institusi jaminan kewangan untuk menyediakan penambahan kredit *enhancement*, dengan izin kepada syarikat swasta bagi memperoleh pembiayaan bon;
- (ix) menarik individu iaitu *high network* dan berkemahiran dan menggalakkan perkembangan sektor automatif di mana kerajaan telah pun menambahkan peruntukan RM200 juta kepada dana pembangunan automatif yang dikendalikan oleh MITI dan skim pelupusan kereta berusia sepuluh tahun dan ke atas dengan nilai potongan RM5,000 setiap unit untuk membeli kereta Proton ataupun Perodua baru;
- (x) kelayakan untuk menuntut elaun modal dipercepatkan bagi menggalakkan pelaburan dengan tuntutan maksimum RM100,000 setahun;
- (xi) kebenaran bagi *carry back loses*; dan
- (xii) kenaikan levi keuntungan ke atas kelapa sawit.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Rizuan, kemudian Dato' Musa dan kemudian Datin Paduka Nor Hayati.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab soalan saya tadi. Memandangkan kemelesetan ekonomi global menyebabkan banyak kilang industri ditutup. Jadi, apa kilang-kilang yang boleh dibuka akan datang ini? Pertanyaan tambahan saya, apakah industri-industri kompetitif yang menjadi tumpuan kementerian untuk dibangunkan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti Yang Berhormat Senator sedia maklum bahawa kemelesetan ekonomi yang kita alami di negara ini bukanlah disebabkan oleh kerajaan negara kita ini. Akan tetapi disebabkan oleh kemelesetan ekonomi

yang bermula daripada Amerika Syarikat di mana krisis *sub prime* telah pun bermula pada tahun 2009 dan terus berkembang kepada negara Eropah, dan juga Asia dan selepas itu kepada rantau kita ini.

Untuk mengatasi masalah pekerja-pekerja asing dan juga menggalakkan pembukaan kilang-kilang, kerajaan memang sentiasa menggalakkan pekilang untuk mendakan kilang yang *labour* intensif yang tidak menggunakan pekerja yang ramai. Ini kerana, sekiranya kita kurangkan pekerja-pekerja, kita akan dapat mengatasi masalah pekerja asing. Kerajaan sentiasa menggalakkan *player* untuk melabur dalam industri seperti *auto machine* dan juga *high tech industry* yang kurang gunakan pekerja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf kepada Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh kerana beliau selalu angkat tangan dan saya tidak dapat lihat. Saya minta agar beliau bangun lain kali supaya saya dapat lihat. Adakah Yang Berhormat hendak kemukakan pertanyaan tambahan?

Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya bagi peluang kepada Dato' Musa, jangan bimbang.

Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Dari beberapa pakej yang disarankan tadi, ada dua yang saya agak tertarik iaitu tentang skim *guarantee* bagi modal kerja dan juga skim *guarantee* bagi pengubahsuaian industri. Yang Berhormat Menteri, setakat ini, sudah kah skim-skim ini boleh diguna pakai atau pun kita masih menunggu kepada *guideline* dan prosedurnya nanti?

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ada skim-skim ini telah pun diguna pakai seperti Skim Dana Automotif yang saya sebutkan tadi. Di mana Dana Pembangunan Automotif dan juga pelupusan kereta berusia sepuluh tahun dan ke atas di mana pihak Proton dan juga Perodua telah pun mengumumkan mekanisme untuk menjalankan skim-skim tersebut. Skim-skim yang lain telah pun dimaklumkan dan mekanisme telah pun diambil oleh pihak berkenaan untuk melaksanakan skim tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Dato' Musa dan terima kasih Dato' Musa kerana sama-sama kita mendukung prinsip kesamarataan supaya jangan dianggap kita tidak peka terhadap kepentingan OKU. Terima kasih.

■1110

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengikut arahan Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya, daripada tahun 2008 sehingga sekarang, berapakah jumlah kilang yang telah pun ditutup dan jumlah pekerja yang diberhentikan. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut laporan daripada *Immigration Department*, setakat ini sehingga 31 Disember, kita mempunyai lebih daripada 2.62 juta *foreign workers*, dengan izin, yang telah pun diluluskan dan di *issue* kan dengan pas lawatan. Di mana 35.3% telah pun diluluskan untuk sektor perkilangan. Ini mengambil lebih

kurang 728,867 pekerja asing. Kabinet telah pun pada 21 Januari tahun ini membekukan semua permohonan pekerja asing di perkilangan dan juga sektor perkhidmatan untuk meng *offset* kan *economy slow down* dan untuk menjaga pekerja tempatan kita di sini.

Mengenai statistik-statistik yang diminta oleh Yang Berhormat Senator, setakat ini saya tidak ada statistik ini dan saya akan membekalkan kepada Senator, statistik yang dipohon tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Demi kesempurnaan Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Sudah empat soalan ini, tidak apakah?

Tuan Yang di-Pertua: Sebab itu saya mengatakan, demi kesempurnaan.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana saya seorang sahaja yang berhak ketepikan peraturan mesyuarat.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih di atas keprihatinan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya pendapat daripada kementerian. Apakah pendapat kementerian tentang pengumuman yang dibuat oleh CIMB semalam bahawa 36,000 pekerja diberikan cuti tanpa gaji selama enam bulan. Apakah pekerja ini termasuk dalam istilah penganggur? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pengumuman yang telah pun dibuat semalam belum lagi disalurkan kepada kementerian. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi apa-apa komen mengenai isu tersebut. Terima kasih.

9. Puan Hajah Fatimah binti Hamat minta Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan, apakah langkah-langkah strategik yang perlu dilaksanakan agar Rukun Negara menjadi amalan dan pegangan seluruh rakyat Malaysia. Memandangkan Rukun Negara cuba diimplementasikan bagi melahirkan warga negara yang bertanggungjawab dan mempunyai jati diri yang tinggi. Namun akhir-akhir ini telah menampakkan ada golongan yang tidak mengamalkannya.

Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Tuan Teng Boon Soon]: Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara adalah tunggak utama kepada perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Justeru seluruh rakyat mestilah sentiasa menjunjung tinggi Perlembagaan dan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Rukun Negara sebagai landasan hidup ke arah mencapai ikatan perpaduan yang teguh. Menyedari hakikat tersebut Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan sentiasa mempertingkatkan daya usaha untuk memperkasakan program-program dan aktiviti-aktiviti ke arah memperkukuhkan semangat perpaduan, patriotisme, meningkatkan kefahaman masyarakat tentang Perlembagaan serta memperkayakan penghayatan dan pengalaman terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara khususnya di kalangan generasi muda.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh jabatan ialah menganjurkan seminar kenegaraan di seluruh negara, iaitu Perlembagaan dalam konteks perpaduan negara dan integrasi nasional. Setakat ini siri ceramah berkenaan telah diadakan di Pulau Pinang, di Kedah dan Perlis. Program ini merupakan kesinambungan daripada ceramah perlembagaan yang telah dianjurkan pada tahun 2008 dengan melibatkan seramai 200 orang pelajar-pelajar daripada 27 institusi pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh negara. Dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman rakyat tentang fungsi institusi Raja dan frasa Kesetiaan kepada Raja dan Negara.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran Malaysia, melalui Kelab Rukun Negara yang ditubuhkan di sekolah-sekolah dan IPT dari semasa ke semasa melaksanakan aktiviti ke arah memperkukuhkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengalaman murid atau pelajar terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara.

Matlamat utama penubuhan kelab ini adalah untuk melahirkan generasi muda yang sentiasa menjunjung Perlembagaan serta mendukung dan mempertahankan Rukun Negara sebagai landasan hidup yang menyatukan seluruh rakyat ke arah mencapai negara Malaysia yang bersatu padu dan harmoni. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di sekolah adalah berdasarkan kepada kelima-lima prinsip berkenaan. Selain daripada itu Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dengan kerjasama kedua-dua kementerian juga sedang dan akan melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan IPT dan juga di peringkat komuniti. Ini termasuk karnival, perkhemahan, Kelab Rukun Negara, bengkel, ceramah, pameran, pidato kenegaraan, pertandingan debat dan juga pertandingan cerpen.

Selain daripada itu bagi menyokong segala usaha yang dilakukan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, pihak Arkib Negara Malaysia turut menerbitkan buku kecil Rukun Negara dan buku Jalur gemilang yang mengandungi maklumat-maklumat tentang latar belakang kelahiran Rukun Negara. Penciptaan dan penghasilan Jalur Gemilang. Jabatan ini juga sedang dalam proses mencetak dokumen pengisytiharan kemerdekaan. Semua buku dan dokumen ini adalah untuk diedarkan bagi mempertingkatkan pengetahuan dan kefahaman umum. Buku-buku yang diterbitkan ini juga....

Tuan Yang di-Pertua: Baik sekarang jika Yang Berhormat beri peluang untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat ketengahkan pertanyaan tambahan.

Tuan Teng Boon Soon: Ya, ayat menggulung.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Buku-buku yang diterbitkan ini juga diedarkan ke sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi awam. Terima kasih.

Puan Hajah Fatimah binti Hamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, apakah kita dan kerajaan berpuas hati dengan kadar pengamatan pelbagai lapisan

masyarakat terhadap Rukun Negara setakat ini dan apakah langkah-langkah seterusnya? Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Pada hakikatnya, memang kerajaan tidak berpuas hati.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus jawapan itu Yang Berhormat, memang bagus.

Tuan Teng Boon Soon: Itu satu hakikat yang perlu kita melihat dengan hati yang terbuka dan juga dengan keprihatinan dari semua pemimpin khususnya pemimpin politik. Oleh sebab itu kementerian ini sudah mengadakan satu ceramah kenegaraan yang kita menggunakan seorang hakim mahkamah, *the Appeal Court* untuk menjelajah ke seluruh negara untuk memberi kursus kenegaraan itu kepada semua peringkat termasuk peringkat sekolah dan juga peringkat komuniti. Sekian.

10. Dato' Haji Kamarudin bin Ambok minta Perdana Menteri menyatakan, pada masa kini, ramai kakitangan kerajaan meluahkan ketidakpuasan hati sistem Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) yang dilaksanakan di seluruh organisasi Jabatan dan agensi Perkhidmatan Awam. Bagaimanakah kerajaan menilai semua PTK ini dan melakukan penambahbaikan sistem PTK ini agar ianya menjadi satu sistem penilaian yang baik dan adil kepada semua pekerja di sektor awam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]:

Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa peka terhadap maklum balas pegawai awam berhubung pelaksanaan PTK. Maklum balas berkenaan analisa dan perbincangan dengan jabatan bagi mengenal pasti isu dan kaedah penyelesaian. Hasil analisa menunjukkan ketidakpuasan hati tertumpu kepada penggunaan kaedah penilaian tertentu di samping kekeliruan konsep PTK dalam konteks kenaikan pangkat dan anjakan gaji.

■1120

Kajian penambahbaikan PTK telah selesai. Kerajaan berpendapat PTK masih relevan sebagai mekanisme pengukuran kompetensi pegawai awam dan menjadikan faktor penggerak peningkatan pembelajaran berterusan yang mampu melahirkan model insan yang cemerlang. Penambahbaikan PTK kali ini melibatkan pengubahsuaian pendekatan yang menjurus kepada pengurangan, penggantungan kepada peperiksaan, fleksibiliti kaedah serta aktiviti penilaian mengambil kira tugas semasa pegawai berteraskan pembangunan dan pembuktian kompetensi. Pelaksanaan penguasaan pengubahsuaian PTK berkuat kuasa 1 Januari 2009 dan harap akan dapat meningkatkan lagi keberkesanan dan sekali gus memberi keadilan kepada semua pegawai awam. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Kamarudin.

Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa sistem PTK ini banyak keburukan daripada kebaikan dan ianya berlaku tidak adil. Dengan itu adakah kerajaan bercadang untuk menghapuskan sistem ini?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah jawab tadi bahawa kerajaan melihat ia masih relevan dan sebab itu kita telah membuat beberapa pengubahsuaian. Saya berharap bahawa kita beri peluang kepada kerajaan untuk melihatnya kerana ia baru berkuat kuasa 1 Januari yang lepas. Jadi saya rasa dalam masa tempoh ini banyak lagi kajian perlu dibuat, umpamanya sekarang ini kita telah mansuhkan ujian peperiksaan penilaian PTK kepada Gred 1 hingga 16 maknanya sudah mansuh dari segi peperiksaan. Mereka hanya perlu diberi temu duga atau ujian kemahiran dan sebagainya mengikut keperluan kementerian masing-masing. Di samping itu juga bagi Gred 17 hingga 54 elemen peperiksaan telah dikurangkan. Selain daripada itu juga penilaian dibahagi kepada tiga iaitu:

- (i) pengenalan Pusat Penilaian Kompetensi;
- (ii) Penilaian Kompetensi Berterusan; dan
- (iii) Penilaian Berteraskan Kepada Latihan.

Namun demikian mereka boleh pilih daripada salah satu yang mereka setuju dan selain dari itu bagi kementerian-kementerian kalau kementerian rasa ketiga benda ini tidak sesuai maka kementerian boleh mencadangkan kaedah baru yang mesti dimaklumkan kepada JPA dan JPA akan membenarkan. Saya rasa banyak perkara telah kita buat, ubahsuai dan saya rasa dari masa ke semasa kita akan buat pemantauan dan kaedah baru akan diperkenalkan demi untuk kebaikan pegawai-pegawai kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Osman bin Bungsu

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Berdasarkan kepada ketidakpuashatian sistem PTK ini khususnya guru-guru, golongan pendidik yang begitu ramai. Apakah bentuk penilaian semula khusus untuk guru ini telah dibuat supaya dapat memberi peluang dan ruang kenaikan pangkat dan juga kenaikan gaji yang lebih luas kepada mereka ini, golongan pendidik ini. Terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Sebenarnya Yang Berhormat, saya sudah jawab tadi. Jadi berkenaan dengan kementerian masing-masing mereka berhak untuk membuat cadangan mengikut kesesuaian di kementerian masing-masing dan memaklumkan kepada pihak JPA dan JPA akan kaji, dan biasanya kita akan beri kelulusan. Saya rasa sekarang ini tidak timbul lagi kerana memang kita beri seluas-luas peluang kepada kementerian masing-masing untuk membuat penilaian masing-masing. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Suasana sayu dan penuh sayu dan keheningan *an atmosphere of introspection*. Mungkin semua tunggu nasib di bawah pentadbiran baru macam mana. Tuan Rawisandran.

Tuan Rawisandran, ada Yang Berhormat hadir jawab pertanyaan ini? Ada Yang Berhormat pihak barisan kerajaan. Sebab itu saya kata suasana..., ya silakan Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Siapa bertanya?

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Bagi pihak Yang Berhormat Tuan Rawisandran, saya ajukan soalan nombor 11. Terima kasih.

11. Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn [di bawah P.M 23(2)] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah kaedah yang digunakan oleh pihak PDRM untuk mengawal kes jenayah yang meningkat secara mendadak. Apakah alternatif lain bagi jabatan polis untuk menangkap penjenayah selain daripada menembak mati.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Terima kasih Yang Berhormat. Maaf Tuan Yang di-Pertua. Kaedah ini berlainan sedikit di Dewan Negara. Terima kasih pada Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Berlainan macam mana itu Yang Berhormat?

Dato' Chor Chee Heung: Di Dewan Rakyat tidak boleh kalau penyوال itu tidak datang, orang lain tidak boleh tanya.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab kita guna budi bicara tidak mahu habiskan masa Yang Berhormat, mensia-siakan masa.

Dato' Chor Chee Heung: Baiklah Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kaedah yang digunakan oleh pihak polis untuk mengawal kes jenayah terbahagi kepada tiga peringkat iaitu pendekatan jangka masa pendek, panjang dan sederhana.

Di antara program jangka pendek yang telah dilaksanakan oleh pihak polis ialah mengenal pasti seterusnya memberi tumpuan kepada kawasan *hot spots*, dengan izin, iaitu kawasan yang kerap berlakunya jenayah. Pihak polis akan dari masa ke semasa akan melaksanakan operasi bersepadu atau pun OPS besar-besaran bagi membanteras kegiatan jenayah di kawasan-kawasan berkenaan.

Selain itu kehadiran pihak polis di kawasan tersebut turut dipertingkatkan melalui rondaan MPV, dan petrol secara berkala. Balai-balai polis fungsional dan juga Pondok-pondok Polis Komuniti turut diwujudkan bagi memastikan kehadiran pihak polis adalah konsisten di kawasan-kawasan *hot spots*. Bagi jangka masa sederhana pula, Tuan Yang di-Pertua, satu jawatankuasa pencegahan jenayah yang dipengerusikan oleh Ketua Polis Negara akan bersidang secara berkala bagi mengkaji dan menilai tahap keberkesanan program-program pencegahan jenayah yang telah pun dilaksanakan.

Selain itu perkembangan setiap program yang dilaksanakan akan dapat dipantau melalui laporan-laporan yang dibentangkan sewaktu Jawatankuasa tersebut bersidang. Mesyuarat juga akan mengkaji bentuk langkah-langkah yang dapat diambil bagi membendung peningkatan jenayah pada masa ini. Ini termasuk program-program komuniti yang dilaksanakan oleh pihak polis untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dengan cara meningkatkan lagi perjumpaan dengan masyarakat, mengadakan kempen-kempen dan ceramah sehingga ke peringkat sekolah.

Latihan-latihan lanjutan juga turut diberikan kepada pegawai-pegawai dan anggota-anggota polis terutama sekali bagi anggota di barisan hadapan, *the front liner* dengan izin, bagi meningkatkan lagi keberkesanan sistem penyampaian pihak polis. Sebagai langkah jangka masa panjang, pihak polis akan menambahkan keanggotaan di Balai-balai polis di seluruh negara

terutama sekali di bandar-bandar besar dengan penambahan sehingga ke 140 perjawatan bagi sebuah balai berbanding dengan masa yang lalu iaitu seramai 80 orang anggota sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan isu tindakan pihak polis menembak mati penjenayah. Ingin saya jelaskan di sini bahawa tindakan tersebut dibuat adalah sebagai langkah terakhir untuk melindungi nyawa anggota polis yang sedang menjalani operasi. Ini kerana dalam kejadian seperti ini penjenayah pada kebiasaannya akan bertindak ganas dan akan cuba mencederakan pihak polis bagi mengelakkan diri daripada ditangkap. Ini memerlukan tindak balas yang segera dari pihak polis bukan sahaja untuk mempertahankan diri bahkan bagi melindungi keselamatan orang awam yang berada di tempat kejadian.

Pihak polis tidak mempunyai banyak pilihan bagi mengelakkan kejadian tembak menembak di kawasan awam terus berlarutan dan mungkin mendatangkan kemudaratan kepada orang ramai sekiranya tidak dihentikan dengan segera. Adalah menjadi tugas dan keutamaan bagi pihak polis untuk menangkap penjenayah dan dihadapkan ke mahkamah untuk didakwa. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Maijol bin Mahap.

Datuk Maijol bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kemukakan soalan nombor 12.

12. Datuk Maijol bin Mahap minta Menteri Kerja Raya menyatakan, kenapakah pembaikan jalan raya Kota Belud-Langkon, Kota Marudu masih belum dimulakan sedangkan kementerian sudah pun berjanji di Dewan yang mulia ini untuk membaikinya pada tahun 2007.

Timbalan Menteri Kerja Raya[Dato' Yong Khoo Seng]: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sedia maklum akan keadaan Jalan Kota Belud-Langkon yang memerlukan kerja-kerja pembaikan dibuat. Pada awal Rancangan Malaysia ke Sembilan, peruntukan diluluskan adalah terhad dan kementerian memutuskan supaya reka bentuk terperinci disiapkan terlebih dahulu dan ianya telah pun siap pada penghujung Januari 2009.

■1130

Kini Kementerian Kerja Raya akan meneruskan dengan kerja-kerja pembinaan pula. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, projek naik taraf Jalan Kota Belud – Langkon telah dipilih sebagai projek kajian dalam menentukan kaedah pembaikan jalan raya yang terbaik dengan kos yang paling minimum. Pada masa yang sama masih dapat mengekalkan kualiti yang terbaik. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kerja Raya telah menjalankan pilot projek pertama iaitu dari Kilometer 35.3 ke Kilometer 36.6 dari pusat Pekan Kota Belud. Anggaran kos yang terlibat adalah sebanyak RM5.9 juta. Sekian.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertanyaan tambahan saya ialah saya ingin tanya kenapakah jalan-jalan di Sabah yang dibina oleh Jabatan Kerja Raya ini tidak tahan lama?... [Ketawa] Selepas

satu, dua tahun dibina sudah rosak, berlubang-lubang. Adakah disebabkan oleh material ataupun *workmanship*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua yang tidak baik, so *the material and workmanship*. Atau adakah disebabkan oleh kakitangan ataupun *engineer-engineer* yang tidak cekap dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tahu jalan Kota Belud-Langkon ini, kita pun ada buat sedikit *research* sebelum saya jawab di sini. Kita tahu berapa kali jalan ini mendap oleh sebab lokasinya, jalannya dan juga beberapa kali tanah runtuh kerana cerun-cerun yang tidak baik. Sekarang kita membuat pilot projek supaya kita menjalankan secara *piling* dan dengan cara baru ini, buat slip, konkrit slip supaya kita buat amendemen yang lebih tahan, lebih stabil.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kita pun buat kerja pilot projek ini juga, kita menstabilkan cerun-cerun yang sedia ada. Ini supaya apa pendapat Yang Berhormat benar kerana Yang Berhormat tahu keadaan jalan Kota Belud dan Langkon ini memang susah hendak selenggara dengan baik. Ini kerana lokasinya dan tanahnya, jalannya di bawah tanah ada banyak air dan di dalam lagi ada batu juga kita tahu. Kalau tanah-tanah, jalan-jalan akan mendap dan cerun-cerun akan ada tanah runtuh. Ini kita tahu keadaannya di jalan yang spesifik ini, saya pastikan kerja-kerja akan mengikut spesifikasi yang ditetapkan semasa diperbaiki.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, jalan utama Sarawak selalunya berlubang sini sana selepas musim hujan yang panjang. Apakah sebab kadangkala masalah ini tidak dapat di baik pulih kan selama beberapa bulan? Adakah kementerian sentiasa sediakan peruntukan luar biasa untuk memperbaiki masalah tersebut. Sekian.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kalau ia Jalan Persekutuan memang kita ada peruntukan untuk penyelenggaraan jalan-jalan tersebut, ada penyelenggaraan skala atau penyelenggaraan kecil untuk tampal lubang-lubang. Ini memang telah dibuat, saya tidak tahu di mana Yang Berhormat katakan, Jalan Persekutuan atau jalan luar bandar atau Jalan Pihak Berkuasa Tempatan atau Jalan Negeri. Akan tetapi kalau bagi Jalan Persekutuan, memang kita ada syarikat yang telah pun dilantik untuk selenggaraan jalan-jalan di Jalan-jalan Persekutuan. Akan tetapi ini tidak masuk dalam *question*, soalan original. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bercadang untuk membenarkan satu lagi soalan, soalan terakhir kerana Timbalan Menteri Pelancongan pun ada untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Puan Usha Nandhini.

13. Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram minta Menteri Pelancongan menyatakan, sejauh manakah penglibatan masyarakat India di dalam sektor-sektor yang berkaitan dengan industri pelancongan negara serta peluang-peluang pekerjaan yang wujud di dalam sektor pelancongan domestik yang boleh diceburi oleh rakyat.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib]:

Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. Tuan Yang di-Pertua, sehingga 25 Mac 2009, penyertaan kaum India di dalam industri pelancongan negara yang melibatkan sektor-sektor pelancongan utama berdaftar atau dilesenkan oleh Kementerian Pelancongan adalah seperti berikut. Agensi Pelancongan dan Pengembaraan sebanyak 172 pemilik daripada jumlah 3,370 pemilik yang dilesenkan. Institut Latihan Pelancongan, satu buah daripada jumlah 54 buah yang dilesenkan. Premis Penginapan Pelancongan sebanyak 42 premis daripada jumlah 1,744 buah yang didaftarkan. Kenderaan Pelancongan sebanyak 82 pemilik daripada jumlah 558 pemilik kenderaan yang dilesenkan. Pemandu Pelancong seramai 245 orang daripada 4,789 orang yang dilesenkan.

Selain daripada itu, penglibatan kaum India dalam industri pelancongan juga dijangka lebih besar sebagai pekerja barisan hadapan di sektor-sektor seperti perhotelan dan agensi pelancongan. Kementerian Pelancongan juga menganjurkan pelbagai acara dan program yang memberi peluang kepada rakyat tempatan untuk menjadikan sektor pelancongan sebagai satu sumber mata pencarian tambahan seperti pengusaha makanan tempatan, pengusaha kraf tangan, pengusaha *Homestay* dan lain-lain lagi.

Dari aspek pembangunan infrastruktur di bawah RMK-9, Kementerian Pelancongan telah membangunkan kawasan penginapan komuniti India di Pulau Pinang dengan kos sebanyak RM1.6 juta dan di Selangor dengan kos sebanyak RM3 juta yang dikenali dengan *Little India*. Melalui usaha-usaha yang dijalankan seperti yang disebutkan tadi, kementerian percaya bahawa sektor pelancongan domestik akan terus menjana sumber pendapatan kepada negara dengan memberikan manfaat kepada rakyat tempatan. Terima kasih.

Puan Usha Nandhini a/p S. Jayaram: Terima kasih Yang Berhormat. Pertanyaan tambahan saya, nampaknya berdasarkan statistik yang telah diberikan tadi, nampaknya penglibatan masyarakat India di dalam sektor pelancongan tidak begitu menggalakkan. Apakah langkah-langkah kementerian untuk menggalakkan lebih ramai masyarakat India untuk menceburkan dalam sektor pelancongan? Adakah pihak kementerian mempunyai sebarang perancangan untuk mewujudkan pekerjaan-pekerjaan sambilan ataupun projek-projek kecil yang mungkin boleh diceburi oleh siswazah menganggur ataupun pekerja yang diberhentikan kerja. Terima kasih.

Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib: Terima kasih. Kalau kita tengok Kementerian Pelancongan, Kementerian Pelancongan menggalakkan *participation* dengan izin semua masyarakat mengambil bahagian.

■1140

Kalau kita tengok masyarakat orang India kebanyakannya membuka kedai membeli belah. Itu adalah salah satu dari sektor pelancongan. Kalau kita tengok daripada segi *services* kepada pelancong yang datang, kita dapat melihat bahawa ada juga ramai kaum India yang

membuka *money changer*, di merata-rata Malaysia. Kita dapat melihat banyak *money changer* yang patut berada di mana-mana sahaja untuk kesenangan pelancong. Jadi kalau kita lihat kaum India memang banyak, kita tengok seperti di Batu Caves yang mempunyai satu tarikan pelancongan yang banyak.

Kita juga dapat melihat kalau kita menggalakkan banyak lagi produk-produk pelancong daripada semua masyarakat, insya-Allah pelancong akan datang dan menikmati produk-produk berikut. Kementerian ini bukan melihat secara kaum. Kementerian ini melihat apakah produk-produk pelancongan yang bagus untuk negara promosikan kepada pelancong-pelancong yang datang. Kalau kita lihat bagaimana untuk mempromosikan kaum India sahaja, kaum Cina sahaja, kaum Melayu sahaja atau kaum Iban sahaja, kita tidak boleh fokus. Kita dapat fokus secara am sahaja. Kalau kita mengambil produk-produk seperti fokus kepada kaum-kaum sahaja bukan senang kita hendak mempromosikan. Kita mempromosikan sebagai produk. Memang kita akan menggalakkan semua masyarakat Malaysia untuk mengambil bahagian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Mungkin satu sektor lagi yang saya dapat lihat yang ada kaitan dengan soalan ini iaitu pengusaha restoran makanan yang selalu atau biasa kita panggil kedai mamak di mana saya difahamkan *turn over* perniagaan setahun adalah RM5 bilion, satu jumlah yang cukup besar. Terima kasih Yang Berhormat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kedua Belas”.

[31 Mac 2009]

11.44 pg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi [Kelantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum itu Yang Berhormat, mungkin sebagai panduan untuk Mesyuarat kita pada hari ini kerana kita hanya mempunyai hari ini sahaja untuk menghabiskan perbahasan Titah Ucapan Diraja. Boleh saya tahu berapa ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Kalau boleh minta pihak Setiausaha untuk catatkan.

[Lapan Ahli Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Lapan sahaja yang ada, mungkin ada lagi yang lain. Tidak apa, kita catatkan sahaja dahulu, terima kasih. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sambung yang terhenti semalam. Sebagaimana yang telah saya ucapkan semalam berkenaan dengan kita hendaklah menggunakan Islam sebagai satu asas perpaduan bagi membina satu bangsa Malaysia yang lebih baik. Jadi saya memohon kepada Dewan yang Mulia ini supaya menjadikan titik pertemuan kesemua bangsa bila semua orang boleh menerima bahawa manusia mempunyai akhlak mulia Islam tidak kira bangsa akan menjadi orang yang mulia.

Jangan sesekali kita menggambarkan atau menjadikan gelaran Islam sebagai pemisah ataupun pengganas kerana kita melihat bahawa dalam Al-Quran, kesemua asas-asas yang ditunjukkan dalam Islam adalah asas kesederhanaan dan keamanan. Semua manusia intelek menerima dan berupaya memahami Islam sekiranya mereka diberikan penerangan. Segalagalanya dengan jelas dinukilkan di dalam perlembagaan Al-Quran. Saya mencadangkan kepada pihak kerajaan agar memperbanyakkan penerbitan tafsiran Al-Quran untuk bacaan dan rujukan harian bagi diedarkan ke sekolah-sekolah khususnya kepada pelajar-pelajar yang beragama Islam agar ilmu tentang keislaman ini dapat menyerap dengan sempurna.

Kita merasakan bahawa tidak cukup dengan usaha-usaha yang di buat oleh pihak kerajaan, pihak Kementerian Pelajaran mahupun pihak Kementerian Pengajian Tinggi yang ingin memasukkan pengajaran tentang Islam tanpa mereka *direct* merujuk kepada Al-Quran dengan membekalkan pelajar-pelajar ini dengan buku-buku tafsir yang banyak di pasaran supaya perkara ini menjadi asas kepada semua pelajar kita. Seterusnya saya ingin menyentuh tentang Kementerian Pelajaran yang merupakan satu kementerian yang amat penting yang akan menilai ataupun yang akan melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang, gemilang dan terbilang, untuk kebaikan negara kita. Yang saya ingin timbulkan ialah kalau dua tahun lepas peristiwa berulang, bila mana pelajar dari Kelantan Siti Fatimah Mokhtar mendapat 18A. Beliau tidak diisytiharkan sebagai pelajar cemerlang negara dan tahun ini pula untuk peperiksaan yang sama iaitu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, sekali lagi pelajar dari sekolah yang sama yang bernama Nik Nor Madihah yang juga mendapat 20'A juga dari aliran sains tidak dinobatkan sebagai pelajar terbaik negara.

Walaupun kita menyedari dari sudut tekanan kepada pelajar-pelajar yang lain yang tidak mendapat kecemerlangan tetapi sepatutnya tidak dibuat penafian ataupun satu penghargaan

mesti diberikan. Sekurang-kurangnya kerajaan mengisytiharkan pelajar-pelajar ini sebagai pelajar terbaik. Ini kerana kita melihat terdapat persamaan antara ciri-ciri pelajar terbaik yang telah dilahirkan oleh negara khususnya bila kita membuat *open system* untuk pensijilan Sijil Peperiksaan Malaysia.

Kalau tahun sebelum itu kita melihat Siti Fatimah Mokhtar dapat 18A, tahun kemudiannya melihat Azali Azlan mendapat 21A kemudian tahun ini pula melihat Nik Nor Madihah mendapat 20A, sepatutnya kita boleh melihat satu kriteria yang boleh diterbitkan oleh pelajar-pelajar tersebut bahawa untuk kita melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang, kita mestilah memastikan ilmu-ilmu agama. Ini kerana bila ilmu-ilmu agama ini dimasukkan kepada pelajar, mereka akan menjadi pelajar yang cemerlang, pelajar yang berdisiplin dan pelajar yang komited...

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: ...Jadi saya memohon agar...

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Yang Berhormat, saya minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi laluan? Silakan...

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu mempertikaikan pencapaian Nik Nor Madihah di Kelantan baru-baru. Akan tetapi yang saya musykil adalah tentang cara penggredan, cara menentukan gred 'A', 'B', dan 'C' dalam mata pelajaran-mata pelajaran itu. Berapa *percent* kita beri 'A', 'B', 'C' dan seterusnya. Saya rasa ni telah menjadi cakap-cakap di kedai kopi. Jadi demi ketelusan perkara ini, saya rasa kerajaan haruslah bersikap telus menyatakan bahawa yang kita beri A itu ialah yang markahnya hanya 44% secara berterus terang. Ini kerana cakap-cakap di kedai kopi ada yang mengatakan memanglah mudah mendapat 'A' begitu banyak kerana angka-angka, pencapaian dan prestasi yang diperlukan untuk gred 'A' itu angkanya lebih rendah.

Sedangkan sepanjang pengetahuan saya semasa saya mengajar di Universiti dahulu, pelajar-pelajar yang markah kurang dari 80 tidak akan mendapat gred 'A'. Untuk mendapat gred 'A' mesti mencapai 80 markah, 75 barangkali 'B+'. Itu satu perkara. Satu lagi yang memusykilkan saya apabila terlajak bercakap mengenai keputusan peperiksaan ini walaupun barangkali ini saya akan sentuh dengan lebih lanjut bila saya diberi peluang nanti ialah tentang keputusan peperiksaan baru-baru ini mengelirukan dan sangat menimbulkan dengan izin, *curiosity*. Satu sekolah di Sabah ini, saya diamanahkan untuk tidak menyebut nama sekolah itu.

Akan tetapi seorang pelajar mendapat Bahasa Melayu - 9 gagal, Bahasa Inggeris - 9 gagal, Pendidikan Islam - 9 gagal, Sejarah - 9 gagal, kemudian Matematik - 8E lulus bersyarat jika tidak salah. Kemudian Sains - 6 lulus dan Rekaan dan Jahitan - 6. Yang menjadi kemusykilkan kita mata pelajaran yang mudah dia gagal, bagaimana pula dengan Sains ini dia boleh mendapat markah yang tinggi. Ini satu lagi yang kita minta kepada Kementerian Pelajaran supaya lebih telus, dan inilah semangat di belakang pertanyaan saya dua hari lalu, yang belum mendapat jawapan lagi. Bagaimana cara menentukan pemberian gred-gred untuk satu-satu

mata pelajaran itu pada peringkat UPSR, PMR dan pada peringkat MCE. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

■1150

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih kepada Profesor yang bertanya. Saya juga bersetuju bagaimana kalau sekiranya pihak kerajaan dengan cara terus menjelaskan kepada orang ramai bagaimana gred-gred ini diperkenalkan, berapa gred 'A' untuk UPSR? Apa markah gred 'A' untuk PMR dan juga SPM? Kerana perkara ini akan memberikan satu motivasi kepada pelajar untuk menilai di mana tahap mereka capai? Walaupun kita juga bersetuju dalam masa yang sama dengan hasrat yang akan dibawa oleh Menteri Pelajaran bahawa mengatakan kerajaan akan menggubal satu kurikulum yang tidak lagi berteraskan kepada peperiksaan.

Jadi kita minta dalam kita menggubal kurikulum yang lebih seimbang ini, markah-markah seperti ini dijelaskan supaya kita tahu di mana status kita, dan berapa yang kita boleh *improve* dan bagaimana pula status kita di peringkat antarabangsa? Kita tidak mahu kita cemerlang di peringkat SPM, tetapi bila *compare* dengan negara lain kita mungkin gred 'E'. Berkaitan dengan bagaimana yang berlaku di Sabah, ada pelajar dari segi pelajaran asasnya macam gagal, tiba-tiba untuk mata pelajaran lain mereka boleh naik. Saya rasa perkara ini juga memerlukan jawapan daripada kementerian.

Adakah dibuat kajian bagaimana dari segi kemampuan ataupun keupayaan pelajar-pelajar ini ataupun dari segi minat bagaimana perkara di atasi kerana kita bukan hanya untuk melahirkan satu pelajar cemerlang, kita hendak lahirkan seluruh generasi cemerlang, jadi perlu juga kajian dibuat bukan hanya kita menyemak jawapan yang diberikan semasa peperiksaan tetapi juga melihat apakah hasil yang didapati setelah mereka ini melalui peperiksaan dan sekiranya pelajar seperti ini, mungkin orang seperti ini kita boleh galakkan untuk mereka pergi kepada sekolah-sekolah vokasional ataupun pusat-pusat yang memerlukan lebih kemahiran kepada mereka.

Saya sambung balik, berkenaan bagaimana juga saya ingin mencadangkan juga kepada pihak kerajaan agar membuat satu kajian khas bagaimana orang-orang yang mendapat pendidikan secara sempurna ini mesti diberikan satu kajian khas bagaimana mereka ini boleh jadi macam ini? Supaya orang lain boleh belajar. Sepatutnya kalau kita lihat hari ini pelajar-pelajar cemerlang ramai boleh dilahirkan sama ada dari sudut sastera ataupun dari sudut sains daripada aliran agama. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk menambahkan dan memperbanyakkan ataupun menukar status sekolah-sekolah menengah biasa kepada sekolah-sekolah agama khususnya untuk pelajar-pelajar agama Islam berbanding dengan menambahkan lagi kewujudan sekolah-sekolah bestari dan *cluster* yang sehingga kini kita tidak dengar keberkesanan melahirkan pelajar-pelajar ramai yang terbilang.

Jadi kalau boleh kita minta pihak kerajaan, kalau kita nampak sekiranya boleh melahirkan pelajar-pelajar yang sebegini akhlakunya, begini pelajarannya, berlaku di sekolah-sekolah agama,

sepatutnya di semua daerah ada sekolah menengah agama dan perkara ini mesti dibuat satu kajian yang serius. Saya juga memohon agar bantuan per kapita kepada sekolah agama rakyat hendaklah dibuka semula dengan seluas-luasnya supaya kita melihat perkembangan yang seimbang antara semua kaum di Malaysia.

Saya juga Tuan Yang di-Pertua, ingin menarik perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator dalam Dewan yang mulia ini dan juga pada semua yang hadir dalam Dewan yang mulia ini supaya kita menilai balik bahawa dalam segala perbuatan dan amalan kita mestilah kita dasari dengan kepercayaan kepada pengertian dosa dan pahala. Balasannya di akhirat iaitu yang baik itu di syurga dan yang jahat di neraka. Pengajaran dan pembelajaran menyeluruh tentang Islam, tentang dosa dan pahala ini mesti berjalan daripada semua sudut daripada peringkat awal. Kita tidak mahu perkara ini hanya menjadi bualan dan berkepentingan bila dibincangkan di perhimpunan ataupun Persidangan Agung UMNO. Bincang tentang rasuah, bincang tentang dosa dan pahala, sedangkan yang sebenarnya perkara ini mestilah berakar umbi daripada peringkat bawah lagi.

Penekanan kepada takut kepada Allah, kepada takwa, dosa dan neraka ini mesti diterangkan di semua peringkat, di peringkat medianya, di peringkat akidahnya, di peringkat ibadahnya, di peringkat undang-undangnya, di peringkat muamalatnya, kerana kita melihat Rasulullah SAW tidak pernah berhenti bercakap soal dosa dan pahala ini hanya untuk perkara ibadah solat sahaja. Akan tetapi meliputi perundangan, meliputi muamalat kita melihat bagaimana dalam kemelut ekonomi semasa ini, perbankan Islam mampu untuk kekal stabil kerana mereka mengikut ajaran daripada Rasulullah SAW iaitu lari daripada riba, jauhi daripada tipu muslihat.

Jadi perkara ini kita melihat mesti dibincangkan daripada peringkat awal di semua peringkat dan peranan ini mesti dilakukan dengan sebaik-baiknya oleh pihak media. Seterusnya saya ingin menyentuh tentang Jabatan Perdana Menteri iaitu berkaitan dengan penubuhan Mahkamah Perlembagaan. Walaupun semalam Menteri yang berkenaan telah pun menyatakan bahawa kerajaan masih belum bercadang untuk menubuhkan Mahkamah Perlembagaan.

Walau bagaimanapun, melihat kepada keadaan semasa saya ingin dengan rendah diri mencadangkan kepada pihak kerajaan agar mempertimbangkan untuk mewujudkan satu mahkamah ataupun mewujudkan Mahkamah-mahkamah Tinggi yang mempunyai bidang kuasa kepada bidang kuasa khas untuk membincangkan persoalan tentang Perlembagaan. Kerana kita melihat hari ini bagaimana isu-isu berkaitan dengan Perlembagaan yang melibatkan tafsiran peruntukan Perlembagaan seperti bidang kuasa mahkamah, kebebasan beragama atau kes-kes murtad seperti Lina Joy, Nyonya Tahir, kes Kamariah isteri Ayah Pin, kes-kes hak asasi manusia, kebebasan bercakap, kebebasan berhimpun, kes pemisahan kuasa untuk negeri-negeri yang ditadbir oleh Pakatan Rakyat ataupun Barisan Nasional, kebebasan berpersatuan, perkara ini akan menjadi lebih serius.

Hari ini kita melihat bagaimana di DUN Bukit Selambau kita mempunyai 15 orang calon yang akan bertanding. Kita tidak hairan kerana SPR pun tidak bercadang untuk menyekat had bilangan calon-calon yang bertanding dalam Pilihan Raya Umum Ketigabelas. Kita mungkin melihat kita mempunyai 14 buah negeri yang akan diperintah oleh 14 parti yang berbeza. Pada masa itu kita akan melihat banyak berlaku pertikaian-pertikaian khususnya melibatkan konsep-konsep federalism, hak-hak yang tertentu untuk negeri yang akan menjadi pertikaian dan ketika ini kita akan memerlukan hakim-hakim yang benar-benar berpengalaman untuk membincangkan isu-isu Perlembagaan secara khusus.

Isu Perlembagaan tidak boleh dibuat di mahkamah-mahkamah yang biasa ataupun mahkamah orang yang kurang kefahaman kerana kita tidak mahu kes-kes ini dipandang remeh kerana sebagaimana kata Menteri bahawa untuk kes-kes Perlembagaan ini amat perlu kepada masa yang segera. Kita tidak mahu perkara ini dipandang remeh kerana kita melihat di seluruh dunia terdapat 54 negara yang mempunyai Mahkamah Perlembagaan mereka yang tersendiri. Kesemua negeri-negeri ini adalah negeri-negeri yang maju.

Jadi tidak salah untuk kita sekarang memulakan langkah walaupun tidak mewujudkan satu Mahkamah Perlembagaan khas tetapi mewujudkan ataupun menubuhkan satu lagi bidang kuasa mahkamah di samping kalau di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur ia ada bidang kuasa undang-undang sivil, ia ada untuk mahkamah untuk kes kemalangan, Mahkamah Tinggi kes untuk jenayah. Jadi kalau boleh ada Mahkamah Tinggi khas untuk membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan kes-kes Perlembagaan.

Ini kerana dalam krisis dan kemelut yang ada khususnya yang berlaku di negeri Perak. Rakyat terbanyak keliru dengan kewujudan pelbagai keputusan dan penghakiman di Mahkamah Tinggi di pelbagai negeri dengan pelbagai peristiwa dan isu yang memerlukan penghakiman yang kritis. Kes ini seolah-olah memberi isyarat kepada kita tentang keperluan mendesak terhadap sesuatu bentuk Mahkamah Perlembagaan. Dr. Abdul Aziz Al Bari, Pensyarah UIA, juga pakar Perlembagaan ada mencadangkan sebuah Mahkamah Perlembagaan bermodelkan Mahkamah Perlembagaan yang telah ditubuhkan di negara-negara seperti Thailand, Indonesia, Jerman dan lain-lain. Sebagai contohnya Mahkamah Perlembagaan Thailand mempunyai bidang kuasa terhadap akta-akta Parlimen, Titah-titah Raja, hal-hal politik, malahan Mahkamah Perlembagaan Thailand juga pernah memutuskan bahawa Samak dan juga seluruh Kabinetnya meletakkan jawatan kerana telah menyalahi Perlembagaan.

Cadangan penubuhan Mahkamah Perlembagaan yang sama telah disuarakan oleh pelbagai lapisan masyarakat, namun kita melihat setakat ini tidak ada jawapan yang khusus daripada pihak kerajaan dan saya mohon sekali lagi agar satu bentuk standard dan prosedur Mahkamah Perlembagaan dalam negara yang tersusun diwujudkan dengan lebih efektif. Supaya kes-kes ini dapat diselesaikan dengan segera. Ini kerana kita menyedari bahawa Perlembagaan adalah asas dalam kerangka pentadbiran negara dan kita semua maklum pada masa ini setiap

negeri di Malaysia mempunyai satu Mahkamah Tinggi yang merupakan mahkamah tertinggi di negeri masing-masing dan masing-masing tidak akan mengikat mahkamah yang lain.

Mahkamah-mahkamah Tinggi ini sebagaimana yang diperuntukkan oleh Perlembagaan mempunyai bidang kuasa untuk mendengar semua kes sivil, jenayah dan lain-lain. Ramai yang mendakwa Mahkamah Tinggi seperti ini adalah mahkamah rojak kerana mengendalikan pelbagai kes dalam satu masa dengan kehadiran seorang hakim sahaja. Kita mendengar bagaimana pendapat para akademik dan juga pengalaman yang terlibat dengan negara-negara yang lain untuk kes-kes melibatkan kes Perlembagaan tidak ada negara sebenarnya yang membenarkan hanya seorang hakim memutuskan.

Jadi kita minta kalau Mahkamah Tinggi ini diberi kuasa untuk mendengar kes-kes Perlembagaan, kuorum ataupun komposisi hakim yang hadir di mahkamah itu mesti ditambah walaupun tidak sampai sepuluh orang, sekurang-kurangnya tiga orang mungkin terdiri daripada pakar-pakar akademik, hakim sendiri dan juga orang-orang yang berkaitan supaya dari segi isu-isu Perlembagaan ini akan mendapat keputusan yang boleh diterima oleh semua orang dan menjadi lebih efektif kerana dalam keadaan di Malaysia, kontrak sosial yang terjalin daripada Perlembagaan ini merupakan kontrak yang amat *delicate*. Banyak perkara yang perlu kita timbang, yang perlu kita sentuh agar ia menjadi lebih efektif. Saya percaya dengan susunan tersebut akan menjadikan pendengaran kes khususnya melibatkan Perlembagaan, lebih efisien dan efektif.

■1200

Kakitangan dan hakim-hakim akan lebih fokus dan lebih berpengetahuan dan pakar dalam bidang-bidang berkenaan dan seterusnya mereka lebih menguasai bidang-bidang tersebut. Kalau kita dengar dari sudut mahkamah-mahkamah, ini bukan perkara baru. Sebenarnya dalam Islam Rasulullah s.a.w dan para sahabat telah pun membuat tiga jenis mahkamah semasa beliau memerintah Islam dahulu iaitu dengan memperkenalkan mahkamah kadi biasa iaitu kadi *Al-khusumat* yang akan menyelesaikan perselisihan antara anggota masyarakat dalam kes-kes muamalat. Yang kedua, kadi *Al-muhtasib* atau pun yang dikenal sebagai *hizbah* iaitu kadi yang akan menguruskan penyelesaian hak-hak negara melanggar hak-hak orang ramai. Seterusnya mahkamah kadi *Al-muzalim* iaitu kadi yang menguruskan penyelesaian persengketaan yang terjadi antara rakyat dan pemerintahan atau pegawai-pegawainya.

Jadi di sini kita melihat dari sudut sivilnya, dari sudut modennya, dari sudut Islamnya tidak salah untuk kita mempunyai satu orang yang benar-benar atau pun mempunyai beberapa orang yang benar-benar boleh menyelesaikan masalah-masalah yang melibatkan masalah Perlembagaan. Ini kerana kita menjangka keadaan akan menjadi lebih serius, lebih banyak lagi isu-isu yang akan timbul kerana kalau dahulu persaingan yang timbul mungkin hanya antara Kerajaan Barisan Nasional dan PAS yang pernah memerintah Kelantan tetapi hari ini dengan kewujudan Pakatan Rakyat di semua negeri akan ada pelbagai isu dan ini akan menyebabkan

rakyat akan berada dalam kekeliruan sekiranya tidak mempunyai satu keputusan yang seimbang dan stabil untuk semua negeri.

Begitu juga dengan kewujudan mahkamah seperti ini sebenarnya kita akan memberikan satu lagi kuasa *check and balance* kepada pemisahan kuasa atau pun pemecahan kuasa untuk badan-badan *legislative* dan juga badan-badan eksekutif. Cabaran kepada pemecahan kuasa dalam pentadbiran seluruh kerajaan akan dapat dilihat dengan lebih jelas bagaimana perkara ini boleh di atasi. Begitu juga kalaulah mahkamah ini diberi kuasa yang khas seperti ini kita akan melihat ia akan menjadi satu *compliment* kepada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia yang baru sahaja diperkenalkan dan juga akan menunjukkan kepada rakyat bahawa kerajaan benar-benar serius untuk menjadi lebih telus. Lagipun untuk bacaan kepada Perlembagaan ianya memerlukan satu bacaan yang tertentu dan kemahiran yang tertentu kerana ia berbeza berbanding dengan undang-undang lain dan ia adalah amatlah *complicated*.

Berkenaan dengan Kementerian Pelajaran saya memohon agar pihak kementerian boleh memaklumkan kepada pihak orang ramai tentang jadual persekolahan tiga tahun lebih awal agar ibu bapa mahupun orang ramai boleh merancang aktiviti untuk diri mereka dan anak-anak mereka terutamanya dalam tempoh era tempahan *online*. Sekarang ini semua ada AirAsia ada, MAS semua ada dia punya tawaran harga murah tetapi kerana ibu bapa tidak tahu bila anak dia akan cuti sekolah tahun hadapan mereka mungkin ambil tiket tiba-tiba terpaksa dibatalkan kerana tidak tahu tarikh. Jadi saya rasa tidak salah kalau kita boleh isytiharkan lebih awal khususnya untuk cuti-cuti penggal supaya perkara ini akan se *line* dengan perkembangan semasa.

Saya juga ingin bertanya bila pihak kerajaan mengatakan bahawa mereka akan memberi pendedahan atau pun penekanan kepada pendidikan jawi, berapa peratus kah dalam pendidikan atau pun kurikulum baru yang digubal di bawah Kementerian Pelajaran yang memberikan penekanan dan pendidikan jawi di sekolah-sekolah rendah dan juga di sekolah menengah kerana perkara ini penting. Tidak guna kita hendak memberi penekanan tetapi kita tidak memberi peratusan sebenarnya berapa yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar tersebut.

Berkenaan dengan JAKIM saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan bagaimana perkembangan dan status *International Zakat Organization* yang telah pun dikatakan akan ditubuhkan sebelum ini dan berapakah peruntukan yang akan diberikan kepada IZO ini. Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan Lembaga Zakat Kebangsaan kerana dalam dua tiga hari lepas kita lihat paparan akhbar yang menyatakan ada golongan yang mualaf, yang murtad kembali kerana kebajikan mereka terabai dan kita mendengar cadangan daripada Ketua Pengarah JAKIM sendiri bahawa sebenarnya perlu wujud satu jabatan khas untuk menangani masalah pendidikan dan juga kebajikan mualaf. Kalau ada satu unit khas, jabatan khas yang mengendalikan masalah pendidikan dan kebajikan kepada mualaf ini sepatutnya ianya boleh diambil daripada peruntukan zakat. Jadi kalau kita boleh memperkenalkan *International Zakat Organization* ini dan untuk luar negara, untuk antarabangsa, apakah salahnya kalau kita boleh menyediakan skema atau pun satu struktur yang lebih jelas yang lebih efektif untuk kita

mengagihkan zakat-zakat ini terutama kepada golongan-golongan *asnaf* yang telah pun ditentukan di dalam Al-Quran dan kita melihat bagaimana kes-kes murtad seperti ini sepatutnya kita boleh elakkan.

Saya juga ingin mengambil contoh kes Fatimah Tan yang telah pun mendapat keputusan baru-baru ini bahawa bagaimana seorang yang sebelum ini bukan Islam peluk Islam untuk kahwin kemudian murtad kembali, dibenarkan untuk kembali kepada agama asal. Dari segi laporan akhbar ini yang berlaku tetapi sebenarnya kalau dirujuk kepada kes yang asal kita akan melihat bahawa pembelaan hanya dimasukkan setelah habis kes pemeriksaan utama iaitu dijalankan secara *ex parte*. Jadi kita mohon agar satu pengarah khas daripada pihak JAKIM kepada seluruh majlis-majlis agama di seluruh Malaysia agar memastikan dalam kes-kes yang melibatkan kes-kes agama, kes-kes murtad seperti ini agar penekanan diberi dengan kadar segera. Janganlah sampai ada kes yang didengar sebelah pihak kemudian barulah dimasukkan pembelaan setelah di saat-saat akhir kerana perkara ini yang orang akan tengok ialah keputusan akhir kes. Orang tidak tahu masalah teknikal dan *procedure* yang berlaku sebelum kes itu diputuskan dan perkara ini bukan kecil.

Sekarang ini saya dimaklumkan di mahkamah Pulau Pinang sahaja ada sembilan kes menunggu untuk dibenarkan murtad kerana satu kes dibenarkan sembilan lagi menunggu walaupun kesemua mereka ini mempunyai sijil memeluk agama Islam atas dasar mereka peluk Islam kerana mereka tidak ikhlas. Jadi kalau mereka yang isi borang, mereka yang peluk Islam dan ada sijil macam mana pula kita boleh kata mereka tidak ikhlas? Jadi perkara ini mungkin akan diputuskan oleh mahkamah dengan lebih baik. Cuma dari segi pentadbiran, kita minta agar diberi penekanan yang seimbang.

Kalau kita boleh beri peruntukan yang banyak untuk berdakwah, untuk mencegah orang daripada murtad juga penting. Jadi jangan berlaku lagi kes seperti kes Fatimah Tan ini di mana-mana mahkamah. Kita mahu sekiranya ada keputusan daripada mahkamah mesti ada *fair trial*. Kalau ada peguam plaintif ada peguam defendan, kalau ada keterangan daripada pihak plaintif mesti ada keterangan daripada pihak defendan khususnya dalam kes-kes yang kritikal seperti ini.

Berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Saya ingin mencadangkan agar pihak kerajaan menurunkan cukai import yang tinggi untuk MPV daripada luar negara dan juga untuk meminimumkan harga MPV buatan dan pemasangan tempatan sebagai insentif kepada rakyat kita yang berkeluarga besar. Kita hendak rakyat kita ramai untuk capai 2020, kita hendak rakyat kita sihat, kita hendak rakyat kita *Zoom Malaysia*, berjalan-jalan, kita hendak rakyat kita selamat, kita perkenalkan tali keledar belakang tetapi kalau kita letakkan harga yang tinggi untuk mereka memiliki kereta yang mempunyai lebih daripada lima orang muatannya sepatutnya kita mesti mempunyai satu dasar kita mesti memastikan kereta-kereta ini dapat masuk ke negara kita atau pun yang dibekalkan di dalam negara kita dengan harga yang munasabah. Kalau dahulu kita mencadangkan kepada kerajaan kita ada Saga, kemudian kita ada Kancil, kita ada Kenari dan

sekarang ini kalau boleh diperbanyakkan kereta seperti ini yang mempunyai lebih daripada muatan tiga di belakang supaya lebih banyak dan harganya mesti dikawal lebih murah.

Kalau boleh dalam keadaan semasa ini kita minta kalau kerajaan boleh kontrol sampai jadi RM70,000 ke bawah dengan kualiti-kualiti tertentu sebab ini merupakan satu perkara sebenarnya yang berkaitan kerana biasanya ibu bapa akan bawa anak berjalan anaknya kecil. Kalau anak sudah umur 20 ke atas mereka tidak akan bawa jalan dan anak pun tidak akan ikut. Jadi bila anak ini berumur 17 ke bawah biasanya dia akan bawa lima atau pun enam kalau anak mereka lima atau enam. Jadi kalau anak empat pun dengan pembantu rumah sudah ada lima. Jadi keperluan kepada kereta-kereta ini amat perlu dan kereta MPV tidak boleh lagi dikenali sebagai kereta mewah tetapi keperluan asasi rakyat Malaysia.

Saya juga ingin tanya kepada pihak Kementerian Pengangkutan berkenaan dengan jumlah kes yang melibatkan pengusaha konsesi lebuhraya yang telah dikenakan tindakan terhadap pelanggaran mana-mana terma perjanjian konsesi. Bila sebut lebuhraya kita akan dengar kerajaan jawab kerajaan terpaksa bayar banyak pampasan, banyak bayaran kepada pihak pengusaha konsesi kerana mereka telah didapati rugi. Akan tetapi kita jarang dengar berapa pula yang pihak konsesi ini pernah bayar kepada pihak kerajaan bila mana mereka gagal untuk *maintain* jalan raya sebagai mana yang sepatutnya. Kita sudah bayar tol di hadapan pergi lagi hadapan kita jumpa lagi lubang kita jumpa lagi keadaan-keadaan tidak selesa. Jadi bila perkara ini sepatutnya dalam *agreement* sudah ada. Kalau mereka langgar mereka kena bayar, kalau kerajaan langgar kerajaan kena bayar. Sekarang ini cerita yang kita dengar kerajaan bayar. Jadi yang mereka bayar kita tidak tahu. Jadi kita minta sekiranya ada pernah pihak konsesi ini membayar kepada pihak kerajaan berapakah yang telah diterima dan apakah jenis pelanggaran yang telah dibuat oleh pengusaha konsesi kerana ini melibatkan kepentingan umum.

Dan juga kita ingin mengetahui, apakah standard piawaian, mutu pemuliharaan dan kualiti lebuhraya di seluruh negara kerana kita lihat banyak pengusaha konsesi dan mutu yang diberikan oleh setiap konsesi ini kadang-kadang berbeza. Jadi kita hendak tahu apakah standard sepatutnya untuk satu-satu ini macam tadilah kalau kita ada gred 'A', 'B', 'C' untuk peperiksaan, kita juga hendak tahu gred 'A', 'B', 'C' untuk lebuhraya. Kalau lebuhraya macam ini grednya 'A', ini grednya 'B', ini grednya 'C'. Kita pun boleh fahamlah ini kena bayar RM1.70. Ini kena bayar 20 sen. Ini tidak kena bayar. Supaya kita mengetahui supaya kita lebih jelas apa yang kita bayar apa yang kita nikmati.

■ 1210

Berkenaan dengan Kementerian Kewangan, saya ingin bertanya tentang apakah sistem kewangan Islam yang dipakai yang menjadi satu ikutan kepada Bank Negara dalam membenarkan semua institut perbankan mengamalkan sistem kewangan Islam dan apakah persatuan dan badan profesional yang melibatkan perbankan Islam yang telah beroperasi dan banyak membantu pihak industri untuk lebih maju. Ini kerana kita melihat hari ini bila mana berlaku kejatuhan ekonomi di Amerika dan seluruh dunia orang telah mula berpaling kepada

sistem ekonomi Islam. Bila sistem ekonomi Islam ini perintisnya adalah kerajaan Malaysia. Kita bertanggungjawab untuk memastikan sistem ini akan lebih berkembang. Jadi bila lebih berkembang kita mengetahui bahawa pihak kerajaan tidak akan mampu berdiri seorang, mesti ada badan profesional atau pun ada NGO-NGO yang boleh berfungsi untuk membantu membaik pulih. Saya juga ingin bertanya sekiranya Akta Bank Islam telah pun dibuat pada tahun 1983, adakah telah dibuat sebarang pindaan? Kalau belum dibuat sebarang pindaan, bilakah Akta Bank Islam ini akan dipinda untuk memastikan ianya selaras dan selari serta relevan dengan perkembangan kewangan Islam semasa.

Ini kerana kita melihat produk-produk kewangan Islam hari ini telah berkembang daripada pinjaman perumahan, pinjaman peribadi kepada bon-bon dan juga kepada suku. Kalau perkara ini akan dibuat bila akan dibuat dan apakah pindaan-pindaan yang akan diperkenalkan?

Berkenaan dengan Kementerian Wanita dan Pembangunan Masyarakat, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan dalam kita menyambut tema Hari Wanita Sedunia terhadap perkongsian kuasa untuk menghentikan penderaan terhadap wanita dan kanak-kanak. Apakah program-program mega yang telah dilaksanakan oleh pihak kementerian bagi memastikan kes-kes penderaan terhadap wanita dan kanak-kanak ini akan menurun di Malaysia. Ini kerana kita melihat daripada persoalan yang saya tanya kepada pihak Kementerian Kesihatan berkenaan berapakah hospital yang memberikan khidmat OSCC iaitu *One-Stop-Caring Centre*.

Saya dimaklumkan jumlah hospital yang terlibat di seluruh negara adalah 102 hospital seluruh negara. Walau bagaimanapun, bila kita membawa sendiri kes ini ke mahkamah. Kadang-kadang kita melihat tidak ada satu kelancaran bersedia dari sudut menerima aduan, merawat mangsa, menerima laporan sebagai mana yang kita uar-uarkan. Sebenarnya untuk OSCC ini kerajaan lancar pada tahun 1994, sekarang sudah 2009. Sudah 15 tahun. Jadi 15 tahun sepatutnya kita sudah benar-benar efisien dari segi menerima mangsa-mangsa yang didera, dari segi kerjasama antara agensi di hospital kerana hospital merupakan antara tempat yang terawal mangsa-mangsa ini akan dihantar untuk dirawat dan menerima tindakan.

Saya juga ingin bertanya tentang jumlah kes yang telah dirujuk di seluruh negara dan berapakah kes penderaan wanita dan kanak-kanak yang berulang dan apakah *blue print* tindakan yang dibuat oleh pihak kementerian khususnya untuk menangani masalah penderaan kerana kita percaya penderaan ini bermula di rumah dan bermula daripada masa kecil. Jadi kalau tidak dibuat *blue print* yang khusus yang jelas kita akan tidak dapat mengatasi masalah ini pada masa akan datang kerana kita bimbang sebagai mana yang dinyatakan dalam laporan akhbar bahawa ramai juga ada berapa peratus saya lupalah berapa peratus rakyat Malaysia ini yang menghadapi tekanan perasaan. Kalau pun dia kata dua peratus pun sudah cukup, kalau sampai sepuluh peratus lagi lah negara kita berkecamuk bagaimana kita melihat budaya membuli di sekolah. Tiap-tiap hari kita dengar cerita buli, tiap-tiap hari kita dengar cerita ragut berlaku di kalangan sekolah. Kalau di sekolah dia boleh buli adik-adik junior kerana tidak beli air pada dia, tidak mustahillah kalau peristiwa yang lebih besar lagi berlaku di rumah. Jadi peristiwa buli ini bukan

hanya berlaku di sekolah tetapi berlaku di rumah tetapi jaranglah ibu bapa yang akan pergi ke mahkamah atau pergi ke balai polis menceritakan tentang buli ini.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Boleh minta laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Dato.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Saya tertarik dengan rujukan Yang Berhormat Mumtaz tentang kes-kes buli yang berlaku di sekolah. Saya lihat ini Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu manifestasi kegagalan sistem pendidikan kita membentuk watak dan sahsiah. Ini saya rasa berlaku kerana kita tidak secara tuntas, tidak secara tuntas dan sistematik merumuskan apa sebenarnya yang kita hendak capai dalam sistem pendidikan itu. Saya mencadangkan supaya sistem pendidikan kita secara merumuskan tiga matlamat yang mempunyai pertalian:

- (i) pembinaan watak gagal dengan adanya buli, mat rempit dan segala macam. Ini adalah manifestasi kegagalan sistem pendidikan;
- (ii) di samping membina watak, kita perlu membina bangsa, membina negara bangsa. Ini pun gagal dengan kita perhatikan berlakunya polarisasi antara kaum kerana saya rasa sistem pendidikan tidak dengan izin, *do not address this problem* tentang betapa perlunya kita menggunakan sistem pendidikan untuk pembinaan negara bangsa kerana itulah berlakunya polarisasi pada peringkat sekolah menengah, pada peringkat sekolah rendah dan juga pada peringkat universiti; dan
- (ii) perkara yang memang patut menjadi matlamat sistem pendidikan ialah membina sumber tenaga manusia. Ini pun tidak tepat. Berapa banyak orang merungut tentang *miss matching* antara apa yang dipelajari dan apa yang dikehendaki dalam pasaran kerja.

Jadi ini tiga perkara yang saya rasa perlu mendapat perhatian oleh Kementerian Pelajaran. Pembinaan watak, pembinaan negara bangsa, penyediaan sumber tenaga manusia. Setakat ini kita gagal Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya rasalah ini yang patut kita beri perhatian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya. Apa pandangan Yang Berhormat Mumtaz.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya amat-amat bersetuju Tuan Yang di-Pertua kerana masalah pendidikan ini dia mesti ada matlamat. Kalau SPM dia ada *target* dapat 10'A',20'A'. Jadi kita mendidik anak ini kita hendak tahu *target* anak kita hendak jadi orang kah, tidak hendak jadi orang? Jadi bila kita didik anak kalau kita makin hantar sekolah anak kita balik daripada belum jadi pembuli jadi pembuli atau jadi mangsa buli, *something wrong* dekat sekolah. Jadi perkara ini di sekolah pun tidak salah dan kita sebagai di rumah pun kita kena tahu. Bila anak kita, kita bagi roti pun sudah mula lempar roti ini tunjuk satu sikap yang melawan. Jadi perkara ini mesti kita kesan kerana setiap tindakan yang dikeluarkan oleh anak dia mesti ada punca. Oleh sebab itu dari segi sini kita melihat bagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator sebelum ini Datuk Akbar Ali tentang *mother policy*. Bagaimana pelan induk

kebersamaan antara Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Wanita mesti duduk sekali bincang bagaimana hendak melahirkan bangsa yang macam mana, orang yang macam mana kerana ini berkaitan. Kalau wanita tidak memahami, lelaki tidak memahami bahawa kasih sayang, pendidikan bermula di rumah disambung di sekolah, balik semula ke rumah untuk *review* kita akan melihat satu bangsa yang gagal. Ini perkara yang perlu diberi perhatian kerana tidak guna kita capai bangunan 500 tingkat, 2000 tingkat kalau anak-anak kita jadi penagih dadah kerana rumah ini perlu di *maintain*. Rumah ini perlu di *maintain*. Tanah ini perlu dijaga.

Kita tidak boleh mengharapkan orang lain untuk menjadi askar ada tentera untuk menjaga negeri kita. Kalau kita melahirkan pusat serenti di seluruh negara yang terpaksa kita tanggung kos harian untuk makan minum mereka dalam penjara RM35 sehari ini dalam Dewan yang mulia ini Menteri datang bagi tahu bahawa seorang banduan kita terpaksa *spent* RM35 sehari untuk kita juga dia dalam penjara. Jadi kalau untuk jadi banduan RM35 kenapa yang belum jadi banduan tindakan pencegahan, perawatan sebagai mana yang disebut tadi tentang bagaimana tentang pembinaan watak, pembinaan bangsa dari segi tenaga sumber manusia ini kita mesti kekalkan kerana Malaysia ini dari segi negerinya negaranya lokasi geografinya kecil. Hendak banding dengan Amerika, hendak banding dengan Indonesia, hendak banding dengan Thailand, jadi kalau kita sudahlah kecil. Kalau kita pula tidak ada rakyat yang berkualiti tidak ada apa-apa yang tinggal pada kita. Kita lihat pada *Singapore*, rakyat dia tidak ramai tetapi dia produktif. Jadi kita kalau boleh hendak lahirkan ini orang yang berakhlak sebab ini yang paling penting. Berakhlak dan produktif serta orang ini tidak boleh ditawar beli kerana mereka ini akan menjadi sumber kepada kekuatan sebuah negara.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian ya, saya sambung balik berkenaan dengan cadangan untuk mewujudkan *one stop centre* untuk ibu tunggal. Bila cadangan ini boleh dilaksanakan dan kalau hendak dilaksanakan berapakah kosnya? Ini kerana kita melihat ibu tunggal ini pihak kementerian sudah pun kesan melalui program E-Kasih dan sebagainya. Program *one-stop-centre* ini bertujuan untuk bantu bila ibu tunggal ini ada kad ibu tunggal masalah KWSP dia, masalah PERKESO dia, masalah bantuan dia sepatutnya boleh diseragamkan di bawah satu pusat. Bila ada satu kad sahaja dia boleh selesai masalah. Kita tidak mahu orang-orang yang menghadapi masalah kehilangan suami, diceraikan oleh suami, terpaksa tunggu enam bulan hingga setahun hanya untuk mencari jabatan untuk menyelesaikan masalah pusaka, untuk menyelesaikan masalah. Sepatutnya ada satu jabatan ataupun pusat khas untuk kita menangani masalah ini kerana ini merupakan golongan-golongan berisiko dan tercabar dalam negara kita. Walaupun kita sedar ramai juga ibu tunggal yang melahirkan anak-anak yang berjaya. Akan tetapi kita mestilah ada perancangan atau prasarana untuk membantu golongan-golongan seperti ini. Berkaitan dengan..

▪ 1220

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berapa lama lagi masa Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Dua muka surat lagi Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan keselamatan dalam negeri, saya juga ingin bertanya kepada pihak kementerian, bagaimana pemantauan yang dibuat kepada pengambilan pekerja-pekerja asing khususnya yang menjadi sekuriti-sekuriti di semua apartmen, bangunan di seluruh negara yang kebanyakannya tidak tahu berbahasa Melayu? Bagaimana kita meletakkan risiko yang begitu besar, kita tidak percaya kepada rakyat tempatan, lelaki tempatan yang boleh berbahasa Melayu, satu bangsa dengan kita, yang satu pendidikan dengan kita, tetapi kita serahkan keselamatan kita pada orang asing yang kadang-kadang nak tanya jalan pun tidak boleh? Jadi bagaimana pemantauan kita buat, adakah hanya kerana mereka tahu memegang pistol, kita meletakkan mereka untuk menjadi pegawai keselamatan? Kalau ada tindakan pemantauan, kita mohon pihak kerajaan nyatakan dengan cara jelas kerana ini memberikan *confidence* kepada rakyat bila mana mereka melihat kehadiran orang seperti ini di seluruh tempat di Malaysia.

Begitu juga dengan gerakan ya, kalau kita melihat Titah Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong, dengan jelas menyebut tentang peristiwa Palestin dan peristiwa Gaza. Saya sebenarnya amat terkejut apabila melihat satu keratan yang saya tengok dalam sebuah kedai tentang gerakan Zionisme yang berlaku di negara kita. Ada satu pertubuhan yang dinamakan *International Zion Ministries* yang ada di negara kita yang bergerak. Saya hendak tahu perkara ini, adakah perkara yang benar-benar..., *Mountain Zion International Ministries*, adakah ini adalah satu pertubuhan yang berdaftar, kalau berdaftar apakah maksud "zion" di situ? Adakah ia bermaksud gerakan Yahudi berlaku secara berleluasa di negara kita. Kalau benda ini tidak didaftarkan, saya pohon diambil tindakan segera, kalau perkara ini didaftarkan, apa jenis aktiviti yang dibenarkan untuk gerakan seperti ini kerana ini jelas menunjukkan bahawa terdapat unsur-unsur Yahudi yang masuk secara berdaftar atau masuk secara aktif dan boleh beroperasi dalam negara kita. Ini sebenarnya kita bimbang, kalau tidak dikekang, ia akan menular dan berleluasa ke seluruh negara.

Berkenaan dengan Kementerian Pertahanan, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan tentang Pusat Latihan Khidmat Negara. Selang beberapa bulan kita dengar satu pusat PLKN ditutup, selang beberapa bulan kita dengar satu pusat PLKN digantung. Semuanya atas isu-isu keselamatan, kebersihan yang rendah oleh pengusaha-pengusaha PLKN. Sedangkan kalau kita lihat untuk isu-isu lain seperti sekolah dan sebagainya, jarang kita dengar sekolah-sekolah ini terpaksa di tutup kerana masalah keselamatan. Jadi kalau anak kita dari sekolah rendah, hantar ke sekolah menengah, selepas habis SPM, kita hantar ke PLKN, kenapa tidak ada kesinambungan dari sudut pemantauan keselamatan terhadap pengusaha ataupun piawai yang khusus untuk memastikan anak yang dihantar ini akan selamat kerana saya rasa ramai ibu bapa yang bimbang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah bangun, boleh?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Okay.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Saya hendak menanyakan satu soalan ringkas Yang Berhormat tentang PLKN ini. Saya rasa kebanyakan kita secara umumnya menyedari matlamat baik yang hendak dicapai oleh PLKN ini tetapi setakat ini orang-orang muda yang mendapat manfaat daripada latihan PLKN ini amat terbatas. Bukankah lebih baik kalau seluruh kandungan modul atau kandungan kurikulum yang terdapat dalamnya dan juga semangatnya dalam PLKN itu diserapkan dalam sistem pendidikan kita pada keseluruhannya. Ertinya dengan demikian, nilai-nilai unggul, nilai-nilai patriotisme, nilai-nilai kenegaraan, nilai-nilai persaudaraan yang hendak kita capai melalui PLKN itu tidak terbatas manfaatnya kepada pelajar-pelajar dan orang-orang muda yang terbatas bilangannya. Lebih baik perkara ini difikirkan supaya semangat kandungan ini, falsafah, matlamat dan tujuan PLKN itu diserapkan dalam sistem pendidikan kita baik pendidikan kerajaan malahan pendidikan swasta. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Profesor, Tuan Yang di-Pertua kalaulah perkara ini kita dapat masukkan, kemungkinan PLKN itu pun kita boleh mansuhkan. Dalam keadaan ekonomi semasa ini, kalau kita boleh masukkan pendidikan PLKN itu dalam pendidikan sekolah, mungkin kita dapat kurangkan kem-kem yang asing kerana bila mewujudkan PLKN ini akan wujud masalah pengangkutan dan masalah penginapan pula.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan peratusan ataupun bentuk penilaian perubahan rekod sahsiah peserta sebelum seseorang pelajar itu dipilih masuk PLKN. Sepatutnya ada satu rekod tentang akhlak dia, lepas dia keluar PLKN, sepatutnya pihak PLKN boleh mengeluarkan satu personaliti *test*, pembangunan personaliti pelajar tersebut daripada sebelum masuk dengan selepas masuk. Ada satu piawaian yang kita boleh capai, ini yang boleh kita hasilkan, jadi kalau ada perkara ini saya minta dijelaskan apakah bentuk penilaian tersebut dan peratusan modul dan pendekatan khusus berkaitan dengan pendidikan agama Islam dan moral untuk membentuk personaliti yang dimasukkan di dalam *syllabus* PLKN dan siapakah jawatankuasa penggubal dasar pendidikan akhlak dan personaliti ini dalam kem PLKN, kerana kita tidak mahu wang negara ini akan jadi hanya terbazir kerana kalau kita melihat mereka cuma akan menjadi satu manusia yang hanya berkumpul dan mungkin akan jadi ceria tanpa mengubah personaliti-personaliti yang lain. Kalau ada minta dinyatakan dengan jelas sebab kalau kita lihat daripada dua tahun lepas, saya lihat dia punya jadual itu, tidak diberikan penekanan sangat kepada sudut akhlak dan sudut agama Islam. Jadi minta perkara ini dibuat secara lebih baik.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat tolong gulungkan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Ya, seterusnya saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, kenapakah Anugerah Sasterawan Negara hanya berhenti pada tahun 2005 dan tidak ada lagi anugerah untuk Sasterawan Negara yang baru, dan saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Pelancongan berkenaan dengan prasarana-prasarana dan pelancong-pelancong daripada negeri Arab dan jumlah pemandu pelancong yang boleh berbahasa Arab, yang

berdaftar di negara kita kerana kita melihat di negara kita ini, jumlah pelancong daripada negara Asia Barat bertambah. Jadi kita hendak tahu dari segi reaksi daripada Kementerian Pelancongan, adakah kita akan memberi penekanan yang lebih lagi atau pengurusan yang lebih lagi pada negara Asia Barat supaya mendapat pulangan yang lebih kepada negara kita.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada kerajaan, bilakah Akta Halal akan dibentangkan dalam Parlimen ini, kerana isu halal ini telah pun berlanjutan kerana ini ada kaitan dengan orang Islam dan pelancong yang datang ke negara kita. Sekiranya Akta Halal ini boleh kita gubal dengan cepat, insya-Allah Malaysia akan jadi perintis kepada satu lagi aspek perkembangan dunia yang akan boleh memberi sumbangan kepada orang di seluruh dunia. Saya dengan demikian mohon untuk menyokong. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn dan selepas itu saya menjemput Yang Berhormat Datuk Majid Mahap untuk bersedia.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum* dan selamat tengah hari. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya pada hari ini saya ingin untuk mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana kita dapat bersidang dengan baik dan teratur dalam Dewan yang mulia ini. Saya menjunjung kasih Titah Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin yang berkenan berangkat merasmikan Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen yang Kedua Belas yang lalu. Pada kesempatan ini saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kepimpinan kerajaan kerana proses peralihan kuasa yang licin dan stabil daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak. Saya yakin Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dapat melakukan lonjakan paradigma untuk membawa Malaysia ke alaf baru. Pelancaran peralihan kuasa ini mampu memberi keyakinan kepada semua pihak dan rakyat untuk terus membangunkan negara tercinta ini.

Walaupun dunia hari ini mengalami krisis ekonomi yang hebat, pimpinan pentadbir, pihak swasta dan rakyat keseluruhannya perlu berganding bahu untuk menghadapi masalah ini. Kita yakin dengan langkah proaktif dan berkesan dalam dua pakej ekonomi yang telah diumumkan, Malaysia mampu untuk mengharungi tempoh sukar ini sekali lagi seperti mana yang telah dialami pada tahun 1997 dan tahun 1998, sepuluh tahun lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju bahawa industri pelancongan adalah antara nadi utama untuk terus kita mengerakkan ekonomi negara. Saya percaya negara kita akan terus menjadi tarikan pelancong atas keistimewaan alam semula jadi, budaya dan mercu tanda yang telah terbina. Saya tertarik dengan tema pelancongan seperti pelancongan kesihatan, sukan, pendidikan dan juga Program Malaysia Rumah Kedua.

■1230

Saya merasakan Program Malaysia Rumah Kedua ini, amat berkaitan dan boleh disemarakkan dengan sukan golf, selam skuba dan memancing. Kita mesti menarik golongan yang tidak terjejas dengan suasana kegawatan ekonomi ini, untuk melancong dan tinggal lebih lama di Malaysia. Golf, skuba dan memancing boleh menjadi tarikan berprestij, asalkan ada pendekatan dan cita rasa yang unik.

Walau bagaimanapun tarikan yang fokus ini, belum benar-benar dibangunkan. Sukan golf misalnya pernah menarik Tiger Woods sebelum ini tetapi kini adakah sukan ini cukup menarik dengan kejohanan dan pemain berkaliber yang hadir, mungkin kita ada banyak padang golf yang hebat tetapi kurang atau tidak dibangunkan berhampiran perumahan untuk golongan ekspatriat ataupun Program Malaysia Rumah Kedua. Saya ada terbaca *paper cutting* yang menyatakan bahawa *golf tourism* pernah menyumbang kepada RM720 juta pada tahun lepas, dan ini menunjukkan bahawa ia mempunyai ekonomi yang cemerlang.

Untuk itu saya ingin mencadangkan agar satu konsep *monthly medal tournament* diadakan yang boleh melibatkan 70 ribu peserta, dan juga 200 kelab-kelab golf di samping memperkenalkan kawasan-kawasan pelancongan yang baru di Malaysia ini, juga kepada pemain golf yang berada di luar dan juga di dalam negeri. Untuk memastikan kejayaan Program Malaysia Rumah Kedua, saya mengalu-alukan ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa, negara-negara Islam di Timur Tengah dan negara China mempunyai lebih dana dan mereka amat tertarik dengan negara kita yang mempunyai toleransi yang anjal bagi rakyat yang berbilang kaum untuk mereka melabur di negeri ini.

Negeri Melaka umpamanya, sejarah telah membuktikan perpaduan kaum telah utuh sejak beratus tahun lamanya. Melaka terkenal di seluruh dunia bagi sektor pelancongan dan pintu kepada keindahan serta perpaduan rakyat berbilang kaum bagi penduduk Malaysia. Untuk itu saya juga bersetuju dengan Kementerian Pelajaran agar mata pelajaran Sejarah ini diterapkan daripada umur kanak-kanak hinggalah ke universiti. Cuma barangkali konsep dan pendekatannya harus diubah, mungkin menggunakan CD ataupun menggunakan animasi, seperti mana yang dipaparkan sekarang yang begitu popular iaitu *Upin dan Ipin* di mana ia senang diingati oleh kanak-kanak.

Dalam nada yang sama, saya ingin menekankan di sini bahawa Malaysia. Telah bersedia untuk melakukan anjakan paradigma di dalam sektor kewangan. Keruntuhan sektor kewangan dunia yang berlaku hari ini adalah kerana longgokan wang kepada negara-negara maju di mana, wang-wang tersebut banyak dilaburkan ke dalam aktiviti-aktiviti yang tidak produktif dan berfaedah kepada keperluan asas manusia. Umpamanya FOREX, pasaran masa hadapan bon-bon, *derivative* kewangan yang terlalu kompleks, dan keuntungan tersebut hanya dinikmati oleh segelintir golongan tertentu, berbanding dengan pengeluaran makanan, pelajaran dan kesihatan berbilion manusia yang lain di bumi ini yang tidak diberikan perhatian dan penekanan.

Sistem kewangan Islam di Malaysia, adalah salah seorang pelopor asas *Islamic banking*, berada di landasan yang tepat untuk mengeksploitasikan keadaan ini. Kepakaran kita mengatasi masalah kewangan 1998 menjadi contoh kepada negara-negara Islam, dan saya percaya kepakaran dan kejayaan kita akan dapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa dan sudah pasti Malaysia sebagai hab perbankan Islam akan dapat direalisasikan dalam masa terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga telah menitahkan bahawa, tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang cuba memecahbelahkan perpaduan, keharmonian kaum serta keamanan negara ini. Baginda juga telah menekankan bahawa Islam adalah agama Persekutuan dan agama-agama lain bebas diamalkan di negara ini. Alhamdulillah, saya amat bersyukur dan berbangga dengan amaran tegas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini.

Dalam konteks Islam sebagai agama rasmi persekutuan, saya sekali lagi ingin memohon, agar segala persepsi negatif terhadap Islam segera diperbetulkan. Saya mencadangkan agar segala kes-kes perceraian, dan segala keaiban yang berlaku di dalam rumah tangga keluarga Islam, hendaklah dibicarakan secara tertutup, tidak perlu diuar-uarkan atau dijajakan ke seluruh dunia. Saya mohon agar Mahkamah Syariah melakukan embargo ke atas kes-kes perceraian keluarga Islam seperti mana yang diamalkan di mahkamah sivil, dan negara-negara yang berhampiran dengan kita, contohnya Singapura.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah, mohon beri laluan. Terima kasih Yang Berhormat, berhubung dengan perceraian. Saya rasa media kita, media cetak dan elektronik yang selama ini memberikan semacam ruang untuk, kalau perkataan saya gunakan ini mungkin tidak sedap didengar iaitu mengghairahkan perceraian selebriti. Sepatutnya sebagai ganti kita seharusnya meraikan perkahwinan-perkahwinan selebriti, pelakon-pelakon dan sebagainya, tapi apa yang kita dapati sekarang ialah perceraian seolah-olah beri maklumat kepada pihak-pihak tertentu, berjaga-jaga ada kekosongan akan berlaku selepas beberapa bulan.

Jadi dalam hal ini Yang Berhormat Datin Paduka, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan pameran-pameran yang agak berleluasa, dibuat oleh media cetak dan media elektronik, berhubung dengan perceraian selebriti ini. Kadang-kadang termasuk juga perceraian orang-orang lain termasuk ahli-ahli politik dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat tadi, sebenarnya isu keluarga inilah hanya melibatkan dua orang sahaja, tetapi tidak perlu diuar-uarkan kepada orang luar kerana yang tahu hanya mereka berdua, belum tahu lagi sama ada perkara ini betul atau tidak tetapi telah diputuskan oleh kepala masyarakat bahawa benda ini baik atau tidak. Kalau adalah misalnya, kalau ada orang yang bercerai ini hendak berkahwin kalau ada niatnya pun, orang lain telah mengatakan bahawa mereka ini tidak baik, oleh sebab kes perceraian ini belum habis, telah disampuk oleh orang-orang luar.

Jadi saya rasa perkara ini sepatutnya tidak perlu diperluaskan dan harus dibicarakan secara tertutup untuk kebaikan kita, sebagai orang Islam tidak akan mengaibkan diri seseorang itu, terima kasih. Saya juga berharap perkara ini telah pun saya bangkitkan beberapa kali dan saya berharap di Dewan yang mulia ini, sekali lagi saya berharap pihak JPM dan Majlis Raja-Raja dapat mempertimbangkan cadangan saya ini, dan saya yakin institusi Islam sebagai mana agama rasmi persekutuan akan diperteguhkan dan dihormati oleh masyarakat, apabila kita perbetulkan keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum generasi muda, *internet* dan *blog* adalah seperti isi dan kuku, ianya tidak dapat dipisahkan dan oleh itu, saya ingin menekankan di sini bahawa kita semua mempunyai tanggungjawab dan amanah untuk menjadikan medan *internet* sebagai tempat subversif. Dari pihak kerajaan, kita perlukan perlindungan undang-undang yang efektif dan proaktif, dalam erti kata lain kita perlu memastikan tiap-tiap *bloggers* bertanggungjawab dengan apa yang tersiar dalam laman web mereka.

Jika mereka membuat fitnah, kita mempunyai sistem perundangan untuk mendakwa mereka di mahkamah, tidak kira jika cerita di laman mereka diambil dari laman-laman lain, jika tersiar di laman mereka dan cerita tersebut berunsur fitnah dan subversif, mereka tidak boleh lepas tangan mereka juga mesti didakwa, kerana bertindak sebagai agen-agen penyampai. Begitu juga dengan *blog-blog* lucah yang terdapat di *internet* pada masa ini, kita perlu melakukan sesuatu agar minda suci dan bersih anak-anak kita, tidak dirosakkan oleh subversif ini.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga ada menyentuh tentang tingkah laku Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Saya tertarik dengan menegaskan bahawa di Dewan yang mulia ini, baik Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara, kita semua mempunyai tanggungjawab untuk memastikan institusi Parlimen berperlembagaan ini disanjung. Oleh itu saya ingin menyarankan bahawa sistem media di Parlimen, diberikan autoriti untuk melakukan *censorship* terhadap segala perkataan lucah, provokasi serta segala tindakan tidak bertanggungjawab oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat terutamanya dengan memberi masa 60 saat, *delayed live action*, integriti dan kewibawaan perlembagaan dapat dipertingkatkan.

Saya mohon dipertimbangkan kerana kita ini memberi teladan negatif kepada kanak-kanak di luar sana, dan akhir sekali saya pernah satu ketika dulu mencadangkan supaya seorang wakil daripada beliau, mewakili generasi muda dilantik di dalam Ahli Dewan Negara, dan kini dengan keadaan politik perkembangan semasa saya ingin mencadangkan agar Yang Berbahagia Dato' Seri Shahrizat, yang kini telah memenangi kerusi Ketua Wanita UMNO Malaysia dengan majoriti yang besar, dicadangkan untuk menjadi seorang Senator dan dilantik untuk menjadi Menteri penuh mewakili wanita seluruh Malaysia sebagai mana dihormati kami, dan kalau boleh kami mohon supaya beliau dilantik untuk memegang kembali Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga seperti mana kementerian yang diperjuangkan oleh wanita UMNO selama ini dan..

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan, minta laluan.

Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Dengan ini saya mohon menyokong..

■1240

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik Yang Berhormat apabila ada wakil wanita yang memohon supaya ketua pergerakan wanita yang baru menang dilantik untuk menjadi Ahli Dewan Negara dimohon pula untuk dilantik sebagai Menteri.

Kalau kita ada kepercayaan kepada kepimpinan baru kita Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak. Saya rasa tidak payahlah kita minta, kita *demand*, insya-Allah saya yakin Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak dapat menilai, dapat melihat dan dapat memberi peluang kepada semua pihak. Jadi kalau kita hari ini minta, *demand*, tekan dan sebagainya seolah-olah kita tidak ada kepercayaan kepada kepimpinan baru.

Kita kena yakin dengan kepimpinan baru. Saya harap Yang Berhormat Datuk Nor Hayati janganlah terasa macam saya menekan tetapi saya rasa beri peluang kepada Dato' Sri Najib. Saya yakin Dato' Sri Najib dapat menilai kepimpinan yang ada pada hari ini, terima kasih.

Datin Paduka Datuk Nor hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Datuk Syed Ali. Memanglah kami yakin dan percaya bahawa Dato' Sri Najib akan membuat perubahan ini terhadap wanita, *don't worry* cuma kami hanya beri ingatan. Kadang-kadang orang lelaki ini terlupa. Contoh pada mesyuarat MT, kita ada enam wanita, seorang sahaja menang.

Jadi saya berpendapat bahawa wakil-wakil wanita sekarang kurang dalam MT dan kita perlukan beberapa orang wakil wanita untuk duduk memegang jawatan yang tinggi untuk memenuhi hajat 30% wanita dalam Dewan Negara dan Dewan-dewan yang lain, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Datuk Maijol Mahap.
12.41 tgh hari.

Datuk Maijol bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk turut sama berbahas Usul Menjunjung Kasih Ke atas Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuanku dalam titahnya antara lain telah menyentuh isu perumahan di negara kita. Tuanku bertitah bahawa kemudahan perumahan kepada golongan yang memerlukan terus menjadi agenda utama kerajaan.

Sehubungan ini Program Perumahan Rakyat, Program Bantuan Rumah, Projek Rumah Mesra Rakyat dan sebagainya akan terus dilaksanakan serta dipertingkatkan. Ini bagi memastikan mereka iaitu golongan yang berpendapatan rendah memiliki rumah yang selesa mengikut kemampuan mereka. Di bawah pakej rangsangan ekonomi sebanyak 25,000 unit rumah akan dibina pada tahun ini. Skim Jaminan Kredit Perumahan telah disediakan bagi membantu golongan yang tidak berpendapatan tetap memiliki rumah kos rendah dan sederhana rendah.

Tuan Yang di-Pertua, memang amat bersesuaian sekali bahawa satu langkah penting bagi membantu golongan miskin menikmati hidup yang lebih selesa ialah dengan menyediakan

perumahan yang mencukupi. Tahun lalu 2008 telah dimaklumkan bahawa sejumlah RM381 juta telah diberi atau disediakan bagi melaksanakan perumahan rakyat kos rendah.

Dari jumlah tersebut, RM191 juta adalah untuk Program Perumahan Rakyat atau PPR untuk disewa dan RM190 juta bagi PPR bersepadu. Saya juga mendapat tahu bahawa Syarikat Perumahan Negara Berhad atau SPNB sedang giat melaksanakan pembinaan rumah bagi golongan berpendapatan rendah. Sebagaimana yang saya tahu SPNB akan melaksanakan 36,000 unit rumah di bawah Program Perumahan Mampu Milik dan 8,000 unit di bawah Program Rumah Mesra Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyatakan bahawa terdapat kesukaran bagi golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap seperti petani dan pengusaha kecil untuk mendapatkan pinjaman bank untuk membeli rumah kos rendah. Saya ingin bertanya kepada kementerian, bagaimana kerajaan boleh membantu mereka dalam golongan seperti ini. Mereka tidak ada bukti pendapatan tetap dan tidak ada slip gaji *form J* dari *income tax* dan sebagainya. Jadi amatlah susah bagi mereka untuk mendapatkan pinjaman dari bank.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada golongan yang tidak mempunyai pendapatan tetap ada satu golongan lagi mesti dibantu oleh kerajaan untuk mendapatkan rumah iaitu mereka yang tergolong dalam kumpulan miskin tegar. Golongan ini tidak mampu membeli rumah walau bagaimanapun rendah harga rumah tersebut.

Jika sekiranya mereka diberi pinjaman bank untuk membeli rumah kos rendah, mereka tidak akan mampu membayar ansuran bulanan tersebut dan juga rumah akan diambil kembali oleh bank kerana mereka tidak boleh membayar balik rumah tersebut. Kumpulan seperti ini masih terdapat di negeri-negeri negara kita termasuk di Sabah dan juga Sarawak iaitu terdapat di bahagian luar bandar. Kalau kita masuk kampung-kampung Tuan Yang di-Pertua dan melihat keadaan mereka, kita merasa simpati dengan keadaan mereka. Walau pun kita kini sudah merdeka berpuluh-puluh tahun dan bangga sekarang ini kita bukan menguruskan kesusahan tetapi mengurus kejayaan tetapi masih terdapat ramai rakyat yang tidak mempunyai rumah yang selesa.

Saya difahamkan bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah mempunyai satu program untuk memberi perumahan secara percuma kepada kumpulan rakyat seperti ini. Saya bersetuju mengucapkan tahniah kepada kementerian di atas program ini. Saya amat menyokong bahawa kerajaan memberikan perumahan kepada mereka secara percuma.

Saya ingin mengesyorkan bahawa tumpuan mestilah diberi terhadap keperluan mereka memperbanyakkan lagi peruntukan perumahan seperti itu. Saya mendapat tahu dari pegawai-pegawai daerah di Sabah bahawa terdapat ribuan orang yang memang layak mendapatkan bantuan rumah seperti ini. Saya ingin bertanya kepada kementerian, berapakah rakyat yang sudah diberikan bantuan perumahan secara percuma ini. Apakah perancangan dan tindakan kementerian untuk memastikan program ini bukan sahaja berterusan tetapi akan memberikan peruntukan yang lebih banyak pada masa-masa akan datang?

Tuan Yang di-Pertua dalam Titah Ucapan Tuanku juga menyentuh mengenai dengan pelaburan. Tuanku bertitah bahawa kerajaan akan terus meminimumkan kesan kelembapan ekonomi global ke atas sektor perdagangan dan perindustrian negara. Antara langkah yang dibuat oleh kerajaan ialah mewujudkan iklim pelaburan yang lebih kondusif, meningkatkan daya saing negara serta memperkenalkan dasar pelaburan yang liberal dan telus. Dalam hubungan ini, promosi dan usaha bagi menggalakkan lebih banyak kemasukan pelaburan dari negara-negara yang mempunyai lebih dana seperti Timur Tengah, republik China akan dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek ini saya ingin bangkitkan tentang *Cabotage Policy*. Dasar Kabotaj yang sudah lama diamalkan oleh kerajaan kita. Di mana pengeksport-pengeksport daripada Sabah akan menanggung banyak kos disebabkan mereka terpaksa membayar sewa kapal laut pergi dan balik, *two ways*. Jadi, itu membebankan kepada saudagar-saudagar dan juga rakyat Malaysia di Sabah kerana membayar jumlah yang lebih. Saya mengesyorkan bahawa kerajaan harus melihat perkara ini secara serius. Sudah sampainya kerajaan untuk melihat perkara ini secara serius kerana impaknya yang begitu negatif terhadap kos barang-barang yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku juga bertitah mengenai dengan perusahaan kecil dan sederhana. Tuanku bertitah bahawa bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana berdaya maju yang menerima kesan buruk dari kelembapan ekonomi global. Skim Bantuan Jaminan PKS bernilai RM2 bilion disediakan bagi membolehkan mereka mempunyai akses pembiayaan daripada kos yang lebih rendah. Justeru, kerajaan menyeru institusi perbankan supaya terus menyediakan kemudahan pembiayaan pada syarikat-syarikat perniagaan dalam usaha menjana dan menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

■ 1250

Dalam aspek ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut tentang kemudahan bank yang disediakan oleh institusi-institusi kewangan kita dan juga oleh badan-badan kerajaan. Sebenarnya banyak kemudahan yang diberi seperti kemudahan pinjaman oleh PUNB, PNB dan Bank SME antara lain. Namun, masalahnya Tuan Yang di-Pertua, kemudahan seperti ini tidak diketahui oleh rakyat. Banyak lagi rakyat yang tidak mengetahui tentang adanya skim-skim seperti ini. Oleh itu, mereka rasa dinafikan dengan kemudahan seperti ini. Jadi, saya ingin mengesyorkan kepada kementerian supaya memberikan satu penerangan atau *road show* kepada pemimpin-pemimpin masyarakat, kepada NGO-NGO dan juga kepada badan-badan tertentu supaya mereka lebih mengetahui tentang adanya atau wujudnya kemudahan seperti ini supaya mereka juga sama-sama menikmati dan juga boleh membuat permohonan kepada bank-bank atau badan-badan kerajaan tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya juga ingin membahaskan tentang hak *native* anak negeri di Sabah dan Sarawak dan juga Orang-orang Asli di Semenanjung. Satu daripada masalah yang dihadapi di negara kita Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan pemilikan tanah. Sabah memang sudah diketahui umum bahawa memang terdapat banyak

masalah mengenai dengan pemilikan tanah di mana mereka sudah lama tinggal di tanah mereka tetapi tidak bergerak. Oleh kerana itu, selalunya mereka ini dihalau oleh badan-badan tertentu sebab mereka tidak mempunyai geran atau pemilikan yang khusus untuk tanah itu.

Demikian juga di Semenanjung di mana saya ketahui sebab Orang Asli juga mempunyai masalah seperti ini di mana mereka telah tinggal dan menduduki tanah mereka selama beratus tetapi apabila kerajaan hendak mengambil tanah itu dan dijadikan sebagai *public holders*. dengan izin, maka mereka terpaksa mengosongkan tanah itu. Inilah yang menjadi masalah kepada orang *native* di Sabah, Sarawak dan juga di Semenanjung walhal tanah adalah amat penting kepada rakyat. Di negara-negara lain seperti di USA, England, Australia, New Zeland dan sebagainya, hak pemilikan tanah melalui *native-customaries* ini sudah lama diperjuangkan dan diiktiraf oleh kerajaan melalui kes-kes di mahkamah.

Jadi, sekarang ini mereka sudah pun mengiktiraf hak mereka sebagai *native* dan juga hak untuk memiliki tanah yang mereka duduki sekian lama itu.

Timbalan Yang di-Pertua: *Native* ini termasuk 95% *native* Iban di kawasan Batang Air, termasuk ini?

Datuk Maijol Mahap: Saya difahamkan begitu, Tuan Yang di-Pertua. Majoritinya orang Iban dan tentu sebagai *native* negeri Sarawak.

Saya ingin mengesyorkan bahawa kerajaan harus melihat isu ini secara serius. Sudah sampai masanya kita melihat perkara ini secara serius. Saya perhatikan di Semenanjung ini, Orang Asli terpaksa melawan kerajaan berhabis-habisan sebelum mereka mendapat tanah. Mereka terpaksa mengambil peguam mereka untuk melawan kerajaan sebelum mereka mendapatkan hak mereka iaitu pampasan daripada kerajaan. Saya ambil contoh Tuan Yang di-Pertua, kes yang berlaku di Johor. Kes mahkamah yang bernama Adung bin Kuwan iaitu melawan Kerajaan Negeri Johor di mana kerajaan mengambil tanah mereka untuk dijadikan sebagai satu tempat tangki air yang besar. Kawasan itu ialah kawasan Orang Asli dan sudah tentu Orang Asli akan tidak setuju dengan tindakan kerajaan.

Oleh itu, Orang Asli telah mengambil tindakan dan menyaman kerajaan di mahkamah. Akhirnya, Orang Asli menang di dalam kes itu dan diberi pampasan yang mencukupi. Satu lagi kes di Semenanjung ini yang juga di bawa oleh Orang Asli ialah kes Sagong Tasi di Negeri Selangor di Sepang. Tanah mereka telah diambil sebagai satu laluan *highway* daripada KLIA ke Kuala Lumpur. Mereka tinggal di tanah itu sudah beratus-ratus tahun tetapi suatu hari kerajaan telah membina lebuh raya dan mengambil tanah mereka. Mereka dibayar pampasan yang sedikit tetapi Orang Asli tidak bersetuju dan telah melawan ataupun mengambil tindakan menyaman Kerajaan Selangor untuk mendapatkan pampasan yang lebih. Keputusannya ialah Orang Asli menang dan mereka mendapat pampasan yang lebih.

Satu lagi yang ingin saya tekankan di sini. Sebelum itu, di Sarawak juga ada satu kes Nor anak Nyawai di mana kes ini melibatkan pengambilan tanah oleh syarikat besar daripada orang-orang tempatan, *native* di Sarawak. Ini juga memberikan kemenangan kepada orang-orang

native kerana mereka sudah tinggal di kawasan itu begitu lama dan adalah menjadi hak mereka untuk memiliki tanah tersebut. *Point* yang ingin saya sampaikan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah kenapa harus orang *native* atau Orang Asli ini berhabis-habisan melawan di mahkamah sebelum mereka mendapat hak mereka. Kita hendak kerajaan mengambil pendekatan yang lebih *friendly* dan bukan *defensive*, dengan izin, sebelum Orang Asli atau orang *native* ini diberi hak mereka. Saya ingin mengesyorkan supaya kerajaan kita harus mengambil pendekatan yang lebih proaktif dan bersikap lebih membantu kepada orang *native* atau kepada Orang Asli ini daripada *defensive*.

Jadi dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa yang dipanggil Majlis Tanah Adat Malaysia. Majlis ini nanti bertanggungjawab untuk mengkoordinasi dan juga melihat masalah-masalah NCR di seluruh negara kita. Majlis ini akan menerima aduan dan juga bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain supaya masalah NCR ini dapat diselesaikan dari semasa ke semasa tanpa mereka ini mengambil peguam di mahkamah. Peguam bukan murah, Tuan Yang di-Pertua. Mereka kena bayar berpuluh atau beratus ribu mungkin, sebelum mereka boleh mengambil khidmat peguam. Mereka terpaksa mengambil bukti-bukti yang sudah lama seperti kes Sagong di Selangor. Nasib baik mereka masih menyimpan lembing yang sudah beratus tahun sebagai *exhibit* atau bahan bukti di mahkamah. Kalau tidak mungkin mereka tidak boleh menang, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya ingin mengesyorkan supaya kerajaan harus menubuhkan majlis ini untuk kepentingan orang-orang *native* dan Orang Asli di Semenanjung ini...

Tuan Osman bin Bungsu: Yang Berhormat, minta laluan.

Datuk Maijol Mahap: Silakan.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa pandangan Yang Berhormat, saya tidak dapat hendak membalas jasa baik dan perjuangan Yang Berhormat tentang hak milik tanah ini kepada Orang Asli dan *native* di Sabah dan Sarawak. Saya rasa perjuangan ini bukanlah setakat yang baru. Saya melihat Yang Berhormat, bahawa kerajaan iaitu Kabinet telah memutuskan bahawa hak milik tanah ini telah diluluskan dalam mesyuaratnya yang lalu. Menteri sendiri telah mengumumkan pindaan akan dibuat dalam masa yang terdekat. Terdekat itu berapa tahun saya tidak tahulah.

Namun sehingga hari ini, pembentangan Pindaan Akta 134 untuk memberi laluan kepada pemilikan tanah hak Orang Asli ataupun hak *native* ini belum dibuat lagi sehingga hari ini walaupun perundingan demi perundingan secara lisan dan urusan dengan pihak Menteri yang berkenaan, satu Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar kalau tidak silap saya. Kementerian Datuk Maznah. Begitu juga dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Masih dalam keadaan tidak menentu. Jadi saya berharap Yang Berhormat, sampai bila agaknya tanah ini menjadi hak milik supaya tanah yang ada hak milik ini menjadi aset kepada Orang-Orang Asli atau orang *native* dalam membangunkan tanahnya sendiri. Saya ingat kalau ada tanah, bukan saja ia boleh dimajukan secara profesional untuk mendapatkan pulangan ekonomi yang lumayan.

Jadi saya berharap perkara ini dapat disegerakan kepada pihak-pihak yang berkenaan dan juga pihak kerajaan kalau boleh diulang lagi seperti mana Suruhanjaya Hak Asasi Manusia telah memberi bermacam-macam saranan kepada kerajaan supaya perkara ini mendapat perhatian. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Maijol Mahap: Kita memang perlu *political will, dengan izin*, daripada kerajaan untuk menangani masalah ini. Ini ada kaitan dengan keinginan kita untuk mengeluarkan mereka ini daripada belunggu kemiskinan. Ada kaitan dengan ekonomi mereka sebab kalau tanah mereka pun tidak terjamin, bagaimana mereka boleh menaikkan ekonomi mereka. Tidak ada tanah dan sebagainya. Ini satu-satunya aset yang mereka ada. Jadi, saya setuju pandangan Yang Berhormat, sahabat saya dari Johor supaya kerajaan mengambil tindakan proaktif. Jangan mempunyai sifat-sifat yang seakan menafikan hak Orang Asli dan juga *native* tetapi haruslah mengambil pendekatan yang lebih proaktif, yang lebih membantu kepada orang *native*.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh kerana masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh sambung petang ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga pukul 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Maijol Mahap, sila teruskan ucapan.

2.33 ptg.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris hangat diperbahaskan oleh orang ramai. Saya ingin membahaskan isu ini di Dewan yang mulia ini. Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dasar kerajaan untuk terus mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Dasar ini adalah tepat kerana bahasa Inggeris adalah bahasa antarabangsa, penting bagi pelajar-pelajar dan generasi baru untuk menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

Dalam zaman globalisasi ini, kita tidak boleh lari untuk terpisah dengan dunia luar. *We are part and parcel of the world, and international community*, dengan izin. Kita mahu graduan-graduan kita fasih dalam bahasa Inggeris. Kadang-kadang saya sendiri merasa malu melihat graduan-graduan kita yang tidak boleh menguasai atau bertutur dalam bahasa Inggeris dengan betul. Ini akan membuat mereka merasa *inferior* atau rasa rendah diri apabila berdepan dengan suasana yang memerlukan pengetahuan dalam bahasa Inggeris.

Bukan itu sahaja, mereka mempunyai kesukaran untuk mencari pekerjaan dan mereka akan jadi *unemployable*, dengan izin, terutama sekali di sektor swasta. Graduan-graduan yang tidak boleh menguasai bahasa Inggeris dengan baik ini akan menghadapi kesukaran dalam mata pelajaran mereka nanti. Contoh, saya perhatikan di mahkamah bahawa ramai peguam yang se profesion dengan saya, peguam-peguam muda yang berkelulusan daripada universiti-universiti

tempat tidak boleh bercakap dalam bahasa Inggeris dengan betul walaupun sebenarnya suasana di mahkamah menghendaki mereka bertutur dalam bahasa Inggeris. Apabila hakim bercakap dalam bahasa Inggeris, mereka balas dengan bahasa Malaysia dan apabila dia cuba membalas dalam bahasa Inggeris, bahasanya adalah amat lemah sekali.

Tuan Khoo Soo Seang: Yang Berhormat, boleh minta laluan sedikit?

Datuk Maijol Mahap: Silakan.

Tuan Khoo Soo Seang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Yang Berhormat, kalau kita hendak menambahbaikkan taraf penguasaan bahasa Inggeris, cara yang mana lebih berkesan, kita tambah waktu bahasa Inggeris dan kita perbaiki kaedah pengajaran bahasa Inggeris ataupun pengajaran Sains dan Matematik melalui bahasa Inggeris? Sekian.

Datuk Maijol Mahap: Saya rasa kedua-dua kaedah pun betul. Bukan melalui pembelajaran atau melalui mata pelajaran Matematik dan Sains sahaja tetapi kaedah-kaedah lain pun adalah sesuai juga kerana bagi saya penguasaan bahasa itu haruslah bermula daripada peringkat awal dan ia dipupuk supaya ia terus boleh menguasai bahasa dengan baik.

Saya berbalik kepada peguam-peguam di mahkamah tadi itu. Sebagai seorang sahabat atau *learned friend*, sebagai sama-sama pengamal undang-undang, saya merasa kecewa melihat keadaan. Saya percaya masalah ini tidak terhad kepada golongan peguam sahaja tetapi kepada profesion lain di negara kita. Saya merasakan bahawa adalah satu kesilapan jika kita kembali mengajar mata pelajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Malaysia. Ini bererti kita melangkah ke belakang. Kita harus melangkah ke hadapan.

Forum-forum antarabangsa diadakan dengan menggunakan bahasa Inggeris. Perniagaan-perniagaan antarabangsa juga diadakan dengan menggunakan bahasa Inggeris. Pada masa ini pun ahli-ahli politik, ahli perniagaan Malaysia menghantar anak-anak mereka ke sekolah swasta atau sekolah antarabangsa kerana di situ bahasa Inggeris diajar dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, *English* adalah *lingua franca*, dengan izin. Kalau kita berjumpa dengan orang asing, kita kena cakap bahasa Inggeris, tidak boleh cakap bahasa kita. Ini adalah realiti hidup. Mempelajari bahasa Inggeris tidak akan membuat orang Malaysia bukan orang Malaysia. *It doesn't make us less Malay or less Malaysian*, dengan izin. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, waktu saya bersekolah di seberang laut, di England, saya berjumpa dan ramai kawan daripada Thailand dan sebagainya. Mereka ini sebenarnya *Malay, but they are Thai citizen*. Saya bertanya dengan mereka, "*How do you feel being a Malay-Thai?*" Dia kata, "*Well, I'm Thai citizen but my semangat is semangat Melayu*". So, dia mendukung semangat orang Melayu walaupun dia bukan orang Malaysia tetapi dia bangsa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya janganlah kita membuang masa berbahas panjang lebar mengenai ini dan membazir wang ringgit untuk kembali ke dasar yang dahulu. Adalah tidak adil jika kerajaan mengubah dasar yang ada sekarang hanya disebabkan oleh segelintir rakyat Malaysia yang *demonstrate*, dengan izin dan mendesak supaya kerajaan mengubah dasar.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: [*Bangun*]

Datuk Maijol Mahap: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa untuk mengatakan hanya segelintir rakyat Malaysia yang menentang PPSMI adalah satu andaian yang tidak tepat sama sekali. Di hadapan saya ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah setumpuk dokumen. Lebih 100,000 halaman jumlahnya yang menjelaskan, yang memberikan hujah-hujah yang ilmiah.

Kenapa kita harus kembali kepada penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran Sains dan Matematik. Untuk mengatakan bahawa kita akan membazir, saya rasa, kalau kita sesat di hujung jalan, kita harus kembali ke pangkal jalan. Kita tahu sewaktu dasar ini diperkenalkan dahulu tidak ada satu kajian pun yang dibuat.

■1440

Empat puluh tahun yang lalu sewaktu bahasa Melayu hendak menggantikan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar di sekolah, di sistem pendidikan kita. Kita membuat perancangan yang cukup sistematik. Kita melatih guru-guru, kita mengimport guru-guru dari Indonesia. Ertinya, bila bahasa Melayu menggantikan bahasa Inggeris kira-kira dalam tahun 70-an semasa Yang Berhormat Tun Abdul Rahman Yaakob menjadi Menteri Pelajaran, perancangan untuk pemindahan itu cukup teratur. Akan tetapi apa yang berlaku sekarang dengan PPSMI?

Apa yang kita tahu, bahawa keputusan ini dibuat di dalam Kabinet tanpa ada kertas cadangan. Kemudiannya diisytiharkan begitu, tidak sampai setahun ia dilancarkan. Jadi ini adalah kesilapan-kesilapan awal yang kita sekarang terlajak sebegini jauh. Sedangkan yang patut kita ingat ialah bahawa kalau kita teruskan PPSMI ini, kita akan membunuh bahasa Melayu, kita akan membunuh bahasa kebangsaan sendiri. Kenapa saya katakan begitu?

Kalau kita berpuas hati dengan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pasar, sebagai bahasa untuk membeli ikan di pasar, membeli sayur di pasar, memesan makanan di kedai-kedai mamak, tidak mengapa. Akan tetapi kita mahu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan menjadi bahasa yang berwibawa. Bahasa yang dapat mengungkapkan fikiran-fikiran yang canggih, bahasa yang dapat mengungkapkan gagasan-gagasan yang konseptual.

Oleh sebab itu saya rasa tidaklah adil sama sekali untuk mengatakan bahawa kita membuang waktu untuk membahaskan perkara ini, bahawa kita tidaklah adil untuk mengatakan bahawa kita patut meneruskan dasar PPSMI ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Maijol Mahap: Yang Berhormat Menteri Pelajaran sudah pun mengatakan beberapa hari yang lalu bahawa pihak kementeriannya sedang menyediakan kertas kerja untuk dibentangkan di Kabinet dan saya percaya ia akan diputuskan tidak lama lagi. Bagi saya, saya mengharap agar dasar itu diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang kemusykilan pesakit-pesakit di Sabah khasnya di Kota Kinabalu. Di Kota Kinabalu sekarang ini Tuan Yang di-Pertua rakyat sedang membincangkan tentang Hospital Queen Elizabeth yang sudah ditutup. Sebahagian

daripada bangunannya ditutup kerana didapati tidak selamat. Kerajaan telah pun membuat keputusan untuk mengosongkan wad 12 tingkat, Queen Elizabeth kerana ia tidak selamat. Ini amat mengejutkan kerana mengikut apa yang difahami, sebenarnya bangunan itu sudah lama tidak selamat tetapi tidak dikosongkan. Jadi rupa-rupanya selama ini pesakit-pesakit dan juga pekerja-pekerja di hospital itu di dalam bangunan yang tidak selamat.

Kini kerajaan terpaksa menyewa sebahagian daripada premis *Sabah Medical Centre*.

Saya difahamkan bahawa sewaan adalah mencecah berpuluh-puluh juta ringgit dalam satu bulan. Kes mengangkat pesakit dan pekerja dari Queen Elizabeth ke SMC iaitu *Sabah Medical Centre* adalah juga tinggi. Saya difahamkan bahawa kontrak mengangkut ini diberikan kepada sebuah syarikat dengan bayaran yang amat tinggi juga. Sekarang ini kerajaan dalam persimpangan jalan sama ada mahu membeli SMC sebagai hospital yang baru ataupun tidak. Saya difahamkan bahawa kalau kerajaan mahu membeli SMC itu, ia akan memakan kos sebanyak RM450 juta. Semua orang tahu bahawa harga itu adalah amat tinggi dan ia adalah amat membebankan rakyat dan juga kerajaan. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kerajaan pernah membeli bangunan SMC dahulu yang kini dijadikan sebagai hospital kerajaan yang kini dipanggil sebagai Hospital Likas.

Selepas itu SMC membina bangunan baru dengan menggunakan untung yang mereka dapati dan sekarang ini kerajaan mahu beli lagi SMC yang baru itu. Tidakkah boleh kerajaan bina bangunan baru iaitu hospital sendiri atau cepat-cepat runtuhkan bangunan yang tidak selamat itu dan bina bangunan yang baru. Kalau membina bangunan mungkin mengambil masa yang lama, tetapi saya menyokong cadangan Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Musa Aman untuk mengambil alih bangunan milik *Sabah Credit Corporation* iaitu sebuah agensi kerajaan di Sabah. Saya difahamkan kos pengambilalihan dan *renovation* nya hanya memakan kos sebanyak RM150 juta.

Satu lagi yang saya bangkitkan ialah mengenai dengan *Heart Centre* di Sabah. Sehingga hari ini, Sabah belum mempunyai *Heart Centre* sedangkan di negeri-negeri lain sudah mempunyai *Heart Centre* yang moden. Pesakit-pesakit jantung di Sabah akan berhadapan dengan kerumitan yang amat sangat kerana mereka terpaksa menunggu dan mengikut giliran untuk dirawat oleh pakar-pakar dari IJN yang datang ke Kota Kinabalu sekali dalam satu bulan atau untuk dibawa ke Kuching dan di Kuching kerajaan mempunyai *Heart Centre* yang moden dan canggih. Ada kes-kes di mana pesakit-pesakit jantung meninggal dunia ketika menunggu rawatan ataupun *operation*. Kalau Sabah mempunyai *Heart Centre* nya sendiri, tidak perlu tunggu pakar-pakar dari IJN setiap bulan atau menghantar pesakit-pesakit ke Kuching. Oleh itu saya ingin menyeru dan meminta kerajaan melihat perkara ini untuk membina dan mewujudkan *Heart Centre* di Sabah dengan seberapa cepat yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa lama dahulu pada bulan 6 Mac 2009, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah melawat Wilayah Persekutuan Labuan dan Yang Amat Berhormat telah mengumumkan bahawa cita-cita rakyat di Labuan dan juga di Sabah

mahukan sebuah jambatan yang menghubungkan Pulau Labuan dan Menumbuk di Sabah akan terjadi. Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa ini akan diperlihatkan oleh kerajaan tetapi tidak akan mengambil masa.

Saya di sini ingin mengucapkan terima kasih kerana sekurang-kurangnya ada pengumuman seperti itu walaupun mengambil sedikit masa mungkin beberapa tahun, tetapi tidak mengapa asalkan itu akan berlaku nanti. Ini adalah sangat baik untuk ekonomi di Sabah, Sarawak dan juga di rantau Labuan. Ia akan tentu memperbaiki untuk menaikkan aktiviti ekonomi dan juga tambahan lagi sekarang ini Labuan sudah menjadi sebuah pusat *Labuan Halal Distribution Hub*. Itu juga merencanakan lagi industri ini. Begitu juga sekarang ini kita mempunyai *Sabah Development Corridor*, *Sarawak Development Corridor* dan dengan jambatan ini sudah tentu akan memberikan input atau perisian yang lebih baik daripada koridor-koridor tersebut. Ini sudah tentu akan memberikan mobiliti, *enhance mobility for people*, pergerakan rakyat, manusia akan lebih baik di mana kedua-dua tempat itu dan juga negara jiran Brunei akan dapat menggunakan sistem yang lebih canggih tanpa menggunakan kapal laut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin sentuh di sini ialah mengenai dengan pembangunan sukan...

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah Yang Berhormat?

Datuk Majjol Mahap: Kurang sepuluh minit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Majjol Mahap: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan kerana sentiasa mencari pendekatan yang baru untuk memartabatkan sukan di negara kita. Satu aspek yang ditekankan oleh kementerian melalui Institut Sukan Negara ialah menyemarakkan proses pengenalpastian bakat-bakat baru serta perkembangan atlet berlandaskan kepada prinsip-prinsip serta amalan sains sukan yang sesuai.

Pada tahun lalu, kementerian telah membuat perubahan tentang kaedah untuk mengenal pasti bakat-bakat baru. Kalau dahulunya pengenalpastian ini dibuat oleh Majlis Sukan Negara yang menubuhkan pusat-pusat latihan di daerah-daerah, kini dibuat dengan kerjasama di antara Kementerian Belia dan Sukan melalui ISN, Institut Sukan dan Negara dan juga Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Sukan, Seni dan Kokurikulum. Ia bertujuan untuk mengenal pasti bakat di peringkat akar umbi.

Program-program yang dibuat adalah seperti berikut, iaitu:

- (i) menggembelng Tunas Gemilang; dan
- (ii) menjayakan Program Sukan Muda di kalangan anak-anak murid di sekolah.

■ 1450

Sekarang ini pengenalpastian bakat di sekolah dibuat oleh sekolah-sekolah. Dahulunya pengenalpastian ini dibuat oleh Majlis Sukan Negara dengan kerjasama Persatuan-persatuan Negeri di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah. Saya nampak perubahan ini sebab saya

terlibat secara langsung dalam perkembangan sukan sebagai penggiat sukan juga. Apa yang saya nampak di sini Tuan Yang di-Pertua ialah satu pembaharuan yang melibatkan dua kementerian, Kementerian Belia dan Sukan dan juga Kementerian Pelajaran Malaysia.

Saya ingin membuat saranan di sini dua perkara iaitu pertama kalaulah demikian iaitu pengenaltastian bakat-bakat ini dibuat oleh Kementerian Pelajaran oleh sekolah-sekolah di daerah-daerah. Maka adalah perlu dan penting bagi guru-guru sukan dilatih dengan baik. Ini kerana tanpa jurulatih-jurulatih yang baik, *coach* yang *qualified* yang terlatih, maka sukar kita untuk mencungkil bakat-bakat dengan sistematik. Dengan cara pengajaran, cara *coaching*, kejurulatihan yang sempurna. Maka anak murid kita sukar untuk dilatih.

Oleh itu saya berharap agar sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia akan mencari cara yang holistik untuk mendedahkan jurulatih-jurulatih, guru-guru yang bertauliah untuk mengajar ataupun melatih sukan atau atlet-atlet di peringkat daerah dan juga di peringkat negeri. Kedua Tuan Yang di-Pertua ialah saya ingin menyeru supaya iaitu agar sekolah-sekolah ini menjalankan hubungan yang baik di antara mereka dengan Persatuan Negeri ataupun Persatuan Sukan daerah-daerah.

Tanpa kerjasama di antara mereka ini maka sukar kita untuk memajukan sukan, sukar kita untuk koordinasi aktiviti dan juga mencari bagaimana boleh meningkatkan lagi dan melonjakkan lagi prestasi sukan di kalangan anak-anak muda kita. Haruslah ada interaksi di antara mereka apabila nanti ada penganjuran sukan di peringkat negeri dan peringkat daerah supaya semuanya akan terlibat sama untuk sama-sama menganjur.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih dan tahniah kerana kerajaan telah memberikan stimulus pakej yang begitu baik. Di mana negeri-negeri di Malaysia ini semuanya mendapat atau diberi peruntukan yang baik dengan jumlah yang tinggi. Di Sabah contohnya mendapat RM1 bilion untuk pakej yang pertama dan kedua itu mendapat RM2 bilion.

Manakala dalam usaha kerajaan untuk memberikan pembangunan di negeri-negeri termasuklah di Sabah dan Sarawak ini. Memang banyak projek atau kontrak-kontrak ataupun bangunan yang dibuat oleh kerajaan sama ada yang besar ataupun kecil. Jadi saya ingin menyeru di sini apabila kerajaan memberikan atau membangunkan atau membina projek-projek yang besar di Sabah ataupun sederhana besar. Saya menyeru supaya kerajaan harus memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor tempatan di Sabah.

Berilah peluang kepada mereka untuk mengendalikan projek-projek itu kerana mereka juga inginkan diberi peluang seperti itu. Mereka tidak mahu hanya melihat sahaja dengan mata dan mendengar sahaja. Akan tetapi juga sama-sama mengimplementasikan projek-projek supaya mereka sama-sama mendapat nikmat daripada kebaikan kerajaan kita di Malaysia ini. Antara lain juga saya telah dimaklumkan melalui ucapan Yang Berhormat Datuk Roslan dua hari yang lalu bahawa banyak lagi kontraktor lain bukannya kelas 'F' yang ingin supaya diberikan peluang.

Saya difahamkan bahawa kelas 'D' dan ke atas itu mempunyai 30,000 semuanya. Jadi kalaulah kerajaan menumpukan kepada kelas 'F' sahaja bagaimana dengan kelas-kelas yang

lain. Jadi kerajaan harus melihat ini supaya semua orang, semua kontraktor tidak kira kelas mana, kelas apa mendapat peluang yang sama. Itu sahaja yang saya ingin nyatakan di sini. Tuan Yang di-Pertua oleh itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Abdul Rashid Ngah.

2.55 ptg.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba dalam masa yang amat terbatas ini untuk menyebut dua, tiga perkara dalam menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Roslan dua hari yang lalu. Dalam titah ucapan Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong, Tuan Yang di-Pertua, ada disebut bahawa: *"Perlembagaan telah memperuntukkan Islam sebagai Agama Persekutuan di samping agama-agama lain bebas untuk diamalkan. Oleh itu beta mengingatkan semua pihak supaya menghormati kedua-dua agama tersebut dan tidak mempersoalkannya "*

Tuan Yang di-Pertua menghormati kedudukan agama Islam pada hemat saya boleh dilakukan dengan dua cara sekurang-kurangnya, iaitu:

- (i) semua pihak terutama penduduk, pemeluk-pemeluk agama lain menyedari akan pentingnya penghormatan itu diberi kerana agama itu adalah sesuatu yang tinggi di pandang oleh penduduk sesuatu agama; dan
- (ii) selain daripada kesedaran untuk berbuat begitu adanya undang-undang yang mahu tidak mahu kita gunakan untuk memaksa orang menghormati. Ataupun setidak-tidaknya tidak menyatakan sesuatu yang bertentangan dengan agama itu.

Dalam hal ini saya secara khusus suka menyebut Tuan Yang di-Pertua, satu perkara sebagai contoh dalam membincangkan tentang penghormatan terhadap agama Islam ini, Agama Persekutuan. Iaitu masalah penggunaan perkataan Allah oleh sebuah majalah *Herald* kalau saya tidak salah iaitu permohonan mereka. Permohonan pihak pendakwah agama Kristian untuk menggunakan perkataan ini dalam majalahnya. Kalau saya tidak salah Majlis Fatwa Kebangsaan telah pun membuat keputusan bahawa tidaklah boleh perkataan Allah itu digunakan oleh lain-lain agama.

Pihak Kementerian Dalam Negeri juga telah pun mengeluarkan warta yang membawa maksud yang sama. Akan tetapi saya mendapat maklum bahawa pihak yang berkenaan merasa tidak puas hati dan mengemukakan hal ini kepada mahkamah. Pertanyaan saya kepada kerajaan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, adakah boleh perkara-perkara yang seumpama ini, perkara yang mengenai agama Islam ini selepas pihak Majlis Fatwa Kebangsaan membuat satu-satu fatwa. Maka fatwa itu hendak dicabar di dalam mahkamah.

■1500

Kalaupun hendak dicabar di dalam mahkamah, mahkamah manakah yang berhak mendengar dan membuat keputusan, adakah Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah? Jadi

inilah perkara yang kita rasa perlu diberi penelitian oleh kerajaan supaya sesuatu perkara yang telah dibuat keputusan oleh pihak-pihak tertentu seperti Majlis Fatwa Kebangsaan tidak dipandang rendah oleh pihak-pihak yang tertentu. Itu maksud saya secara terus dan saya berharap mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan tentang perkara yang seumpama ini.

Perkara yang kedua, Duli Yang Maha Mulia Tuanku menegaskan bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tubuh dan undang-undang tertinggi di negara kita yang sepatutnya dihormati oleh semua pihak. *“Oleh itu Beta ingin mengingatkan supaya kesepakatan tersebut dihormati dan tidak ada sebarang percubaan untuk mewujudkan undang-undang lain yang bertentangan dengan keluhuran Perlembagaan Persekutuan”*. Akhir-akhir ini hal-hal yang ada hubungannya dengan Perlembagaan banyak ditimbulkan khususnya berhubung dengan undang-undang tubuh negeri.

Misalnya Undang-undang Tubuh Negeri Perak kerana berlakunya kemelut politik di Perak. Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, kita bertanya perkara-perkara yang telah disepakati seperti yang telah ditekankan oleh Yang maha Mulia Tuanku dan kita fahami bahawa perkara-perkara yang telah disepakati oleh pejuang-pejuang kita yang lama dulu semasa kita memperjuangkan kemerdekaan, boleh kita simpulkan sebagai kontrak sosial. Kontrak sosial ini pada fahaman saya adalah satu perkara yang dipersetujui bersama, difahami bersama dan tidak ada ikatan ataupun perjanjian secara bertulis.

Ia haruslah diperturunkan maksudnya disampaikan daripada generasi kepada satu generasi sampai kepada peringkat kita dan kita seharusnya pula menurunkan kepada generasi yang akan datang. Saya ingin bertanya kepada kerajaan untuk mengukuhkan kontrak sosial ini yang kita sampai sekarang mempertikaikannya. Adakah dirasakan perlu untuk sekali lagi diadakan semacam persetujuan bersama di seluruh negara kita sekarang seperti yang pernah dulu beberapa buah parti politik yang terbesar mewakili kaum-kaum yang tertentu duduk semeja berunding, bercakap daripada hati ke hati sampai kepada satu ketentuan yang boleh menerima satu ketetapan bersama.

Kita rasakan perkara yang seumpama itu pun barang kali harus dibuat selepas 50 tahun kita mencapai kemerdekaan. Mudah-mudahan dengan apa yang dapat kita sepakati sekarang boleh tahan untuk 50 tahun yang akan datang. Kemungkinan 50 tahun lagi perkara ini timbul semula dan perlu disepakati sekali lagi. Memang kita percaya ada pihak-pihak yang merasa kurang senang dengan perkara-perkara yang telah dipersetujui dulu. Terutama sekali kalau pihak-pihak tertentu itu merasakan bahawa nasib mereka tidak terbela ataupun kedudukan mereka sekarang tidak begitu baik, kerana adanya perkara-perkara yang telah disepakati.

Secara khususnya sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua boleh saya katakan misalnya keistimewaan orang Melayu. Ada pihak merasakan bahawa oleh kerana adanya ketentuan, keistimewaan orang Melayu mereka merasakan bahawa tidak adil bagi mereka atau mereka tidak mendapat sesuatu kerana adanya halangan yang demikian. Jadi usaha mereka seberapa boleh biarlah perkara yang seumpama ini ditiadakan. Adakah perkara yang seumpama ini kita boleh

biarkan berlaku atau kita merasakan bahawa telah sampai masanya perkara-perkara yang seumpama ini kita kaji sebaik-baiknya. Saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Tuanku ada menyebut mengenai ketenteraman awam dan keselamatan dalam negeri sehingga baginda merasakan, "*Namun masih ada yang mempunyai persepsi negatif mengenai isu jenayah di negara ini seolah-olah ia tidak terkawal*". Keadaan ini sebenarnya kita boleh membenarkan, saya rasa ada bukti-bukti yang sangat jelas akhir-akhir ini untuk membenarkan adanya persepsi yang seumpama itu, yang merasakan bahawa kedudukan keamanan dan keselamatan negara ini terlalu kritikal.

Berita-berita yang siarkan dalam surat khabar, TV dan sebagainya mengenai jenayah bersenjata boleh dikatakan setiap hari dan jenayah-jenayah yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan tertentu, seolah-olah perkara ini menjadi begitu berleluasa dan pihak berkuasa, pihak polis terutamanya tidak dapat mengawal keadaan. Sedangkan pihak-pihak yang tertentu, termasuk Kementerian Dalam Negeri dan pemimpin-pemimpin kita mengatakan bahawa keadaan tidak begitu. Gambaran yang saya bayangkan pertama tadi ada keadaan begitu merupakan persepsi sahaja dan persepsi ini nampaknya dikongsi oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Jadi sukalah saya mengambil kesempatan dalam ucapan yang ringkas ini mengatakan, bahawa perlulah sesuatu yang lebih daripada apa yang kita buat sekarang dilakukan. Terutamanya oleh pihak PDRM selepas kita kaji dan kita laksanakan sebahagian daripada cadangan-cadangan membaiki kedudukan PDRM dan sebagainya sepatutnya kita berhadapan dengan suatu keadaan PRDM yang lebih baik. Lebih berwibawa, berketerampilan, *smart*, dengan izin, untuk menghadapi masalah-maslah ini. Sedangkan peruntukan tambahan dalam berbagai bidang telah diluluskan oleh kerajaan.

Dengan itu tidak salah rasanya rakyat mendesak supaya sesuatu tindakan yang lebih bermakna dan lebih bersungguh-sungguh. Bukan sahaja dikatakan dibuat, tetapi dilihat telah dibuat. Soal persepsi buruk tentang terlalu kritikalnya keselamatan negara kita ini tidak berpanjangan Tuan Yang di-Pertua.

■1510

Tuan Yang di-Pertua, titah Tuanku menyatakan bahawa 41% rakyat di negara kita ini terdiri daripada belia iaitu orang yang berumur antara 15 hingga 39 tahun. Pada pagi ini beberapa orang telah menyebut berhubung dengan dua perkara yang terlalu relevan dengan pembentukan rakyat muda atau rakyat remaja rakyat belia negara kita ini.

Yang pertama berhubung dengan Program Latihan Khidmat Negara dan yang satu lagi berhubung dengan sistem pendidikan kita sendiri. Khususnya berhubung dengan Program Latihan Khidmat Negara ini setelah berjalan beberapa tahun setelah beribu-ribu anak-anak muda kita telah kita hantar ke kem ini dan mendapat latihan-latihan tertentu yang saya percaya latihan ini lebih banyak menghasilkan perkara-perkara yang baik seperti yang dihasratkan oleh program ini sendiri.

Akan tetapi walaupun begitu tidak salah Tuan Yang di-Pertua kalau kita saat sekarang mengambil sempena peralihan pimpinan ini membuat satu kajian yang agak menyeluruh tentang program ini sendiri sebab program ini menelan belanja yang agak banyak merangkumi satu jumlah yang agak besar dan mempunyai cita-cita atau tujuan-tujuan sangat baik. Dari kajian yang kita buat ini boleh menolong sejauh mana program-program ini yang telah menelan belanja begitu banyak telah memberikan hasil yang baik kepada kita atau tidak memberikan hasil yang baik kepada kita. Lalu memerlukan sedikit-sebanyak pembetulan ataupun penambahbaikan kalau sekiranya kita percaya perlunya program seumpama ini diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti sahabat-sahabat yang lain juga tapi dengan tidak bermaksud untuk mengulang perkara yang sama saya juga hendak menyebut perkara yang telah disentuh oleh begitu ramai sahabat dalam Dewan ini berhubung dengan penghormatan kita kepada Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja-Raja Melayu. Bila timbul masalah-masalah ada pihak yang tertentu yang tidak menghormati Raja misalnya sebagai secara khusus kita sebut walaupun mungkin perkara ini ada dalam mahkamah sekarang iaitu berhubung dengan kes Yang Berhormat Ahli Parlimen Bukit Gelugor.

Jadi saya bertanya diri saya sendiri mengapa terjadi begitu sebab kepada saya ini satu kemuncak kalau hendak kita katakan penderhakaan, penderhakaanlah. Kalau kita katakan puncak merendah Raja inilah puncaknya. Mengapa terjadi begitu? Sedikit-sebanyak mungkin salahnya salah orang Melayu juga yang tidak mengajak sahabat-sahabat kita orang bukan Melayu. Rakyat Malaysia bukan Melayu supaya memberikan taat setia tidak berbelah bagi kepada Raja-Raja. Mengapa kita tidak sebut secara yang khusus penuh makna di mana bumi dipijak di situ langit dijunjung? Hanya kita menyebut sekadar begitu sahaja tidak memberikan makna-makna yang tertentu yang dikandungkan oleh ungkapan seumpama itu.

Mungkin bagi seorang orang Melayu bila disebut daulat Tuanku, tuanku tuan kepada ku bukan sahaja dilafazkan di mulut tapi tasdik di hati. Kepada seorang rakyat Malaysia bukan Melayu bila disebut tuanku, tuanku hanya di bibir sahaja tapi tidak tasdik di hati. Ini salahnya. Beberapa orang yang bercakap dalam Dewan ini dua hari yang lalu Tuan Yang di-Pertua ada melontarkan cadangan-cadangan sebagaimana orang yang seumpama ini hendak kita hukum. Kalau berdasarkan hukuman-hukuman lalu dipancung, dibunuh, disula dan sebagainya tapi sekarang kita mempunyai undang-undang tertentu. Ada undang-undang tertentu yang boleh digunakan untuk memperkarakan orang yang seumpama ini.

Akan tetapi saya memandang perkara ini boleh kita selesaikan dalam dewan undangan kita. Oleh kerana yang berkenaan seorang Ahli Parlimen maka seharusnya Parlimen itu menghukum orang yang seumpama itu. Pernah dalam Parlimen Indonesia sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua disebut membawa usul mencela seorang Ahli yang membuat perkara-perkara yang tidak baik. Perkara-perkara yang seumpama ini boleh kita masukkan dalam Dewan kita. Satu usul boleh dibawa untuk mencela sehingga Dewan membuat keputusan untuk mengeluarkan dia atau menggantung dia...

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih tepat lagi, mohon mengganggu.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, mengganggu Yang Berhormat seketika. Tentang undang-undang yang ada berkaitan dengan apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat tadi saya rasa Akta Hasutan dan juga Kanun Keseksaan yang sedia ada tidak mencukupi untuk menghukum atau menangani suasana yang telah berlaku yang kita tahu terhadap Raja-Raja dan sebagainya. Apa pendapat Yang Berhormat jika Akta Hasutan itu diperkasakan lagi, diperkukuhkan, diperluaskan supaya pihak kerajaan dapat meminda dan memasukkan dengan lebih jelas lagi hukuman lebih berat lagi dan lebih jelas lagi untuk menangani fakta-fakta tertentu yang boleh terlepas jika kita gunakan undang-undang sedia ada? Mungkin Perlembagaan tidak dapat dipinda dengan begitu sewenangnyanya kerana kita perlu tiga per empat majoriti untuk mengatasi *threshold*, dengan izin, yang dikehendaki oleh Perlembagaan untuk memindanya tapi jika pindaan terhadap Kanun Keseksaan, Akta Hasutan tak mungkin mewujudkan undang-undang subsidiari yang lain yang boleh mempertahankan kedudukan Raja-Raja, maruah Raja-Raja dan Yang di-Pertuan Negeri termasuk supaya tidak begitu senang hendak dicemarkan oleh sesiapa pun. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan seorang peguam tapi saya rasa sebarang undang-undang yang boleh kita wujudkan untuk memelihara kemuliaan Raja-Raja kita perlu kita buat dan sebarang undang-undang untuk memperkarakan orang yang membuat perkara-perkara yang seumpama itu boleh kita buat sama ada undang-undang yang ada sekarang, undang-undang hasutan atau sebagainya cukup atau tidak cukup boleh kita fikirkan. Akan tetapi walau bagaimanapun saya rasa dalam hal ini kita bersetuju dan kita telah mengamalkan pemerintahan secara berparlimen.

■1520

Secara berparlimen memberi peluang kepada kita untuk bercakap dan beberapa kebebasan yang lain. Dalam menikmati begitu banyak kebebasan, tidakkah boleh kita membebaskan diri kita ahli-ahli politik dan parti-parti politik itu sendiri membebaskan diri mereka daripada mengheret Duli Tuanku ke mahkamah atau perkataan Inggerisnya, *we spare* Raja-Raja ini daripada dikenakan perkara yang seumpama itu. Kerajaan boleh diheret, Kerajaan Negeri Perak boleh diheret, Kerajaan Negeri Terengganu boleh diheret ke mahkamah tapi bukan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja ataupun Sultan yang kita letakkan mereka ini di tempat yang tinggi.

Mungkin barangkali kerana ada kesalahan-kesalahan tertentu yang dibuat oleh mereka yang memerlukan satu mahkamah yang khusus untuk membicarakan mereka. Itu soal lain tetapi dalam soal perkara-perkara yang ada hubungan dengan politik, biarlah politik demokrasi ini kita buat cocok, sesuai dengan keadaan kita. Walaupun ada yang mengatakan bahawa kalau kita berbuat begitu, maka tidak sempurnalah demokrasi kita. Tidak *total* lah demokrasi kita. Apakah

ertinya sempurna kalau kita sendiri merasa tercabar, kedudukan kita sendiri merasa tercabar dan terhina kerana perbuatan-perbuatan itu semata-mata hendak menunjukkan kepada orang ramai bahawa kita adalah pengamal-pengamal demokrasi yang sebaik-baiknya. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Idris.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku juga memberikan perhatian yang cukup berat dan cukup baik kepada pendidikan termasuklah pendidikan asas kepada kanak-kanak, kepada anak-anak kita. Dengan harapan satu masa anak-anak kita, anak-anak orang Malaysia yang diberikan *foundation* ataupun asas yang baik akan menjadi rakyat yang baik, akan melahirkan pemimpin-pemimpin yang baik. Jadi dalam hal ini, saya mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran. Setelah membuat beberapa *pilot. project*, dengan izin, berhubung dengan prasekolah dan jelaslah dalam Pendidikan Prasekolah yang kita perhatikan sekarang bahawa manusia, bahawa anak-anak kita ini boleh diajar atau boleh disekolahkan dengan perkataan lain lebih awal lagi. Jadi kalau boleh, kita tiadakan apa yang disebutkan prasekolah, apa yang disebutkan tadika, kita terus mengawalkan pelajaran kepada anak-anak kita. Bukan mulai umur enam tahun tetapi lima tahun lagi. Ini kerana kita percaya bahawa pelajar-pelajar yang diberi pendidikan awal yang baik akan menjadi pelajar-pelajar yang baik.

Ada sesetengah sekolah mendapati bahawa penyakit walaupun tidak begitu serius, tidak boleh membaca di kalangan anak-anak yang duduk di sekolah Tahun 3, Tahun 4, Tahun 6 kadang-kadang melarat sampai ke Tingkatan 1, Tingkatan 2 sekolah menengah. Ini adalah berpunca daripada mereka tidak mendapat pendedahan awal di sekolah-sekolah tadika ataupun di prasekolah. Jadi saya rasa sudah sampai masanya kita memikirkan kerana ada tanda-tanda dan bukti yang cukup jelas menunjukkan bahawa kita boleh mengajar anak-anak kita di peringkat yang lebih awal lagi Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Ya, Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi kah?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Sikit lagi Yang Berhormat, satu perkara lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bertanya sebab tadi Yang Berhormat janjikan hendak cakap mengenai dua perkara. Sekarang sudah lebih daripada dua perkara.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Ya, saya sebut dua, tiga tadi Yang Berhormat. Jadi ini yang ketiga Yang Berhormat. Perkara yang ketiga ialah berhubung dengan usaha kerajaan kita untuk mendapatkan modal daripada beberapa buah negara baru bukan daripada negara-negara tradisi seperti negara Amerika, Jepun, Eropah iaitu Negara-negara Timur Tengah dan Negara China.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan khususnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sehingga ini sejauh mana kita telah berjaya menarik modal-modal ke dalam negara kita? Ini kerana saya rasa dalam keadaan krisis ekonomi yang menyeluruh ini, alhamdulillah kalau kita berjaya dapat menarik modal daripada negara-negara ini. Sebab kita

hendak mengharapkan negara-negara lain seperti Amerika dan Jepun, mereka mengalami kemelut ekonomi yang sangat teruk yang mungkin barangkali nasib kita baik, fundamental ekonomi kita lebih kukuh, kita lebih cepat *survive* dan lebih cepat sembuh daripada negara-negara mereka sendiri. Dengan kata-kata itu, saya menyokong usul yang telah dibawa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Datuk Sim Kheng Hui.

3.26 ptg.

Datuk Sim Kheng Hui: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya penuh hormatnya menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana sudi berangkat menyampaikan titah ucapan di persidangan Penggal Kedua Parlimen Keduabelas pada 16 Februari 2009. Titah Ucapan Tuanku merangkumi aspek yang amat luas dan berpandangan jauh. Tuanku bukan sahaja menunjukkan arah tuju kepada pentadbir negara dan ahli-ahli politik, malah memberikan nasihat kepada rakyat tentang kepentingan pegangan kefahaman dan prinsip yang kukuh dalam usaha mencapai perpaduan negara.

Aspek-aspek yang dibincangkan dalam Titah Ucapan Tuanku amatlah penting dan bersesuaian dengan keadaan semasa. Lebih-lebih lagi pada situasi ekonomi negara menjadi semakin mencabar akibat kemerosotan ekonomi dunia. Selain itu, senario politik negara yang berubah selepas Pilihan Raya Umum Mac 2008 turut menambahkan cabaran tersebut. Namun demikian, keprihatinan dan nasihat Tuanku terhadap isu-isu negara telah menjadi pegangan dan keyakinan rakyat. Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang sedang membangun, perpaduan setiap lapisan masyarakat adalah asas utama untuk memastikan negara sentiasa stabil dan rakyat hidup harmoni. Masyarakat yang bersatu padu merupakan momentum utama dalam mengatasi masalah dan pukulan hebat akibat kemerosotan ekonomi dunia semasa.

Maka, Tuanku telah mengingatkan rakyat agar sentiasa hormat dan patuh kepada keluhuran Perlembagaan Persekutuan dan sama sekali tidak boleh memainkan isu-isu perkauman yang boleh menggugat kestabilan negara. Sememangnya hak asasi rakyat telah dijamin dan dihormati di dalam Perlembagaan Persekutuan

■1530

Hal ini penting kepada generasi-generasi yang akan datang yang mana generasi inilah yang akan memimpin negara di masa depan. Seandainya hak dan keistimewaan pelbagai kaum dan budaya tidak dapat dipertahankan, masa depan negara akan dipenuhi dengan pelbagai perubahan yang tidak menentu dan membimbangkan. Memandangkan kepentingan aspek tersebut, Tuanku telah menasihati semua pihak termasuk parti-parti politik, organisasi-organisasi, ahli-ahli politik agar menunjukkan kebijaksanaan dan kematangan mereka agar tidak melakukan apa juga tindakan yang boleh menjejaskan kestabilan dan pembangunan ekonomi negara.

Pada masa yang sama, Tuanku turut menaruh harapan tinggi terhadap Ahli-ahli Yang Berhormat agar sentiasa mematuhi dan menghormati peraturan-peraturan Dewan dan

menunjukkan perilaku yang baik bagi menjamin imej dan kemuliaan sistem demokrasi berparlimen. Tuan Yang di-Pertua, rakyat berbilang bangsa merasa bangga dengan nilai-nilai yang diperjuangkan dalam prinsip demokrasi di Parlimen. Maka, adalah menjadi harapan semua agar ahli-ahli politik sentiasa memperjuangkan hak-hak kepentingan rakyat dan bukan semata-mata untuk memperjuangkan agenda sendiri sehingga merosakkan imej dan kemuliaan Parlimen.

Titah Tuanku turut merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas kepimpinan dan segala sumbangan Yang Amat Berhormat terutamanya di dalam isu-isu pendemokrasian, akauntabiliti, integriti, pembanterasannya rasuah, pengukuhan institusi kehakiman serta pendekatan Islam Hadhari. Rakyat juga bersyukur dan bangga dengan kelancaran peralihan kuasa di peringkat pucuk kepimpinan negara. Tuanku juga amat prihatin dan sayang kepada rakyat dengan mana Titah Tuanku banyak menyentuh cabaran-cabaran yang bakal dihadapi oleh rakyat dan negara dalam menghadapi kemelesetan ekonomi dunia semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menggariskan pelbagai langkah dan strategi utama untuk menangkis cabaran-cabaran yang wujud akibat kegawatan ekonomi dunia. Namun demikian, kerjasama rakyat amat diperlukan. Rakyat telah disarankan agar memainkan peranan dalam memastikan harga barangan tidak naik dengan mendadak, amalkan sikap bijak berbelanja, menyokong barangan buatan tempatan dan meningkatkan permintaan domestik. Semua ini adalah antara cara-cara yang sesuai untuk mengatasi penguncupan permintaan dunia terhadap barangan eksport negara.

Di samping itu, latihan semula sumber tenaga kerja merupakan cara yang tepat kerana ia dapat meningkatkan kualiti tenaga kerja negara bagi memenuhi keperluan pasaran sumber tenaga kerja yang semakin kompetitif di masa akan datang. Tuanku turut menaruh harapan yang tinggi terhadap golongan belia iaitu satu kumpulan terbesar yang merupakan 41% daripada jumlah penduduk. Harapan yang ditaburkan adalah agar golongan belia bukan sahaja cemerlang dalam menuju profesionalisme berjaya, malah turut mengamalkan nilai-nilai murni seperti amanah, berdaya saing dan cinta kepada negara. Nilai-nilai murni ini adalah jaminan untuk negara maju ke hadapan dengan lebih makmur, aman, dan stabil.

Tuan Yang di-Pertua, kini dunia sedang berdepan dengan krisis ekonomi yang amat kritikal. Negara kita juga tidak terkecuali daripada kesan-kesan krisis ini. Tuanku juga telah menyatakan keyakinan terhadap asas ekonomi dan sistem kewangan negara. Tuanku telah menasihati kerajaan agar terus menerokai pasaran antarabangsa bagi mempertingkatkan eksport terutamanya memperluaskan pasaran kita di negara China, India dan Timur Tengah. Pada masa yang sama, kerjasama dengan negara-negara pengeluar lain harus dipertingkatkan bagi menstabilkan harga komoditi di pasaran antarabangsa.

Tuanku amat prihatin terhadap masalah yang dihadapi rakyat akibat krisis ekonomi dunia. Antara aspek yang disentuh ialah kesukaran hidup bagi mereka yang diberhentikan kerja. Keupayaan peniaga mendapat bantuan kewangan dari bank, sistem pengangkutan, industri pelancongan, kebersihan alam sekitar, pembangunan ekonomi negara dan sebagainya. Setiap

pandangan Tuanku ini berhubung kait dengan kebajikan rakyat dan kepentingan negara yang mana pandangan ini telah menjadi aspirasi rakyat dalam mengatasi krisis-krisis ekonomi dan seterusnya membawa negara ke tahap yang lebih cemerlang.

Memandangkan negara ekonomi gergasi dunia telah dilanda krisis ekonomi yang amat teruk, negara-negara seluruh dunia terpaksa berusaha gigih untuk memperbaiki kedudukan ekonomi masing-masing. Sebagai sebuah negara sedang membangun di Asia, walaupun kesan kemerosotan ekonomi terhadap negara tidak melanda dengan serta-merta, namun ia tidak dapat dielakkan juga.

Kini, banyak negara telah melancarkan polisi kewangan yang besar jumlahnya. Walau bagaimanapun, usaha tersebut mungkin tidak dapat membangkitkan semula ekonomi dunia dalam masa yang singkat dan kita harus bersiap sedia berdepan dengan keadaan ekonomi dunia yang mungkin akan bertambah teruk. Bagi menyahut seruan Titah Tuanku, Kerajaan Barisan Nasional telah bertindak cepat dengan menggariskan dasar-dasar yang benar-benar akan membawa rakyat dan negara mengatasi kesusahan krisis ekonomi dunia. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh titah ucapan Tuanku, sekian terima kasih.

■1540

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

3.40 ptg.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap. Selanjutnya saya juga ingin seperti rakan-rakan yang lain menjunjung kasih dan menyatakan setinggi-tinggi penghormatan atas titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah diberikan dalam majlis bersama Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini 16hb yang lalu. Saya juga ingin menjunjung kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas perkenan baginda melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara. Terima kasih juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi atas pelantikan saya ini. Juga saya tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Ketua Setiausaha Negara dan pegawai-pegawai kanan di Jabatan Perdana Menteri khususnya di bahagian Kabinet kerana memproses pelantikan saya dengan lancar.

Dalam membahaskan titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini Tuan Yang di-Pertua, saya akan menumpukan perbincangan kepada tiga perkara utama. Pertama ialah tentang perkara yang telah saya timbulkan dua tiga kali sepanjang Dewan ini bersidang iaitu tentang pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris atau PPSMI. Perkara yang kedua, yang saya ingin bincangkan ialah hala tuju pendidikan negara keseluruhannya. Perkara ketiga saya ingin mengemukakan beberapa cadangan tentang PLKN dan kuasa memberi lesen dan mengawasi program-program TV swasta. Sebelum

membincangkan secara terperinci perkara-perkara bersabit dengan PPSMI itu. Saya ingin mengucapkan dua petikan atau dua *quotation*, dengan izin. Pertama dari UNESCO yang mengatakan pelajar lebih mudah belajar dalam bahasa ibunda di peringkat awal persekolahan.

Ini pendapat UNESCO yang berasaskan kepada kajian yang menyeluruh sebelumnya. Selain dari itu ada satu *quotation* lain, dengan izin, *as long as we have the language, we have the culture, as long as we have the culture, we can hold on to the land*. Itu adalah petikan dari satu drama masyarakat Maori dari New Zealand. Sekarang saya hendak bercakap secara lebih terperinci Tuan Yang di-Pertua, tentang PPSMI ini. Saya ingin mengulang kembali beberapa pertanyaan tentang PPSMI yang telah saya tanyakan tetapi tidak mendapat jawapan yang tuntas. Oleh kerana itu saya minta kepada Kementerian Pelajaran supaya pertanyaan-pertanyaan itu dapat diberikan jawapan yang tuntas. Pertama, kita masih tidak jelas apa yang sebenarnya yang hendak dicapai dengan PPSMI ini. Kadang-kadang dikatakan untuk meningkatkan penguasaan dalam bahasa Inggeris.

Kadang-kadang dikatakan untuk meningkatkan daya saing kita di bidang sains dan teknologi. Dalam keadaan tidak jelasnya matlamat yang hendak dicapai itu, maka dengan sendirinya strategi untuk mencapai matlamat itu pun menjadi bercelaru. Dalam proses pengambilan keputusan dengan izin, *in the process of decision making*, apa yang kita lakukan? Pertama sekali kita tentukan apa yang kita hendak. Setelah kita menentukan apa yang kita hendak, kita mengenal pasti pilihan-pilihan atau alternatif-alternatif strategi untuk mencapai matlamat itu. Akan tetapi saya berkeras untuk mengatakan bahawa kerajaan belum lagi secara tuntas menyatakan apa yang hendak sebenarnya dengan PPSMI ini. Dengan tidak jelasnya yang hendak dicapai dengan PPSMI ini maka strategi untuk mencapainya pun menjadi bercelaru. Itulah yang hendak diminta penjelasan, apa yang hendak dicapai dan apa alternatif-alternatif lain yang telah difikirkan untuk mencapai matlamat itu.

Saya juga telah bertanyakan tentang biaya yang telah dibelanjakan untuk melaksanakan dasar PPSMI ini. Secara am, Yang Berhormat Menteri dua hari yang lalu mengatakan RM3 bilion, tetapi yang saya hendak juga ialah siapa dia? Kontraktor-kontraktor mana atau syarikat-syarikat mana yang telah diberikan kemudahan untuk membekalkan perlengkapan itu dan adakah ini melalui proses tender yang jelas. Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berkongsi maklumat dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian tentang hasil-hasil kajian ahli-ahli akademik dan pakar-pakar pendidikan tentang pelaksanaan PPSMI ini. Implikasi PPSMI terhadap perkembangan dan kemajuan serta pemodenan Bahasa Melayu, itu satu hal lain. Saya juga telah menanyakan markah yang diperuntukkan untuk gred-gred 'A', 'B', 'C' dan 'D' dalam mata-mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris dalam sistem persekolahan kita semenjak PPSMI ini dilaksanakan dari peringkat UPSR, PMR dan SPM tahun lalu. Saya ingin juga menanyakan perbezaan prestasi mata pelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris bagi sekolah kebangsaan dan perbandingannya dengan SJK(C) dan perbandingannya dengan SJK(T).

Saya timbulkan perkara itu kerana dalam keputusan tahun ini prestasi pelajaran Matematik, Sains, dan Bahasa Inggeris untuk sekolah kebangsaan, SJK(T), SJK(C) dirangkumkan. Yang saya minta ialah bagaimana prestasi sekolah kebangsaan dan bagaimana pula SJK(T) dan SJK(C). Sedangkan pada tahun-tahun sebelumnya, analisis prestasi keputusan mata pelajaran yang saya sebutkan itu dipisahkan tetapi kenapa tahun ini disatukan? Saya syak untuk mengatakan bahawa ini adalah sengajakan digabungkan untuk dapat menunjukkan prestasi UPSR yang lebih tinggi. Sedangkan kalau dibandingkan ternyata sebenarnya prestasi UPSR di kalangan pelajar-pelajar sekolah kebangsaan pada mata pelajaran-mata pelajaran yang disebutkan itu jauh lebih rendah. Akan tetapi sengaja digabungkan dan tidak diberi perincian. Saya dapat semua perkara ini berdasarkan dokumen-dokumen yang ada di hadapan ini Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi perkara yang memusykilkan saya. Sebuah sekolah, satu kajian telah dibuat dalam kumpulan ini di mana ramai pelajar yang mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Pengajian Islam, Sejarah dapat 9, gagal. Akan tetapi apabila Matematik dapat 5. Jadi yang menghairankan kita, mata pelajaran-mata pelajaran yang kita andaikan selama ini mudah, senang untuk mencapai markah yang tinggi, pelajar-pelajar gagal. Dalam Sains dan Matematik pelajar-pelajar mendapat markah yang baik. Ini menimbulkan syak wasangka apa yang telah dibuat terhadap mata pelajaran. Kenapa perkara ini berlaku?

■1550

Ini bukanlah cerita-cerita kedai kopi Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah hasil penelitian sekumpulan sarjana-sarjana dari tujuh universiti. Ada dalam tangan saya ini. Ini tentang sebuah sekolah yang saya diamanahkan tidak boleh menyebut nama sekolah itu tetapi kalau secara *private* dengan Tuan Yang di-Pertua boleh lah saya bagi tahu. Pelajar-pelajar itu gagal terlalu banyak dalam mata pelajaran yang saya sebutkan tadi tetapi bila tiba mata pelajaran Matematik dan Sains, dapat lulus walaupun kelulusan yang tidak begitu cemerlang. Jadi ini menyebabkan orang tertanya-tanya dan mahu tidak mahu ini menimbulkan masalah kredibiliti kepada kementerian kita. Di mana ketelusan kita? Jadi itu lah antara perkara-perkara yang menimbulkan kemusykilkan saya.

Selain dari itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sekarang kerajaan mengatakan belum diputuskan lagi, akan mengambil masa untuk memutuskannya...

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Yang Berhormat mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih tepat lagi mohon gangguan.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Mohon gangguan. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Isu PPSMI ini nampaknya masih belum selesai. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi bahawa jelas keputusan peperiksaan baru-baru ini telah, kita orang Johor panggil istilah 'dibidankan', dalam bahasa Inggerisnya '*doctored*' untuk menunjukkan bahawa...

Tuan Yang di-Pertua: Apa perkataannya?

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Dibidankan. Anak yang hendak lahir ada bidan bukan, “dibidankan” lah..

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Orang Putih kata *doctored*, orang Melayu kata *midwife*.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: [*Ketawa*] Lebih kurang begitulah. Saya ingin merakamkan *just to register* di sini bahawa Johor khususnya UMNO Johor, daripada sejak PPSMI diperkenalkan tahun 2002 memang membantah dan menentang sama sekali secara konsisten hinggalah sekarang. Konvensyen demi konvensyen yang kita adakan di Johor sehinggalah membawa kepada perhimpunan agung tahun demi tahun, memang kita tidak setuju diteruskan malah sepatutnya kalau kita memang sudah tersalah langkah maka kenapa kita mesti memikul beban *baggage* ini selama-lamanya. Sekian, terima kasih. Itu pandangan saya Yang Berhormat.

Profesor Dato’ Dr. Firdaus bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat tentang sokongan itu. Dan soalan saya sebelum saya bercakap sedikit mengenai tumpukan dokumen yang ada depan saya ini Tuan Yang di-Pertua ialah saya ingin bertanya, pertimbangan apakah dengan izin, *what considerations* yang hendak digunakan oleh Kementerian Pelajaran atau oleh kerajaan untuk memutuskan nasib PPSMI ini.

Adakah yang hendak digunakan itu pertimbangan dengan izin sekali lagi, *political and bureaucracy consideration or professional and academic consideration?*

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain: Saya mohon mengganggu Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Profesor kerana beri laluan kepada saya. Saya agak bertentangan dengan apa yang dikatakan oleh Profesor kerana pada saya PPSMI ini diperkenalkan pada tahun 2003, kalau tidak silap saya dari tahun 2003 dan antara sebab-sebab PPSMI ini diperkenalkan ialah kerana banyak sangat bidang pelajaran kita yang dalam bahasa Melayu yang menyebabkan pada suatu ketika ramai *Division ‘A’* tidak pandai cakap orang putih.

Benda ini adalah benar kerana saya sendiri bercampur dengan mereka dan kita tengok sekarang kerajaan telah belanjakan beberapa bilion untuk memberi pengajaran kepada PPSMI ini. Jadi tidakkah kita rasa diri kita ke belakang bila sistem ini sebelum diperkenalkan kerana dahulu lagi zaman saya sekolah dahulu memang Matematik dan Sains memang dalam bahasa Inggeris sebab itu sedikit sebanyak kita boleh bertutur dalam bahasa Inggeris.

Bila zaman anak saya pula, dua orang menggunakan bahasa Melayu kedua-dua mata pelajaran ini menyebabkan mereka lemah dalam bahasa Inggeris tetapi berbeza dengan dua orang nombor tiga dan nombor empat kerana bila sistem ini diperkenalkan, alhamdulillah mereka dapat menguasai.

Pada pandangan saya apa pendapat Profesor seandainya kita tidak terus buang sistem ini. Kita ini pula macam main-main pula dari sistem pembelajaran ini. Apa kata kalau kita ubah, kita berikan pilihan kepada sekolah-sekolah mengikut peralihan mereka sendiri. Umpamanya sekolah di bandar-bandar besar mereka mampu menguasai bahasa Inggeris kenapa tidak kita teruskan Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Seandainya kalau sekolah itu ada yang

tak berapa pandai atau pun masih boleh diperbaiki maka kita perbaiki mereka. Bagi sekolah luar bandar yang Matematik dan Sains ini ke aliran atau pun dalam satu sekolah itu, dua aliran Inggeris untuk Matematik dan Sains, tiga lagi ataupun dua lagi dalam bahasa Malaysia. Yang mana boleh menguasai bahasa ibunda, ibunda.

Sekarang ini kita tahu bahawa sistem yang digunakan kementerian digunakan dua maknanya ada dwibahasa dan kalau boleh dia buat dengan dwibahasa, kita teruskan. Kenapa kita nak ke belakangkan balik semula sistem pembelajaran kita sedangkan benda ini satu kebaikan dan ianya nampak jelas, jangan kita tengok kepada satu dua yang membawa kepada kepincangan maka kita terus ambil satu kesimpulan kementerian salah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan lupa Yang Berhormat mengganggu ya, Yang Berhormat bukan berucap, Yang Berhormat mengganggu.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengingatkan saya. Kadang-kadang sudah dapat ini lupa diri pula Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya ingin penjelasan dari Profesor cadangan saya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cadangkan penyelesaian kompromi.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Terima kasih atas gangguan itu. Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat sudi mengganggu saya alangkah bertambah bahagianya saya bila Yang Berhormat di seberang sana mengganggu saya.

Saya tidak setuju dengan apa yang dikatakan soal kompromi itu. Kita tidak boleh mengkompromikan pendidikan anak-anak kita dan jati diri bangsa kita. Betul dikatakan tadi ramai pegawai-pegawai tinggi kita yang tidak fasih berbahasa Inggeris.

Yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tidak ada seorang yang siuman pun, tidak ada seorang yang berfikiran waras pun yang menentang penguasaan bahasa Inggeris. Tidak ada. Kita mahu anak-anak kita fasih berbahasa Inggeris. Kita mahu kita semua pegawai-pegawai kita fasih berbahasa Inggeris. Akan tetapi yang menjadi masalah apa yang sakit dan apa ubatnya. Ini seperti yang pernah dikatakan oleh seseorang dalam perbincangan meja bulat yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri kelmarin, seorang dari sekolah Cina mengatakan yang sakit tangan kanan, yang diubat tangan kiri. Jadi penyakit ubat yang salah untuk penyakit yang betul. Di sinilah masalah kita.

Kalau memang kita hendak meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris jangan melalui mata pelajaran Sains dan Matematik ini. Kita tingkatkan...

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Boleh mengganggu juga Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti Yang Berhormat belum selesai.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Kita tingkatkan pedagogi. Kita tingkatkan keberkesanan pengajaran bahasa Inggeris itu. Kalau kita belanjakan wang sebanyak RM3 bilion, setengah dari RM3 bilion itu, kalau kita bina, kalau kita bawa pakar-pakar dari luar negara melatih guru-guru kita untuk mengajar bahasa Inggeris, ini lebih berguna. Ini yang jadi masalah kita Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak orang berprasangka bila kita menentang PPSMI dianggap kita

menentang bahasa Inggeris. Siapa yang siuman hendak menentang bahasa Inggeris? Kita menggunakan kerani-kerani pun dengan gaji RM1,000 lebih kadang-kadang menggunakan sebahagian besar dari duit dia untuk memberi tuisyen pada anak-anak dia. Ini pengiktirafan kita tentang peri pentingnya bahasa Inggeris tetapi kita persoalkan di sini ialah bahawa kita menggunakan ubat yang salah untuk penyakit yang betul.

■ 1600

Di sini saya timbulkan perkara ini, walaupun barangkali Menteri akan mengatakan saya emosi tetapi siapa yang tidak akan emosi, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kalau ada masa saya sedia tetapi ada rahsia di sinilah. Ini adalah dokumen-dokumen Tuan Yang di-Pertua, tiga kajian daripada tiga kumpulan profesor-profesor dari pelbagai universiti di negara kita ini. Kemudian memorandum-memorandum persatuan-persatuan penulis, kemudian satu buku kenapa kami bantah.

Tuan Yang di-Pertua: Saya cuba rumuskan hujah Yang Berhormat tadi, adakah Yang Berhormat bermaksud dengan kaedah yang diguna pakai sekarang, penguasaan bahasa Inggeris yang dihajati pun tak tercapai, penguasaan Sains dan Matematik yang dihajati pun tak tercapai.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Ada satu perbilangan bahasa Melayu yang mengatakan, yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran. Itulah yang berlaku sekarang dan itulah yang dibuktikan oleh sekumpulan sarjana-sarjana kita dalam dokumen yang ada di hadapan saya sendiri. Saya akan membacakan sekurang-kurangnya *title*, tajuk daripada tiap-tiap dokumen ini dan di peringkat akhir nanti, saya ingin membacakan ringkasan daripada salah satu daripadanya dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Saya tadi menanyakan pertimbangan apa yang hendak dipakai, adakah pertimbangan *political and hierocratic consideration* ataupun pertimbangan popular seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Saya rasa ini adalah masalah depan anak-anak kita, harus diselesaikan secara profesional dan akademik. Tak boleh main menggunakan *approach-approach* atau pendekatan-pendekatan yang popular sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, laporan kajian yang ada di hadapan saya ini, ini adalah tumpukan terdiri daripada memorandum-memorandum, kertas-kertas kerja dan senaskhah buku yang bertajuk...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mohon saya mengganggu sebentar. Tadi pada peringkat awal Yang Berhormat maklum bahawa Yang Berhormat akan bercakap mengenai beberapa perkara. Sekarang dalam penghujahan Yang Berhormat yang cukup bernas mengenai satu perkara penting, Yang Berhormat sudah pun mengambil masa melebihi daripada banyak ahli yang lain. Sekarang ini Yang Berhormat mempunyai pilihan, simpulkan hujah-hujah mengenai isu utama ini atau Yang Berhormat nak cakap mengenai perkara-perkara yang lain pula yang sudah tentu akan memakan masa terlalu lama. Jadi saya memperingati Yang Berhormat memilih sekarang untuk terus bercakap dalam isu ini ringkas mungkin, ataupun untuk cepat-cepat gulung dan beralih kepada perkara lain. Supaya Yang Berhormat tidak mengambil masa yang

terlalu lama dan menjejaskan peluang Ahli Yang Berhormat yang lain yang hendak bercakap. Itu sahaja ingatan dan pesanan saya. Terima kasih.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Okey, saya begini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bagi *democratic choice*. Terima kasih Yang Berhormat.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba untuk meringkaskan perbincangan saya mengenai perkara ini dan kemudian saya akan pindah kepada topik yang berikut yang saya sebut tadi.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Di hadapan saya ini adalah dokumen-dokumen yang saya katakan memberikan hujah-hujah kenapa PPSMI itu harus dibatalkan, ditarik balik. Satu daripada ...

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Nak mencelah sekejap Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sebelum dirumuskan. Jadi saya tak nak berucap tentang subjek ini, kemudian saya nak celah sahaja. Izinkan ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya nak tanya Yang Berhormat Profesor, adakah pihak yang membuat rumusan, kajian mengenai perkara ini yang ingin Yang Berhormat Profesor bentangkan nanti telah mengambil kira iaitu di dalam subjek Sains. Material ataupun bahan yang ada dari segi *research*, dari segi ujian praktikal yang dibuat di merata dunia, kebanyakannya adalah di dalam bahasa Inggeris. Maklumlah *practical research* dengan izin adalah satu perkara dalam satu-satu bidang Sains itu sendiri agak mahal, sukar untuk didapati sebenarnya atau hendak diadakan.

Jadi kalaulah kita nak teruskan sahaja dalam bahasa Malaysia, kita harus pastikan *research* yang berjuta-juta banyaknya itu dapat diterjemahkan dalam bahasa Malaysia. Inilah cabaran yang paling besar bagi kita, guru-guru, kerajaan, anak-anak kita, kesukaran untuk menterjemahkan, bahan yang menterjemahkan, bahan-bahan, material-material yang sedia ada di dunia yang ada sekarang.

Jadi saya nak tanya Yang Berhormat Profesor, berapa banyakkah sahaja yang ada bahan-bahan dalam Bahasa Malaysia? Kalau dibandingkan dengan bahan-bahan yang ada dalam Bahasa Inggeris. Adakah tidak kita nak ambil kira hak anak-anak kita ialah untuk mendapat dengan izin, *currency of knowledge*, pengetahuan semasa. Kalaulah kita nak terjemah sesuatu benda Sains, ia akan mengambil masa bertahun-tahun. Mungkin bila kita selesai menterjemahnya selepas lima tahun, sepuluh tahun, tak ada *currency of knowledge* lagi. Jadi kita tidak mahu anak kita ketinggalan. Mungkin itu yang ada roh, segala-galanya PPSMI itu dikekalkan selain daripada untuk memfasihkan anak-anak kita dalam bahasa Inggeris, itu satu.

Kedua, di manakah terhubbannya jati bangsa kita, bangsa Malaysia kita kalau kes PPSMI ini diteruskan. Di mana, bagaimana? Saya pun tak nampak. Itu saja nak tanya. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Mohon gangguan Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya pun nak sumbang sedikit sahaja, nak tanyakan pandangan Yang Berhormat. Saya ini datang daripada Petaling Jaya dan secara kebetulan sebenarnya tahun 2001 bahagian

saya antara secara kebetulan, tak tahulah saya yang mengusulkan dua mata pelajaran harus diadakan dalam bahasa Inggeris. Sebenarnya saya kerap bertanya dengan pelajar-pelajar di kawasan saya termasuklah pelajar-pelajar yang duduk di rumah kos rendah di Petaling Jaya.

Nampaknya mereka agak suka dengan keadaan sekarang. Antara sebab yang saya dapat, mereka mengatakan kalau dahulu bahasa Inggeris ini hanya satu mata pelajaran. Sekarang ini bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar mungkin apabila mempelajari Matematik dan Sains. Ini macam kalau saya cuba bandingkan semasa sekolah dahulu, di sekolah St. John di Kuala Lumpur saya ada belajar Perancis dua tahun, bahasa Perancis. Akan tetapi oleh sebab tidak ada digunakan langsung bahasa itu, saya mengaku sekarang ini sepele pun saya dah tak ingat dan tak boleh pakailah.

Jadi adakah apabila bahasa Inggeris ini digunakan, diaplikasikan dalam mata pelajaran Sains dan Matematik, kemungkinan besar mereka akan lebih selesa dengan bahasa Inggeris dan bukan sahaja sebagai mata pelajaran Inggeris. Minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya ada dua perkara di sini. Pertama tentang kesan jangka panjang PPSMI ini terhadap perkembangan dan pertumbuhan dalam bahasa Melayu. Kedua kegagalan, begini, pertama tadi ialah andaian-andaian yang teoretikal, kita menggunakan logik untuk sampai kepada kesimpulan bahawa PPSMI akan meminggirkan bahasa Melayu. Itu yang teoretikal bentuk hujahnya. Akan tetapi ini adalah hujah-hujah yang lebih empirikal, empirikal dalam erti dibuktikan oleh kajian ini terutama oleh kajian yang dibuat oleh PEMPENA yang dibiayai yang melibatkan profesor-profesor dari Universiti Putra Malaysia, Universiti Perguruan Sultan Idris, Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Teknologi Mara Sarawak, Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Teknologi Malaysia.

Kesimpulan daripada kajian ini yang menelan biaya hampir setengah juta ialah seperti yang saya katakan tadi, 'yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran'. Dengan dibuktikan secara empirikal, bukan dengan andaian-andaian sahaja.

■1610

Jadi maknanya dari satu segi sepanjang enam tahun yang lalu sebenarnya dasar ini sudah gagal, gagal meningkatkan pengetahuan bahasa Inggeris dan gagal meningkatkan pengetahuan sains dan teknologi. Yang Berhormat mengatakan tadi beliau berasal daripada Petaling Jaya, saya setuju, tetapi kajian ini mendapati bahawa 20% memang ada kejayaannya. Dan yang 20% itu adalah anak-anak saya dan anak Yang Berhormat yang tinggal di bandar, tetapi bagi pelajar yang tinggal di luar bandar kalau boleh saya menggunakan malapetaka, *disaster*.

Saya minta maaf jika emosi sedikit, tetapi jika Yang Berhormat sendiri membaca dengan teliti laporan-laporan ini dengan izin, *it cant help but will be emotional*. Dalam emosi ini pun dah kelam kabut sedikit apa yang hendak di cakapkan, akan tetapi itulah yang saya katakan tadi ada dua sebab. Pertama, ia akan meminggirkan bahasa Melayu dan akan membantutkan

perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Kalau bahasa Melayu hendak menjadi bahas pasar okey, tidak apalah. Akan tetapi jika kita mahu menjadikan bahasa Melayu itu bahasa ilmu, bahasa yang canggih, bahasa yang boleh mengungkapkan gagasan-gagasan yang konseptual, maka kita tidak ada pilihan.

Selain daripada meneruskan penggunaan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan kita dari rendah hingga ke peringkat tinggi. Yang Berhormat katakan tadi bagaimana hendak menterjemahkan hasil-hasil penemuan sains itu. Soalnya begini, kita telah katakan tadi bukan kita anti bahasa Inggeris, tetapi keperluan pengetahuan sains dan matematik sehingga ke Tingkatan 5 dan Tingkatan 6, memadai boleh digunakan bahasa Melayu. Ertinya bila anak-anak kita ingin membuat pengkhususan di bidang sains dan teknologi setelah tamat SPM sudah tentu sahaja mereka telah mempunyai penguasaan bahasa kedua iaitu bahasa Inggeris.

Untuk tahap itu perkara-perkara yang *esoteric*, dengan izin tidak perlu, hanya segelintir orang, manusia, individu dan anggota masyarakat yang memerlukannya. Dan golongan-golongan yang esoterik ini sudah tentu boleh berbahasa Inggeris sebab kita tidak menafikan kepentingan bahasa Inggeris. Akan tetapi yang kita ingini ialah supaya pengajaran asas itu mestilah disampaikan dengan bahasa ibunda. Dan ini dibuktikan oleh UNESCO sendiri.

Itu yang saya katakan tadi, apakah kita hendak mengambil keputusan berdasarkan *political and bureaucratic consideration*, dengan izin, atau kita hendak menggunakan *academic and professional consideration*. Kalau kita hendak menggunakan akademik, begini Tuan Yang di-Pertua, saya...

Dato' Gooi Hoe Hin: Boleh saya pohon?

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Silakan...

Dato' Gooi Hoe Hin: Mengganggu sedikit sahaja, saya juga terpanggil dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, cukup bernas, bererti dan berisi. Sejak Dasar Pendidikan digubal dengan aliran ditukar kepada bahasa kebangsaan. Ini bermakna sehingga empat puluh tahun lebih dilaksanakan, masih kita berhujah, masih kita bercakap berbincang. Saya tertanya-tanya, adakah Dasar Pendidikan hanya tertumpu kepada dasar bahasa atau dasar budaya atau kualiti yang lebih baik. Jadi saya setuju bahawa ini bermakna acuan pendidikan Malaysia lain daripada yang lain.

Saya setuju bahawa mungkin peringkat rendah kita sama-sama guna bahasa ibunda, selepas peringkat menengah kita harus membuat satu keputusan. Keputusan yang jauh pandangan di mana anak-anak kita harus menguasai apa bahasa yang kita fikirkan termasuk bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa Arab. Barulah Malaysia betul-betul boleh bersaing. Apa pendapat Yang Berhormat?

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Saya rasa begini kalau hendak menggunakan bahasa ibunda pada peringkat sekolah rendah okey. Akan tetapi bila kita sudah berpindah ke peringkat menengah, maka kita harus menggunakan bahasa kebangsaan kita. Dan saya percaya dengan demikian bila berpindah nanti daripada menengah atas secara beransur-ansur pelajar

kita akan menguasai bahasa kedua ataupun bahasa ketiga. Akan tetapi untuk pembinaan bangsa, untuk jati diri bangsa penggunaan bahasa Melayu iaitu bahasa ibunda di peringkat rendah untuk sekolah-sekolah lain barangkali dapat kita imbangkan.

Akan tetapi bila sampai ke sekolah menengah pada pandangan saya Tuan Yang di-Pertua, mestilah secara seragam kita menggunakan bahasa kebangsaan dan pada masa yang sama kita tingkatkan keberkesanan pengajaran bahasa Inggeris. Ini penyakit yang sebenarnya, tetapi saya hendak tanya sudahkah ada kajian yang menyeluruh tentang sebab musabab kelemahan kita dalam penguasaan bahasa Inggeris seperti mana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat di seberang sana tadi? Tidak ada, itu sebab saya katakan tadi di dalam proses pengambilan keputusan ini, dengan izin, *in the process of decision making, you decide what you want then you identified alternative strategy to achieve what you want.*

Ini kita hendak buat, itu yang saya cadangkan. Sebelum saya lupa Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pegawai-pegawai di Kementerian Pelajaran yang berkuasa untuk mempengaruhi ataupun dipengaruhi oleh Menteri. Berilah peluang kepada penyelidik-penyelidik ini untuk membentangkan hasil kajian mereka dalam suasana yang bukan popular sifatnya. Dan saya cadangkan supaya penyelidik-penyelidik ini dibenarkan membentangkan kajiannya di hadapan MKT UMNO yang baru dipilih hari itu. Ada tak ahli-ahli di sini? Cuba terangkan dan jika boleh di hadapan Jemaah Menteri. Barangkali tidak akan timbul lagi soal tuduhan kita beremosi. Dengan ikhlas saya minta Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon gangguan, atas segi guru yang terlibat. Terima kasih Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah, saya hendak tanya dalam PPSMI ini siapa yang terlibat? Yang terlibat ialah murid-murid, anak-anak kita, yang terlibat adalah guru. Kita tanya murid-murid, apakah mereka menemui kesukaran di dalam mata pelajaran Sains dan Matematik menggunakan bahasa Inggeris? Mereka seperti mana yang kawan saya sebut tadi mereka bergembira, begitu juga dengan guru mereka tidak jadi masalah. Jadi, kenapa kita orang luar pula yang menjadi masalah. Saya fikir eloklah kita teruskan dan mereka ini mendapat dua keuntungan.

Bahasa Melayu mereka baik dan bahasa Inggeris mereka juga turut baik. Itu pandangan saya sebagai seorang guru, tahun 2002 saya juga berucap di Perhimpunan Agung UMNO, wanita UMNO ketika itu. Saya juga tidak bersetuju PPSMI ini dijalankan, saya juga berkata akhirnya nanti anak-anak kita dalam bahasa Inggeris juga mereka gagal, dalam Sains dan Matematik juga mereka akan kecundang. Hari ini kita nampak tahun 2008, hasilnya mereka ini tidak kecundang.

Sekolah saya adalah sekolah hendak dikatakan dalam bandar, tidak dalam bandar, luar bandar juga tidak luar bandar. Maka di pinggir bandar, mereka gembira dan cikgu-cikgu juga gembira. Inilah hasilnya, mungkin saya tidak membuat persiapan seperti mana yang telah dilakukan oleh Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah. Akan tetapi pendapat saya sebagai seorang guru, hari ini jika pergi dekat sekolah tidak ada apa-apa masalah. Kalau bahasa Melayu yang dikatakan menjadi masalahnya, mungkin boleh kita fikirkan cara lain. Sekian terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Terima kasih pandangan seorang guru.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya cadangkan supaya jika Yang Berhormat hendak menjawab, boleh jawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin tadi. Selepas itu saya cadangkan supaya Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah gulungkan isu ini.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Itu pandangan seorang guru, ini pandangan seorang Profesor. Minta maaf saya sengaja bergurau Yang Berhormat. Kalau begitu untuk merumuskan sahaja apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin sebenarnya adalah andaian sahaja. Andaian-andaian yang belum dipastikan kesahihannya, tetapi kajian ini adalah kajian yang telah dipastikan kesahihannya.

■1620

Untuk meringkaskan waktu Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin membacakan kumpulan pembina ini yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah, profesor dan profesor Madya dari Universiti UMP, UPSI, USM, Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Universiti Teknologi Mara Sarawak, Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Teknologi Malaysia. Saya bacakan dengan ringkas untuk memendekkan masa Tuan Yang di-Pertua. Dapatan kajian, dengan ringkas sahaja, saya hanya akan memilih, dan tidak seluruhnya akan saya baca kerana kesempitan masa.

Kajian mendapati sejumlah 39.3% guru, ini daripada sampel sebanyak, berapa orang guru? Kira, *anyway* kalau 39 orang lebih kurang 500 orang guru. Kajian mendapati sejumlah 39.3% guru iaitu 73 orang dalam sampel ini, guru sekolah rendah, dan 13.2% guru sekolah menengah masih belum berpeluang menghadiri taklimat asas PPSMI setelah enam tahun ia dilakukan. Ini saya menceritakan kepincangan pelaksanaannya. Kemudian dapatan yang kedua, penguasaan Bahasa Inggeris guru-guru PPSMI amatlah kritikal dan merupakan masalah utama untuk menyampaikan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Guru belum yakin sepenuhnya untuk menggunakan bahasa Inggeris. Terutama sekolah di luar bandar, bukan di Petaling Jaya.

Kajian mendapati 39.3% guru 74 orang sekolah rendah dan 25.3% guru 93 orang sekolah menengah gagal dalam penilaian tahap profesion Bahasa Inggeris. Ini guru yang diajar untuk mengajar mata pelajaran ini. Dalam perkataan lain dengan izin, *we are ill prepared to implement and adopt the policy*, dengan izin. Kemudian saya sedar masa mungkin mengejar kita, saya hanya ingin membacakan berkongsi kesimpulan kajian ini Tuan Yang di-Pertua, justeru kesan berganda hasil daripada sistem PPSMI mengakibatkan bilangan murid yang berkualiti tinggi ataupun pencapaian tinggi adalah terhad, atau dalam lain perkataan bilangan mereka yang berprestasi rendah mendominasi dalam arus perdana pendidikan peringkat menengah.

Ini akan memberi kesan kepada pendidikan peringkat *tertiary* di mana bilangan murid yang memasuki peringkat ini akan menurun terutamanya bagi penuntut Melayu aliran sains untuk orang-orang UMNO, saya pun orang UMNO juga. Apa yang jelas dari dapatan kajian ini ialah

PPSMI tidak berkesan sebagai alat memperkasa modal insan murid bertaraf dunia dan setaraf dengan dunia maju. Malah dapatan kajian menunjukkan prestasi murid dalam PPSMI dalam kalangan responden menurun dari Tahun 1 ke Tahun 6. Ada data semua.

Prestasi murid dalam ujian dalam Bahasa Melayu secara signifikan lebih baik daripada prestasi mereka dalam ujian yang sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris. Kajian bukti yang empirikal. Petanda ini membawa kepada situasi atau fenomena akan wujudnya generasi terpujus atau *the lost generation* iaitu *cohort* yang menjadi korban sejak enam tahun yang lalu dalam kalangan pelajar Melayu, di mana mereka ini dikhuatiri tidak akan layak untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat *tertiary* selanjutnya mempuskan golongan bijak pandai Melayu masa depan yang bakal menerajui Wawasan 2020 khususnya dalam bidang sains dan teknologi.

Dari setahun ke satu tahun, akan berlipat ganda anak-anak Melayu menganggur atau akan hanya bekerja sebagai pekerja biasa tanpa mempunyai kemahiran disebabkan mereka gagal mata pelajaran Sains dan Matematik dalam peperiksaan awam. Negara akan menghadapi masalah kekurangan bekalan pelajar yang cemerlang dalam Sains, Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Kejuruteraan untuk memasuki universiti. Matlamat Kementerian Pelajaran untuk mencapai sasaran nisbah 60:40 Sains dan Sastera tidak akan tercapai. Ini 2009 dianggarkan nisbahnya ialah 40:56 Sains dan Sastera.

Guru-guru diperhatikan tidak berupaya maju ke hadapan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. malah mereka nampak jauh berundur ke belakang. Mereka kekok berbahasa Inggeris, kurang yakin dalam penyampaian dan pedagogi mereka kurang berkesan serta hambar. Mereka gagal menghidupkan interaksi antara murid, guru dan antara murid dan murid. Amnya kompetensi antara guru-guru PPSMI belum mencapai tahap yang diharapkan malah tidak terdapat guru yang menggunakan Bahasa Inggeris sepenuhnya dalam pengajaran. Banyak lagi Tuan Yang di-Pertua, tetapi yang hendak saya tekankan apa yang dibuktikan dalam kajian ini ialah pelaksanaannya setakat ini ialah gagal.

Gagal dalam erti barangkali menguntungkan 20% anak-anak kita, anak-anak orang bandar, tetapi merugikan 80% anak-anak di luar bandar. Seperti yang saya katakan saya tidak hendak mengambil masa Dewan ini yang sangat berharga, cuma saya mohon, saya mohon dengan sungguh-sungguh ikhlas, berilah kesempatan kepada kumpulan-kumpulan penyelidik ini. Ini adalah penyelidik pembina. Ini adalah hasil daripada kajian Profesor Emeritus Ishak Harun, dan ini adalah kajian daripada Profesor Datin Julia Long. Semua daripada universiti tempatan dan ini adalah satu memorandum NGO dari Perlis, Tuan Yang di-Pertua lihat di sini. Saya merayu berilah kesempatan kepada penyelidik-penyelidik ini membentangkan hasil penelitian mereka kepada MT UMNO, kepada barangkali Majlis Kepimpinan Barisan Nasional, malah untuk kepada Kabinet.

Kalau umpamanya kita hendak mengambil, kalau tergerak juga hendak mengambil keputusan secara birokratik dan *political*. Akan tetapi kalau kita hendak mengambil keputusan

akademik dan profesional undurlah ke belakang. Undurlah ke belakang dan saya akhiri dengan serangkap pantun Tuan Yang di-Pertua. Untuk ini sebelum saya pindah ke bahagian lain.

*Akibat sampingan PPSMI,
Pembangking dapat senjata tambahan,
Jika tidak pasti apa yang hendak dicapai,
Eloklah kembali ke pangkal jalan.*

Yang sebenarnya tanpa kita sedar sekarang pembangking memperalat, telah menjadikan kita dengan dasar PPSMI ini tanpa kita sedari kita telah memberi peluru kepada kawan-kawan daripada PAS tidak ada, kita telah memberi peluru kepada pembangking untuk membantai kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kalau..

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, mungkin kalau Yang Berhormat ada perkara-perkara yang lain lagi, kita masih ada peluang dalam sesi mesyuarat yang pertama tahun ini iaitu sesi mesyuarat kali ini Yang Berhormat dapat kemukakan pandangan-pandangan ataupun berbahas dalam rang undang-undang khususnya berkaitan dengan bekalan tambahan yang melibatkan satu jumlah wang tambahan dalam Mini Bajet baru-baru ini, di mana, banyak perkara-perkara yang boleh ditimbulkan oleh Yang Berhormat lagi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey saya berhentilah.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat mungkin ada perkara-perkara lain yang mungkin Yang Berhormat beritahu dengan ringkas.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Dengan ringkas sahaja. Sebenarnya perkara yang saya hendak bincang selanjutnya ialah hala tuju pendidikan kita. Akan tetapi barangkali kalau saya hendak menyampaikan semua yang saya sediakan akan memakan masa yang sangat panjang. Oleh kerana itu saya minta izin untuk merumuskan dalam tiga rangkap pantun.

*Beruang bukan sebarang beruang,
Beruang tidur, beruang betina,
Jurang bukan sebarang jurang,
Jurang sosial membawa bencana.*

Ini yang harus ditangani oleh Institusi Pendidikan.

*Jurang akademik jangan di abai,
Jurang ekonomi turut terlibat,
Bagaimana perpaduan akan tercapai,
Jika sekolah berlainan tempat.*

Berlainan tempat di sini bermakna berlainan kurikulum dan berlainan bahasa pengantar.

*Antara kaum dan sesama kaum,
Banyak jurang semakin melebar,
Walau harimau belum mengaum,
Di dalam sekam api membakar.*

Masa singkat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat melanjutkan lagi dengan memberi kepada rakan-rakan yang lain, saya dengan minta maaf kalau terlajak sedikit. Sebenarnya saya kalau, walaupun saya menghadapi mahasiswa dengan beratusan setiap tahun, tetapi berada dalam Dewan ini rasa gabra juga, gugup juga rasanya.... [Ketawa]

■1630

Walaupun dua tiga orang Yang Berhormat tadi mengaku pernah menjadi mahasiswa saya di suatu masa dahulu. Akan tetapi apabila saya diberi kesempatan di sini bercakap di hadapan Tuan Yang di-Pertua saya mengaku agak gugup dan terjerit-jerit tetapi itu biasalah. Cikgu, pensyarah terjerit-jerit macam itu. Saya minta maaf atas keterlanjuran itu. Di atas kesempatan ini saya sekali lagi mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih dan dengan itu saya menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun faham Yang Berhormat. *To a professor when you give him a point, he will turn it into a lecture...* [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dijemput Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut serta menjunjung kasih Usul Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan. Tuan Yang di-Pertua dalam Titah Tuanku, baginda telah menggesa kerajaan untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang akan menyumbang kepada peningkatan daya saing negara dan seterusnya menarik pelaburan asing. Saya menjunjung kasih atas keprihatinan dan kepekaan Tuanku sebenarnya masalah ketidakpatuhan dan ingkar segelintir pegawai sektor perkhidmatan awam yang tidak mentadbir atau pun melaksanakan tugas-tugas mereka mengikut polisi negara telah pun menjadi punca utama kegagalan atau pun ketidakberkesanan sesetengah polisi-polisi kerajaan.

Sebagai kerajaan yang prihatin dan adil kita sedia maklum bahawa semua polisi kerajaan adalah murni dan untuk kebaikan semua rakyat. Akan tetapi malangnya disebabkan fikiran sempit, sifat mementingkan diri sendiri atau pun terdapat agenda-agenda tersendiri sesetengah pegawai sektor awam ini. Justeru, dasar dan polisi kerajaan telah pun sengaja diselewengkan dan dilaksanakan mengikut tafsiran mereka sendiri walaupun ternyata bercanggah dengan dasar polisi dan hasrat kerajaan. Misalnya Kota Bumi dalam GLC, pengambilan pegawai sektor awam yang tidak seimbang antara kaum dan pelbagai lagi. Semua ini yang telah menyukarkan dan menyulitkan kehidupan rakyat serta membangkitkan kemarahan dan ketidakpuashatian di kalangan rakyat jelata. Kerajaan pula sering didakwa bikin tidak serupa kata kerana lain polisi lain pula pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Pilihan Raya Umum 8 Mac yang lalu jelas menunjukkan kemarahan dan kebencian rakyat yang diakibatkan oleh ketidakpatuhan polisi negara dari segi pelaksanaan melalui sistem penyampaian perkhidmatan awam. Sehubungan dengan itu, demi menjamin kemenangan Kerajaan Barisan Nasional pada pilihan raya yang akan datang. Saya

mencadangkan agar tindakan tegas dikenakan ke atas mana-mana pegawai kerajaan yang didapati ingkar dan sengaja tidak mematuhi dasar-dasar atau pun polisi negara dalam pelaksanaan tugas mereka. Tindakan mereka ini bolehlah dianggap sebagai tidak amanah dan boleh diibaratkan sebagai serangga perosak yang boleh menjejaskan kestabilan politik dan menumbangkan sesebuah kerajaan ataupun negara. Bak pepatah Melayu jangan kerana setitik tahi lalat rosak bubur sebelanga.

Walau bagaimanapun, bukan semua pegawai kerajaan yang begitu. Saya percaya malahan majoriti sebahagian besar daripada mereka adalah patuh dan amanah serta telah pun banyak menyumbang kepada pembangunan negara. Oleh itu, demi menegakkan integriti dan imej sektor awam mereka yang telah ingkar dan menyeleweng haruslah di denda seberat-beratnya dan dikeluarkan segera. Apa yang penting demi mendukung hasrat pucuk pimpinan negara baru untuk pembaharuan dan penambahbaikan. Selain itu Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara Tuanku juga menggalakkan supaya semua rakyat mengeluarkan bahan makanan sendiri melalui Program Bumi Hijau.

Sehubungan dengan itu, demi meningkatkan keberkesanan dan kejayaan dasar ini .Saya bercadang agar semua tanah pertanian tanpa izin semasa dijadikan taman kekal pengeluaran makanan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Tuan Yang di-Pertua, konsep Projek Ulu Yam Selangor telah terbukti sebagai satu model yang begitu berjaya. Di mana melalui satu kontrak sewaan tanah semua tapak-tapak petani tanpa izin dikumpulkan dan tapak pertanian mereka dibangunkan dengan kos minimum iaitu untuk penambahbaikan infrastruktur yang sedia ada.

Ini bukan sahaja setakat dapat meningkatkan pengeluaran makanan iaitu sayur-sayuran dan buah-buahan malahan pendapatan kerajaan negeri juga akan bertambah dengan bayaran sewa tanah yang diterima setiap bulan. Petani-petani yang terbabit juga akan berkeyakinan untuk terus melabur dan mempertingkatkan teknologi pertanian ke arah peningkatan produktiviti pertanian dan makanan negara.

Seterusnya, Tuanku juga telah memuji keprihatinan kerajaan menyalurkan bantuan kepada rakyat yang dikenal pasti miskin dan perlukan bantuan melalui Projek Cari melalui Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. Sehubungan dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas atas kejayaan kementerian dalam projek ini. Walau bagaimanapun, laporan kementerian tentang bilangan penerima bantuan Projek Cari setakat Mac 2009 yang baru diumumkan di Dewan yang mulia ini semalam telah pun mengejutkan dan juga menyedarkan kita semua tentang betapa seriusnya masalah ini. Walaupun negara kita telah pun dikatakan sebagai sebuah negara yang makmur dan membangun.

Tuan Yang di-Pertua, dengan berkonsepkan kepada ajaran *Confucius* bahawa demi memastikan seseorang itu dapat makan ikan seumur hidupnya maka mengajarnya teknik untuk memancing adalah lebih baik daripada kalau kita memberikannya ikan untuk makan. Oleh itu, daripada sekadar memberikan bantuan kewangan setiap bulan saya menggesa agar kerajaan

berusaha dan mengambil langkah untuk membantu mereka meningkatkan pendapatan semasa. Ini supaya satu hari nanti mereka boleh bebaskan diri daripada kepompong kemiskinan dan seterusnya meringankan beban kerajaan.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya cuba untuk memahami apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Di mana daripada statistik Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat telah dapat dikenal pasti seramai 128,944 orang yang dapat dikesan. Di mana 54,671 iaitu lebih kurang 42% telah pun diluluskan bantuan kebajikan.

■1640

Jadi adakah Yang Berhormat bermaksud bahawa kita tidak perlu bangga dengan angka jumlah yang begitu tinggi sedangkan apa yang kita harus lakukan ialah melalui cara-cara lain yang dapat kita membantu orang-orang yang miskin ini terkeluar daripada...

Puan Heng Seai Kie: Miskin.

Timbalan Yang di-Pertua: ...Golongan kemiskinan. Adakah itu yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi?

Puan Heng Seai Kie: Ya. Benar Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah saya sambung? Itulah maksud saya yang sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, Tuanku juga telah mengingatkan supaya wakil rakyat dapat menunjukkan perilaku yang terpuji dalam Dewan Parlimen. Baginda juga amat sedih dengan perilaku yang tidak sepatutnya di kalangan wakil rakyat pada sesi yang lalu yang telah memberikan imej negatif kepada wakil rakyat sendiri, Dewan Rakyat, iaitu bukan Dewan Negara serta negara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa perilaku yang tidak sepatutnya itu adalah merujuk kepada *sexist remarks*, dengan izin, yang menghina wanita. Oleh itu, saya menuntut supaya tindakan tegas dikenakan ke atas wakil rakyat yang telah mengeluarkan kata-kata berunsur seksual iaitu dengan izin, *sexist remarks* yang menghina wanita baik di kalangan DUN ataupun Dewan Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, demi memperkasakan hak asasi wanita dan hak perikemanusiaan, kerajaan digesa mengambil langkah proaktif untuk memupuk nilai sensitiviti gender di kalangan pembuat undang-undang demi menanam sikap menghormati wanita, memupuk budaya *non-discrimination*, dengan izin, dan kesaksamaan berkaitan isu gender di Parlimen dan DUN. Ini adalah selaras dengan persetujuan kerajaan sempena Deklarasi Milenium, *United Nations Summit* pada September 2000 untuk memerangi kemiskinan, kebuluran, penyakit, buat huruf, pencemaran alam dan diskriminasi terhadap wanita.

Bahasa berunsur seksual yang diujahkan oleh wakil rakyat di institusi perundangan tertinggi di negara ini bukan setakat telah menghina dan menyinggung perasan semua kaum wanita di negara ini tetapi juga menjatuhkan imej Parlimen Malaysia. Disebabkan tiadanya tindakan dikenakan atas mereka yang terlibat, ia seolah-olah memberi gambaran kepada masyarakat umum bahawa pertuturan sedemikian adalah dibenarkan dan diiktiraf oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, gejala *sexist remarks* oleh wakil rakyat yang telah pun mula berlaku sejak tahun 1995 di kedua-dua Dewan Undangan Negeri dan Parlimen, malahan ia didapati semakin berleluasa di tahun-tahun kebelakangan ini. Yang lebih mengecewakan adalah daripada 27 insiden yang direkodkan, 24 kes daripadanya iaitu hampir 90% adalah melibatkan wakil rakyat lelaki BN sendiri. Selebihnya adalah dari parti PAS.

Tuan Yang di-Pertua, semua pemangsanya adalah lelaki. Yang lebih memalukan ialah ramai di antara mereka ini telah mengambil ringan dan enggan pula meminta maaf walaupun telah membangkitkan kemarahan masyarakat umum, khususnya kaum wanita di negara ini. Namun begitu, setakat ini belum ada mana-mana pihak yang telah dikenakan tindakan disiplin atas pertuturan mereka yang kurang sopan dan menjijikkan itu. Hakikat ini juga telah dijadikan sebagai satu isu pertikaian parti pembangkang semasa Pilihan Raya Umum Keduabelas. Ia juga dipercayai merupakan salah satu punca utama kekalahan BN pada 8 Mac 2008 akibat kehilangan sokongan daripada pengundi wanita iaitu komponen pengundi terbesar iaitu melebihi 50% di negara ini.

Bertepatan dengan pepatah Melayu, kerana tahi lalat setitik rosak bubur sebelanga. Kerana kesilapan beberapa orang wakil rakyat, calon-calon BN lain pula turut menjadi mangsa. Akibatnya kerajaan BN telah kehilangan status 2/3 majoriti di Dewan Rakyat Parlimen...

Timbalan Yang di-Pertua: Ini pertama kali saya dengar peribahasa ini Yang Berhormat.

Puan Heng Seai Kie: Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu demi menjamin keutuhan politik negara, amalan yang tidak sihat ini haruslah dihapuskan segera. Antara langkah-langkah yang boleh diambil kerajaan ialah mengenakan tindakan disiplin dan hukuman yang seberat-beratnya ke atas mana-mana wakil rakyat yang mengeluarkan kata-kata yang berunsurkan seksual. Ini termasuklah mengenakan sekatan menghadiri sesi Dewan, memotong bayaran elaun bulanan mereka dan yang ketiga melucutkan namanya daripada senarai calon di pilihan raya umum akan datang.

Kedua, mewajibkan satu kursus orientasi untuk semua wakil rakyat iaitu Dewan Undangan Negeri dan Parlimen. Kandungan kursus haruslah merangkumi topik kesaksamaan gender demi memupuk nilai sensitiviti gender di kalangan semua wakil rakyat. Ini adalah selaras dengan persetujuan konvensyen IIPA yang diadakan Ho Chi Minh City pada 2 Disember 2000 lalu.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menggesa kerajaan untuk segera melaksanakan dasar penglibatan sekurang-kurangnya 30% wanita dalam pembuatan keputusan di bidang politik dan juga sektor awam seperti mana yang termaktub dalam para 13.21 Rancangan Malaysia Kesembilan. Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan persetujuan kerajaan Malaysia sempena konvensyen menghapuskan semua bentuk diskriminasi terhadap wanita iaitu SDO dan *Beijing Platform for Action* iaitu BPFA dalam usaha memperkasakan hak wanita secara global, kerajaan adalah digesa untuk melaksanakan dasar yang tersebut di atas dengan kadar segera. Ini kerana mengikut laporan indeks jurang gender dunia Malaysia kini adalah terletak di

tangga terakhir. Indeks ini mengukur jurang gender sesebuah negara dalam empat bidang yang kritikal iaitu peluang dalam penglibatan ekonomi, perolehan pendidikan, kesihatan dan jangka hayat serta pengupayaan politik.

Tuan Yang di-Pertua, ketepatan laporan ini turut dibuktikan oleh statistik penglibatan wanita Malaysia di tahap pembuatan keputusan di pelbagai bidang pada Jun tahun 2007 seperti yang berikut:

- (i) di sektor awam - 13.3%;
- (ii) jawatan duta, pesuruhjaya tinggi dan wakil tetap ke persekutuan-persekutuan negara-negara antarabangsa - 18.3%;
- (iii) sektor penghakiman - 9%; dan
- (iv) sektor korporat - 14.5%.

■1650

Jadi statistik menunjukkan bahawa semua sektor kita adalah jauh ketinggalan daripada matlamat penglibatan 30% wanita di tahap pembuatan keputusan terutama sekali di sektor awam yang terletak di bawah kawalan kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam arena politik, penglibatan wanita di tahap pembuatan keputusan adalah lebih mengecewakan. Setakat Jun 2008, statistik wakil rakyat wanita dan jawatan yang dipegang adalah seperti berikut:

- (i) ADUN - 8%;
- (ii) Ahli Dewan Rakyat – 10.4%;
- (iii) Ahli Dewan Negara – 26.7%;
- (iv) Timbalan Menteri - 15.8%; dan
- (v) Menteri – 6.3%.

Jadi, semua ini telah jelas menunjukkan bahawa kaum wanita di Malaysia adalah dengan izin, *under represented* di semua bidang terutamanya dalam bidang politik. Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa selain merupakan lebih daripada setengah iaitu 51% daripada jumlah pengundi berdaftar, kaum wanita juga merangkumi 49.1% daripada jumlah penduduk Malaysia. Daripada jumlah ini 45.9% adalah daripada mereka yang berada dalam lingkungan umur antara 15-64 tahun iaitu lingkungan umur tenaga kerja yang dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Statistik IPT tahun 2005 hingga tahun 2006 menunjukkan pencapaian pendidikan adalah dijuarai oleh pelajar wanita di semua peringkat. Hampir 65% daripada pelajar Sarjana Muda adalah mahasiswi, manakala 54.5% untuk kursus Sarjana dan 38.7% untuk Ph.D. Oleh itu kekurangan calon wanita yang sesuai untuk menyandang jawatan tinggi tidaklah boleh dijadikan satu alasan kepada peratusan yang rendah penglibatan wanita di tahap pembuatan keputusan negara ini.

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, demi memantapkan keutuhan politik negara dan pembangunan negara yang lebih menyeluruh, demi menunjukkan kesungguhan dan

keikhlasan negara dalam memperkasakan hak wanita, adalah dicadangkan agar kerajaan mengambil tindakan segera yang sewajarnya untuk merealisasikan pencapaian dasar 30% wanita di tahap pembuatan keputusan di semua sektor. Maka dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjunjung kasih Titah Tuanku. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, tapi bagi menghormati wanita, pada hari Isnin dan semalam hari Selasa, Dewan Negara telah memberanikan untuk meminta seorang ahli wanita yang boleh mengetuakan Mesyuarat untuk mempengerusikan Mesyuarat. Itu Yang Berhormat tidak sebut. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung, selepas itu saya minta Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook untuk bersedia.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk ambil bahagian menjunjung kasih titah ucapan Seri Paduka Baginda yang di Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, satu masa pada tahun lalu, krisis makanan global tercetus dan menyebabkan banyak negara menghadapi masalah kekurangan beras. Ekoran daripada itu, harga beras telah melonjak tinggi. Pada masa itu kerajaan pernah mengumumkan dasar jaminan bekalan negara di mana kerajaan akan mengeluarkan peruntukan besar bagi menyiapkan serta penanaman sawah padi di seluruh negara dan telah pun menetapkan berapakah kawasan di Sarawak sebagai kawasan penanaman sawah padi. Maka, rakyat Sarawak merasa ingin tahu berapakah jumlah peruntukan di bawah dasar berkenaan dan berapakah luas tanah yang dimasukkan di dalam dasar tersebut di Sarawak. Selepas dasar diumumkan sehingga kini, apakah status pelaksanaan dasar tersebut di seluruh negara dan di Sarawak?

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan kadar pengangguran pada 4.5% membayangkan peluang pekerjaan dalam negara telah pun berkurangan dengan banyak. Pihak kerajaan telah pun mengeluarkan seruan kepada syarikat tempatan supaya mengurangkan penggunaan pekerja-pekerja asing. Seruan juga perlu di buat kepada warganegara terutamanya bagi mereka yang menganggur supaya jangan terlalu cerewet semasa memilih pekerjaan memandangkan suasana ekonomi sedemikian. Namun, salah satu isu penting yang perlu diberikan fokus adalah pekerja-pekerja asing yang telah dihentikan kerja oleh syarikat tempatan mestilah dihantar balik ke negara masing-masing secara sistematik sebab ada aduan menyatakan bahawa pekerja-pekerja asing tersebut tidak balik ke negara masing-masing selepas dihentikan kerja, menjadi pekerja asing haram yang merampas pekerjaan daripada warganegara. Lagi teruk, ada pula yang melakukan kegiatan jenayah di negara kita.

Oleh yang demikian, adakah kementerian dan jabatan berkaitan memantau serta memastikan pekerja-pekerja asing yang dihentikan kerja, balik ke negara masing-masing melalui saluran yang betul. Sekiranya didapati ada majikan-majikan tidak menghantar balik pekerja-pekerja asing mengikut undang-undang, tindakan harus diambil ke atas mereka

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga mencadangkan cukai kepala pekerja asing akan dinaikkan dua kali ganda bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan. Sebenarnya polisi adalah

mengurangkan bilangan pekerja asing di kedua-dua sektor tersebut supaya pekerja tempatan dapat peluang bekerja. Akan tetapi disebabkan kos beban majikan bertambah dan susah mengupah pekerja tempatan yang sesuai, mungkin mendorong sebahagian majikan mengambil risiko untuk mengupah pekerja asing haram bagi mengurangkan kos dan bagi menyelesaikan masalah susah mencari pekerja tempatan sesuai. Jika ini berlaku, ia akan bertentangan dengan niat sebenar polisi dan memburukkan keadaan lagi, maka diharap polisi ini dapat dikaji balik semula.

Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan ekonomi mendorong lebih ramai lagi rakyat memilih hospital kerajaan untuk mendapatkan rawatan perubatan serta sebagai langkah menjimatkan kos kehidupan. Adakah pihak hospital kerajaan mempunyai doktor dan kakitangan perubatan yang mencukupi bagi menampung pertambahan pesakit yang berterusan. Adakah ubat-ubat di farmasi hospital mencukupi kerana ada aduan menyatakan hospital kekurangan ubat dan doktor mengarah pesakit membeli ubat farmasi di luar sendiri. Bagaimana kementerian dapat memastikan doktor dan kakitangan perubatan yang berpengalaman terus berkhidmat di hospital kerajaan kerana ada rakyat membuat aduan, banyak doktor bertugas kekurangan pengalaman dan tidak memberi rawatan yang sewajarnya kepada pesakit. Macam satu kes yang berlaku di Hospital Miri pada 14hb Februari 2009, seorang mahasiswi terbabit dalam satu kemalangan yang akhirnya meninggal dunia. Disyaki tidak mendapat rawatan serta merta juga mungkin disebabkan kekurangan doktor dan kakitangan perubatan berpengalaman bertugas pada masa itu.

■1700

Maka saya menyeru pihak kementerian, harus menghantar cukup doktor atau kakitangan perubatan ke hospital yang memerlukan di seluruh negara. Selain itu, adakah hospital kerajaan memberikan *priority* kepada warga emas yang berusia 65 tahun ke atas yang kurang sihat dan rawatan percuma.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan jalan raya di Sarawak dan Sabah amat tidak memuaskan. Saya pernah menyentuh isu ini pada mesyuarat pertama persidangan Parlimen tahun lalu, namun hari ini terpaksa saya membangkitkan isu ini sekali lagi. Oleh sebab kualiti jalan utama Sabah dan Sarawak tidak memuaskan, mengakibatkan jalan-jalan utama berlubang sana sini selepas musim hujan yang panjang. Ada jalan raya di lereng bukit selalunya berlaku dan tanah runtuh, walaupun Jabatan Perairan telah pun membuat kerja baik pulih, tetapi mutu keseluruhan jalan raya masih kurang memuaskan. Jalan raya yang terjejas kadang kala tidak dibaikpulihkan beberapa bulan atau yang lagi teruk, beberapa tahun.

Keadaan ini amat menjejaskan perhubungan lalu lintas yang membawa risiko kepada pengguna jalan raya. Saya menyeru Kementerian Kerja Raya Persekutuan, memandang serius masalah ini yang lama tergantung, memang satu perkara yang mengejutkan semasa rakyat Semenanjung asyik mengeluh akibat kenaikan harga tol, tetapi Sarawak dan Sabah belum ada satu jalan utama yang memuaskan. Saya harap pihak kementerian dapat memberi perhatian

serius, dan meningkatkan peruntukan membaik pulih jalan raya di Sabah dan Sarawak dengan segera.

Saya juga berharap Kementerian dapat memastikan mutu kerja membaik pulih adalah selalu memenuhi piawaian yang ditetapkan. Selain itu, adakah Kementerian bercadang merancang untuk membina jalan utama menghubungkan Kapit dengan Sibul, Marudu dengan Miri. Di samping itu, terowong merupakan salah satu kawasan industri berat di mana terletaknya kilang gas asli terbesar di dunia, kilang baja ABF, Pelabuhan Laut Dalam, tempat eksport minyak kelapa sawit dan sebagainya. Akan tetapi jalan utama sepanjang 15 kilometer yang menghubungkan kawasan industri dengan bandar Bintulu amatlah tidak memuaskan. Saya berharap pihak berkaitan boleh memberi perhatian serius dan mengambil tindakan segera.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun terdapat ramai pelajar sekolah swasta dan pelajar persendirian menyertai peperiksaan sijil kerajaan termasuklah PMR, SPM dan STPM. Kementerian mengiktiraf pelajar yang mendapat keputusan cemerlang selepas keputusan peperiksaan diumumkan, tetapi pengiktirafan tersebut tidak termasuk pelajar sekolah swasta dan pelajar persendirian. Oleh sebab semua pelajar ini sama-sama menjawab soalan peperiksaan Kementerian yang sama, jawapan juga dibetulkan oleh panel Kementerian yang sama. Adalah berpatutan sekiranya Kementerian mengakui dan mengiktiraf semua pelajar yang mendapat keputusan cemerlang, supaya tidak melukai maruah diri pelajar sekolah swasta dan pelajar persendirian yang mendapat keputusan cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pernah membuat pernyataan di Dewan Rakyat bahawa semua pelajar yang mendapat 10A1 akan mendapat biasiswa JPA secara automatik. Adakah pelajar sekolah swasta yang memperoleh 10A1 ke atas juga mempunyai peluang mendapat biasiswa tersebut, jika tidak apakah sebabnya.

Tuan Yang di-Pertua, guru sandaran yang telah melaporkan diri mengikuti kursus latihan perguruan, didapati bahawa mempunyai syarat tidak boleh melebihi umur 20 tahun, mereka yang mengambil tindakan telah pun mencapai umur 20 tahun dan ditolak atas syarat kursus tersebut. Adakah Kementerian mempertimbangkan untuk meluluskan permohonan tersebut secara fleksibel?

Tuan Yang di-Pertua, latihan semula mahasiswa dan mahasiswi memakan perbelanjaan besar, sekiranya dapat menjimatkan peruntukan tersebut, ia dapat digunakan untuk mendidik lebih ramai lagi pelajar-pelajar dan juga dapat menjimatkan masa belajar. Selain itu, latihan semula mahasiswa dan mahasiswi melibatkan orang terfikir apakah sebenarnya mereka telah belajar dalam universiti, dalam kehidupan kampus selama empat tahun. Adakah ini kerana mahasiswa mahasiswi telah memilih kursus yang tidak diminati atau kursus *secure*, melibatkan mereka susah mencari kerja. Adakah Kementerian mempertimbangkan untuk membuka kuota khusus universiti supaya mahasiswa mahasiswi dapat memilih kursus yang diminati oleh mereka sendiri. Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Yip Kum Fook.

5.06 ptg.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya turut serta mengambil bahagian dalam perbincangan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertarikh 16 Februari 2009 di Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua titah baginda mengandungi misi dan visi pandangan jauh. Baginda Tuanku sayang kepada rakyatnya, tentulah ini satu fenomena yang baik bagi pembangunan negara kita, satu kebahagiaan kepada rakyat negara kita. Titah Tuanku jelas menunjukkan Baginda amat prihatin, bukan setakat tentang negara tetapi juga perkembangan ekonomi global. Saya percaya bahawa negara kita akan selamat daripada akibat buruk krisis ekonomi dunia kini, kerana kita telah pun bersedia untuk berhadapan dengan segala kemungkinan yang teruk, dengan izin, *we are prepare for the worse*.

Saya percaya yang paling teruk masih belum sampai, *the worse is yet to come*, dengan izin. Dengan itu saya percaya negara kita akan dapat menghadapi krisis ini dan akan terus berkembang maju kelak. Saya juga menyanjung tinggi titah Baginda agar negara kita, mewujudkan iklim pelaburan yang lebih kondusif dan memperkenalkan dasar pelaburan yang lebih liberal dan terus.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengumumkan negara kita akan menaikkan levi kepada pekerja asing. Kita faham niat dan tujuan kerajaan supaya dapat mengurangkan bilangan pekerja asing, tetapi tindakan ini akan memberi impak yang buruk khasnya kepada pelabur-pelabur, terutama sekali pelabur-pelabur yang besar dari luar negara. Kos mereka akan melambung naik dan kilang mereka akan tutup. Siapa lagi hendak datang melabur? Saya diberitahu oleh pelabur asing semasa saya berada di luar negeri, mereka kurang senang hati dengan arahan dan peraturan yang sering digubal dan diubah di negara kita. Seajar dengan titah baginda, kerajaan tidak boleh memberi perintah dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut akhbar tempatan semalam, terdapat satu pembunuhan berlaku di Taman Melawati. Satu mayat ditemui di bonet kereta, disyaki adalah penuntut wanita dari negara China, yang telah hilang beberapa hari.

■ 1710

Itu kelmarin, semalam punya berita. Hari ini saya baru terima mesej pihak polis mengenai pasti mayat yang dijumpai dalam bonet kereta adalah tuan punya kereta itu, seorang lelaki yang berusia 37 tahun. Saya bangkit perkara ini kerana saya selalu ada pergi ke luar negeri. Kita sering bertemu dengan rakyat di luar negeri seperti di Indonesia dan di negeri China.

Berita seperti ini harus kita lebih serius mendapatkan kenyataan yang benar sebelum disiarkan kerana berita yang diuar-uarkan ini, kalau sedikit sahaja masalah kita cakap penuntut wanita itu dari negeri China, itu sangat sensitif. Begitu juga dengan pembantu rumah, jangan sedikit sahaja pembantu ini diseksa ini akan mendatangkan akibat yang buruk khasnya apabila kita sebagai peniaga pergi ke luar negeri berniaga dengan orang Indonesia, orang-orang China.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam Dewan ini kalau tidak selalu pergi ke luar negeri sudah tentu tidak tahu atau bagaimana susahya hendak menjelaskan keadaan sebenarnya sekiranya orang-orang dari negara itu khasnya kaum wanita dari negara berkenaan menghadapi masalah seperti ini, pembunuhan, rogol dan sebagainya. Berita yang negatif ini harus diberi perhatian yang lebih berat. Saya tidak mahu mengutuk pemberita tetapi berita-berita seperti ini harus disekat sebelum ianya mendapat kenyataan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kiraan *The Star*, kerajaan memerlukan RM5 bilion untuk mengambil alih saham PLUS iaitu Lebu Raya Utara-Selatan. Kita semua faham kerajaan kita juga terikat oleh perjanjian khasnya perjanjian yang bertulis seperti ini walaupun perjanjian itu didapati tidak seimbang dan mungkin menjadi terbatal, *null and white* dengan izin, jika dicabar di mahkamah tetapi dengan kos RM5 bilion ini dapat kita mengambil alih.

Saya berharap kerajaan kita dapat menimbang sama ada kita boleh mengambil alih atau membeli balik *at least* dengan izin, membeli *stakeholder*, membeli *control stake*, dengan izin *control stake* supaya kita dapat menahan tol-tol yang suka melambung naik setiap tiga tahun apabila sampai tempoh. Saya bersimpati dengan JKR yang sering dikutuk dan dimarahi khasnya berhubung dengan kenaikan tol.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pertanyaan saya adalah kenapa EPU yang merancang semua ini tidak dikutuk, tidak diminta untuk menjelaskan atau menjawab kenapa perjanjian yang merugikan yang sangat-sangat merugikan rakyat kita ini tidak dijawab oleh EPU. Apa kena mengena dengan JKR, bukan saya sangat sayang kepada JKR tetapi yang merancang dari perjanjian sehingga tandatangan perjanjian itu adalah EPU. Bak kata pepatah, lain yang makan angka, lain yang kena getahnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Tenaga Nasional Berhad atau TNB, kerana mereka merupakan salah satu syarikat swasta dalam penswastan yang benar-benar menjalankan perniagaan dengan izin, *the main business*. Sebelum bekalan elektrik dapat disalurkan kepada pengguna, TNB membina dam supaya dapat menjana elektrik. Mereka membina *hydrant, pylon* bukan *hydrant, pylon* dan disambungkan kepada PPU, pencawang utama dan substesen. Semua kelengkapan ini dilengkapi oleh TNB sendiri dengan kos mereka sendiri. Mereka tiada meminta pengguna untuk membayar ini.

Akhirnya kita minta meter hanya pengguna membayar deposit sahaja, meter itu tiada caj, tidak ada *fees* tapak pencawang elektrik itu pun mereka kena bayar walaupun nominal kepada pemaju. Ini betul-betul menjalankan *business*. Apa jadi dengan satu lagi bekalan air. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semua saluran paip dibekalkan oleh pemaju perumahan. Itu kos yang kita tanggung, kita sebagai pembeli tanggung. Tangki air dibina berserta tapaknya diserahkan kepada bekalan air. Semuanya siap dibina sebelum boleh dihantar boleh diserap kepada SYABAS berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum pelan pembangunan boleh dibaca oleh SYABAS, mereka dikenakan 2.5 dengan izin 2.5% harga jualan hartanah itu iaitu semua gerai atau rumah dikenakan 2.5% sebagai *contribution*, dengan izin. *Contribution* itu untuk mereka membuat apa, *reservoir* kata mereka dengan izin, tangki besar itu. Saya ingin meminta penjelasan di bawah undang-undang apa yang manakah memberi kuasa kepada SYABAS untuk mengenakan bayaran ini dan bilakah undang-undang ini telah diluluskan oleh Parlimen yang mulia ini.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam *statutory cost*, dengan izin, hanya cukai pendapatan, PERKESO dan sebagainya boleh dicajkan ke atas pengguna tetapi SYABAS telah mendapatkan konsesi dan menandatangani kontrak dengan kerajaan, dia pun boleh caj.

■ 1720

Pengguna bukan satu parti kepada kontrak konsesi tersebut. Jadi, apa yang berlaku sebenarnya saya mahu menyifatkan perkara ini sebagai satu perompakan di siang hari. SYABAS telah mengenakan bermacam-macam syarat kepada pemaju. Ada 21 jenis borang hendak diisi sebelum seseorang itu boleh mendapat saluran bekalan air. Saya tidak faham mengapa setelah penswastaan ini, SYABAS kian lama kian bertambah borang berkenaan. Ini tentu bertentangan dengan harapan kita yang kita mahu menuju ke satu, dengan izin, *paperless* kerajaan.

Puan Heng Seai Kie: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengikuti perkembangan Syarikat SYABAS baru-baru ini. Saya dapati bahawa sebenarnya Syarikat Air SYABAS ini ternyata amatlah prihatin dengan kebajikan pekerjanya, di mana kita dapati CEOnya telah dibayar gaji campur dengan elaun adalah sebanyak RM5.1 juta setahun, iaitu jauh lebih tinggi daripada gaji Perdana Menteri kita. Jadi, saya ingin meminta pandangan Yang Berhormat. Adakah kerana sebab-sebab inilah Syarikat SYABAS terpaksa mengenakan bayaran-bayaran ini demi menampung semua perbelanjaan tersebut? Sekian.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berterima kasih di atas percakapan Yang Berhormat tadi mengenai dengan bayaran yang diberikan kepada CEO SYABAS. Itu terpulanglah kepada syarikat berkenaan. Sekiranya syarikat dengan cara mereka begitu, saya ingat mereka mampu bayar bukan setakat RM5.1 juta sahaja, tetapi mereka sanggup membayar RM10 juta kerana itu merupakan perompakan siang hari seperti yang saya katakan tadi. Saya mahu kerajaan kita benar-benar pergi mengkaji semula, apakah yang berlaku di syarikat berkenaan. Terima kasih.

Izinkan saya teruskan. Sedikit saja lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah menerima aduan umum tentang kesusahan untuk mendaftarkan kolej swasta. Kolej yang bukan bertaraf universiti. Pada mulanya, pengusaha telah diminta untuk mengubahsuai premis mereka sebelum sebarang permohonan pendaftaran boleh dibuat. Setelah pengubahsuaian tersebut yang menelan belanja beratus ribu, permohonan pendaftaran mereka ditolak pula dengan pelbagai alasan termasuklah tidak disokong oleh LAN dan tempat atau premis tidak mencukupi untuk menampung bilangan pelajar padahal isu LAN tidak wujud dalam kolej bukan bertaraf universiti.

Saya tidak tahu mengapa jawapan seperti ini boleh diberi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, setelah banyak kali mencuba, sehingga kini kolej tersebut masih tidak dapat didaftar. Namun proses pengajaran dan pembelajaran masih diteruskan tanpa pendaftaran. Setiap enam bulan sekali, pihak kolej tentu akan menerima surat amaran. Telah lama perkara ini berlanjutan tanpa sebarang penyelesaian. Bertahun-tahun perkara yang sama berlaku dan tidak berubah, bahkan kolej ini diminta pula untuk membeli satu lesen kolej lain yang tidak beroperasi, kerana pihak kementerian telah meluluskan banyak lesen kepada kolej yang tidak beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua, kolej ini telah mencatatkan kecemerlangan antarabangsa dan mengharumkan nama Malaysia di mata dunia dengan mendapat pingat perak pada tahun 2007, dan memenangi johan keseluruhan dengan memungut pingat emas serta perak pada peperiksaan LCCI pada tahun 2008. Saya meminta kementerian yang berkenaan menjawab dan meneliti perkara yang tidak sepatutnya berlaku ini. Kenapa dan mengapa ini boleh terjadi. Dengan kata-kata demikian, saya menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Tuan Osman bin Bungsu. Yang Berhormat bercadang hendak berbahas tadi? Ya, dipersilakan, Yang Berhormat.

5.26 ptg.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merafakkan sembah di atas kesudian Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Majlis Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kedua Belas. Sesungguhnya, Titah Baginda yang mencakupi pelbagai skop menunjukkan keprihatinan baginda terhadap rakyat jelata dan negara amnya. Dalam Titah Baginda, Seri Paduka Baginda telah menyentuh pelbagai aspek penting mengenai pembinaan negara masa kini dan akan datang. Antaranya memaparkan krisis kewangan dan ekonomi global, perusahaan industri kecil, bioteknologi, kejatuhan komoditi, kesan kepada ekonomi negara dan masyarakat FELDA, hanya keperluan kawalan harga barangan, masalah kaum termasuklah Sabah dan Sarawak serta Orang Asli yang berada di luar bandar. Selain itu, keperluan kemudahan-kemudahan perumahan rakyat, isu ketenteraman awam dan keselamatan negara telah dibahaskan oleh Duli Yang Maha Mulia.

Pertama, saya ingin menyentuh mengenai perpaduan antara kaum, yang mana perpaduan adalah hadiah tidak ternilai harganya yang telah dikekalkan oleh semua rakyat dalam masyarakat majmuk. Setiap warga yang cintakan keamanan mesti memberikan komitmen sepenuhnya terhadap keharmonian serta perpaduan. Oleh itu, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan harus mewujudkan lebih banyak aktiviti yang membabitkan semua kaum pada peringkat akar umbi. Pembangunan biarlah berteraskan perpaduan. Semua projek pembangunan perlu dikaji dengan teliti untuk memastikan ia mendatangkan faedah di dalam memperkukuhkan perpaduan kaum di kalangan rakyat.

Projek yang menjuruskan ke arah perpecahan kaum perlu dikaji semula dan diperbaiki. Saya ingin tahu berapa banyakkah pusat aktiviti perpaduan yang telah diwujudkan di seluruh

negara dan kesannya dalam memberi manfaat untuk perpaduan masyarakat dan kestabilan, kemakmuran rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Integrasi Murid untuk perpaduan dan aktiviti kokurikulum yang bertujuan untuk meningkatkan serta menyuburkan semangat kerjasama antara kaum sebagai pemangkin perpaduan nasional perlulah diberi perhatian. Kewujudan pelbagai aliran sekolah dalam sistem pendidikan yang dilaksanakan sekarang adalah bukti keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional terhadap kehendak rakyat. Hakikatnya kefasihan dalam bahasa Melayu dan juga kemahiran dalam bahasa Inggeris serta bahasa lain memang penting dan saling mempengaruhi, malah menjadi kunci kejayaan pelaksanaan perpaduan negara termasuk Orang Asli yang tidak dipinggirkan dalam pembangunan negara.

■1730

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memfokuskan kepada tentang pembangunan Orang Asli yang ada sekarang. Kita melihat ialah kesan yang ada, pertamanya kesan daripada kenaikan harga barang dan perubahan kadar kemiskinan yang dibuat oleh Perdana Menteri daripada 50% pada tahun 2008 telah meningkat kepada 80%. Maka Pelan Induk Pembangunan Orang Asli yang sedia ada ini perlu diubah atau ditambahbaikkan supaya sesuai dengan keadaan-keadaan semasa yang dihadapi oleh dunia dan juga Malaysia agar kesan yang begini tidak diterima oleh masyarakat yang duduk terutama di kawasan pedalaman.

Terutama saya fikir tentang pemilikan tanah tadi. Saya telah bercakap tentang pemilikan tanah dari mula saya dilantik menjadi Ahli Dewan Negara sehingga hari ini, kata untuk memberi hak milik tanah ini kepada Orang Asli sedang dipertimbangkan, sedang dipertimbangkan, sedang dipertimbangkan. Ini termasuk janji daripada Kementerian Sumber Asli dan juga Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Baru-baru pada persidangan yang lepas Menteri Kemajuan menyuarakan bahawa Kabinet telah meluluskan untuk meminda Akta 134, yang ada kaitan dengan pemberian hak milik tanah kepada Orang Asli...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Osman bin Bungsu: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Berapa lama agaknya Yang Berhormat perlu masa untuk menghabiskan perbincangan ini?

Tuan Osman bin Bungsu: Saya rasa beri saya sepuluh minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, sepuluh minit boleh kerana mengikut Peraturan 11(5) saya hanya boleh melanjutkan masa tidak melebihi 15 minit iaitu Yang Berhormat boleh habiskan perbincangan sebelum 5.45 petang. Silakan Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya bagi memaparkan masalah Orang Asli. Yang kedua kita melihat ialah tentang pelan ini. Saya rasa pelan ini bukan melibatkan sahaja hak milik tanah tetapi peningkatan pendapatan Orang Asli, kualiti hidup Orang Asli, modal insan Orang Asli, peningkatan daya saing serta pembangunan insan itu sendiri. Jadi saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, kita tahu ada 141 ribu lebih jumlah Orang Asli di mana lebih kurang 30 ribu isi keluarga.

Jadi saya berharap peluang ini dapat dipertingkatkan tentang kemudahan infrastruktur di kalangan Orang Asli di mana kita lihat kebanyakan Orang Asli yang tinggal di luar bandar kebanyakannya infrastruktur air dan elektrik masih kekurangan. Apa salahnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi terutama dalam bidang elektrik dapat memberi sedikit peruntukan untuk membina satu *solar hybrid system* 24 jam kepada masyarakat-masyarakat di luar bandar kerana kalau hendak membina talian elektrik dari satu bandar ke satu bandar ke kampung Orang Asli memakan berjuta-juta ringgit. Malah berpuluh juta ringgit. Kalau RM1 bilion pun tidak cukup tetapi kalau dengan RM1 juta, tiga kampung boleh dibuat, saya rasa perkara ini boleh dilaksanakan oleh kementerian yang terlibat kerana tahun 2010 kita mahu seperti mana yang dikehendaki oleh kerajaan, Orang Asli akan menikmati kemudahan-kemudahan ini. Maka persediaan ini perlulah dibuat lebih awal.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya melihat masyarakat Orang Asli jauh ketinggalan dalam semua aspek pembangunan negara, dari bidang kerjaya, profesional, dari lepasan IPTA sebagai contoh sehingga tahun 2007, hanya seorang yang berkhidmat sebagai hakim, seorang sebagai pegawai tadbir dan diplomatik, pegawai perubahan tiga orang, akauntan lima orang, jurutera sembilan orang, guru ada 182 orang dan seorang Senator... [Tepuk] Jadi perkara ini saya berharap kepada JPA, berilah peluang kepada masyarakat Orang Asli ini yang berdaya saing. Ada kelulusan, ya lah, kalau hendak berdiri seperti mana Yang Berhormat kata hendak sama rata berjalan di padang yang sama, sudah tentu tidak boleh. Jadi berilah.

Walaupun naik ke gunung kah, ke bukit kah tetapi kelulusan 2.5 bolehlah jadi PTD. Beri latihan kepada dia, insya-Allah. Biarlah orang-orang ini dipenuhi dalam Jabatan Hal Ehwal Orang Asli itu sendiri. Biarlah dia jadi ketua pengarah. Ini yang penting. Kalau saya tidak dapat jadi Menteri pun tidak apa... [Ketawa] [Tepuk] Akan tetapi ini peluang.

Yang kedua ialah penambahan Senator, Ahli Dewan Negara. Lapan negeri, saya seorang berkejar sana, berkejar sini, seperti mana dikejar tidak dapat, yang dikendong tercicir. Isu bermacam-macam-isu datang..., masalah tanah, soal pendidikan tetapi amat sukar. Saya mohon kepada kerajaan supaya dapat penambahan seorang lagi sekurang-kurangnya supaya ada di bahagian negeri Perak, Selangor, Terengganu, Kelantan ada seorang Ahli Dewan Negara, di selatan, di Johor, di Pahang, di Melaka dan Negeri Sembilan ada seorang.

Maka dengan segala fokus yang ada ini, segala masalah yang dikenal pasti oleh Ahli Dewan Negara ini dapat diluahkan sendiri di Dewan Negara ini kerana peluang untuk menjadi Ahli Dewan Rakyat tidak mungkin. Sejarah tidak dapat dibuktikan bahawa ada Orang Asli yang boleh duduk kerana peluang tidak diberi. Dari segi kedudukan, dari segi kelayakan cukup. Saya pun jadi Ahli Jawatankuasa UMNO, sudah okey, sudah layak, G-7 sudah ada, Ahli Jawatankuasa Bahagian pun sudah ada, tetapi peluang tidak ada.

Ini mungkin kerajaan boleh tengok. Kalau pun tidak dapat jadi Menteri, kata orang itu dapat di Jabatan Perdana Menteri jadi penasihat pembangunan Orang Asli atau Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pun tidak apa, asalkan bertaraf menteri... [Ketawa] Agar ini dapat dilihat bahawa ada kerajaan prihatin dalam membangunkan masyarakat Orang Asli. Dengan secara tidak langsung, kita dapat memfokuskan segala masalah demi masalah. Kita tidak mahu janji banyak sangat dengan Orang Asli ini. Janji kalau tidak dibuat, satu masa akan datang, nanti jadi kerajaan langit, kerajaan ghaib.

Sekarang berlaku kerajaan ghaib di Perak. Sekejap ada, sekejap tidak ada. Kalau dia tidak ada, tidak adalah, tidak apalah. Kerajaan Barisan Nasional tetap kukuh atas sokongan Orang Asli sendiri. Kita tidak hendak nanti dia kata, "Yang Berhormat, saya sudah tahu niat Yang Berhormat datang sini hendak tengok pengundi kita, tetapi kadang-kadang janji Yang Berhormat kata hendak terangkan malam supaya terang benderang, tetapi tidak ada juga. *At last* bulan juga yang akan menerangi negara saya tadi, tempat saya." Saya tidak hendak perkara itu berlaku. Jadi inilah perlu keprihatinan kerajaan dalam soal di akhir-akhir saya berkhidmat, kerajaan berilah peluang kepada masyarakat Orang Asli untuk sama-sama turut dalam mentadbir negara kerana perjuangan Orang Asli dahulu sama-sama berjuang menjaga keselamatan negara, membunuh komunis, dapat melihat bahawa taktik dia sendiri pun dapat diguna pakai. Dia ada orang komunis di sini. Dia kata, okey di sana ada askar, baik tuan-tuan lari kerana dia hendak selamat.

■1740

Bila ada askar pula, dia kata, komunis ada di situ. Oleh sebab dia sendiri ada di situ maka pembalasan dapat dibalas. Ini kerana di dalam menuntut kemerdekaan, Orang Asli bersama-sama di dalam menuntut kemerdekaan, sama-sama.

Oleh sebab itu, Akta 134 yang diberikan kepada Orang Asli sudah 60 tahun. Selama 60 tahun Orang Asli ada akta! Orang Melayu tidak ada akta juga, orang Cina tidak ada akta, orang India tidak ada akta, tetapi sudah maju. Sudah Maju! Akan tetapi saya hairan macam mana? Adakah dengan adanya akta ini mengawal Orang Asli supaya tidak boleh bergerak dengan bebas, tidak boleh diberi peluang seperti masyarakat yang ada?

Saya berharap pandangan yang negatif ini saya rasa perlu diubah oleh kerajaan. Beri peluang supaya nanti PR 13 kita sama-sama dapat merangkul lima negeri yang dipimpin oleh parti pembangkang ini dapat kita raih semula. Inilah perjuangan sama sebab Orang Asli tidak akan berpindah dalam perjuangannya untuk menyokong kerajaan.

Jadi saya berharap kepada kerajaan sekali lagi..., ada masa lagi Tuan Yang di-Pertua? Empat minit lagi ya? Okey. Kepada pindaan akta kita ini, saya berharap sekali lagi Akta Tanah ini perlu diberi pandangan serius sebab kita tidak hendak lagi tanah rizab memang menjaga hak milik tetapi bila keadaan pampasan terlalu teruk, pampasan itu diikuti pokok sebab tanah ini tanah kerajaan. Jadi, pokok ini pun nilainya terlalu rendah. Jadi saya berharap kepada kerajaan sekali lagi supaya perkara ini diberi perhatian di dalam membangunkan masyarakat Orang Asli di dalam menyediakan kemudahan-kemudahan asas.

Begitu juga kepada pembangunan tanah di tanah rizab Orang Asli ini kalau dapat dikemaskinikan. Saya melihat FELCRA dan RISDA walaupun tanahnya enam ekar tetapi pendapatannya hanya sekitar RM300 hingga RM400 sebulan. Kadang-kadang diberi dividen dua kali setahun. Ini tidak mencukupi di dalam dunia yang serba maju. Maka saya mencadangkan supaya kerajaan dapat memikirkan agar ada wujud pembangunan tanah ala FELDA. Saya rasa dengan adanya tanah enam ekar sehingga sepuluh ekar, Orang Asli dapat *income* atau pendapatan dengan izin, lagi stabil. Walaupun dia duduk di pendalaman, dengan adanya tanah dia dapat mengusahakan pelbagai industri kecil yang boleh menjana pendapatannya sendiri. Dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah cukup dan saya tangguhkan Dewan sehingga jam 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.43 petang.